

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 16

Khamis

8 April 2010

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2009) 2010

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.1 hingga B.9

(Halaman 34)

Maksud B.12

(Halaman 108)

USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.2) 2009

(Halaman 46)

Jawatankuasa:-

Maksud P.1

(Halaman 34)

Maksud B.10

(Halaman 108)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 8 April 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara] minta Menteri Sumber Asli dan alam Sekitar menyatakan apakah tindakan kerajaan dalam melaksanakan Kajian Pelan Induk Projek Tebatan Banjir bagi Lembangan Sungai Johor yang telah pun disiapkan Jabatan Pengairan dan Saliran Johor pada tahun 2009.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]:
Selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran telah menyiapkan Kajian Pelan Induk Projek Tebatan Banjir bagi Lembangan Sungai Johor pada tahun 2009. Susulan daripada itu, JPS turut merangka beberapa rancangan tebatan banjir di Lembangan Sungai Johor berdasarkan kepada syor-syor dalam pelan tersebut. Di antara komponennya adalah:

- (i) pembinaan dua buah empangan di Sayong dan di Jeli;
- (ii) pembinaan lencongan banjir ataupun *floodway* di Bandar Kota Tinggi; dan
- (iii) menaik taraf Sungai Johor dan 21 anak sungai yang melibatkan pembinaan benteng banjir, mendalam dan melebarkan sungai, pembinaan struktur hidraulik dan menaikkan sistem saliran dalaman.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak JPS sekarang sedang menjalankan kerja ukur bagi cadangan kerja fizikal terusan lencongan banjir Bandar Kota Tinggi. Pelaksanaan kerja fizikal RTB ini yang dirangka diharapkan dapat dilaksanakan untuk mengurangkan masalah banjir di Lembangan Sungai Johor dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan ia tertakluk kepada jumlah peruntukan yang akan diluluskan oleh kerajaan. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya rasa terkilan sedikit Yang Berhormat Menteri apabila menyatakan bahawa ini semua bergantung pada jumlah peruntukan yang akan disediakan oleh kerajaan. Soal banjir yang berlaku di daerah Kota Tinggi ini adalah masalah kebiasaan yang berlaku pada tiap-tiap tahun. Jadi saya nak tahu, dalam perancangan yang diambil kira oleh pihak kementerian, adakah kementerian mengambil kira masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh penduduk, rakyat yang ada dalam kawasan daerah Kota Tinggi dengan memikirkan *constraint* nya ialah soal peruntukan. Serta apakah perancangan seterusnya untuk kementerian pastikan bahawa projek ini dapat dilaksanakan dan tidak tertangguh kerana soal peruntukan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya mohon maaf kalau Yang Berhormat terkilan kerana kita sebagai wakil rakyat, kita selalu memikirkan kebajikan masyarakat di kawasan kita masing-masing. Memang masalah banjir ini adalah satu masalah sosial yang besar dan oleh itu kerajaan juga akan menumpukan usaha untuk menentukan seberapa banyak projek tebatan banjir dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kespuluh.

Untuk makluman Dewan ini, jabatan ataupun Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah pun mengemukakan cadangan projek untuk tebatan banjir di seluruh negara berjumlah RM32.5 bilion tetapi kita pun harus sedar bahawa kerajaan mempunyai peruntukan yang terhad dan ada kemungkinan besar bahawa jumlah yang dipohonkan itu tidak dapat diluluskan semua. Itulah sebab tadi saya menjawab bahawa ini kalau ada peruntukan, ianya akan dilaksanakan. Kalau tidak ada peruntukan, memang tidak dapat dilaksanakan.

Bagaimanapun Kabinet baru-baru ini telah pun memutuskan bahawa kaedah-kaedah lain harus dicari bagaimana kita nak melaksanakan rancangan tebatan banjir ini supaya banyak lagi projek dapat dilaksanakan lebih daripada projek-projek yang telah diluluskan di bawah peruntukan biasa, *the normal development expenditure*. Misalnya dalam peruntukan biasa mungkin di luluskan beberapa bilion tapi masih banyak projek-projek lain yang kita fikirkan perlu disegerakan, maka Kabinet telah bersetuju bahawa kita menggunakan pendekatan *Public Finance Initiative* kerana dengan cara inilah kita berharap dapat masih banyak lagi projek di tempat-tempat yang mendesak di mananya berlaku banjir tiap-tiap tahun. Kita fikir Kerajaan Barisan Nasional berasa bertanggungjawab untuk menentukan projek-projek ini dapat dilaksanakan.

Oleh yang demikian, kalau peruntukan pembangunan tidak cukup, mungkin cara PFI akan dijalankan dan pada minggu ini saya akan membentangkan lagi satu cadangan bahawa kita akan menggunakan cara *deferred payment* untuk menjalankan projek tebatan banjir.

■1010

Ini kerana projek tebatan banjir ini tidak serupa dengan projek-projek pembangunan lain seperti sekolah, jalan raya dan sebagainya kerana kita semua maklum tiap-tiap tahun apabila banjir, kerajaan membelanjakan dari RM1.5 bilion kepada RM2 bilion sebagai pampasan kepada mangsa-mangsa banjir, kos perpindahan, kos memperbaiki infrastruktur yang rosak dan sebagainya. Jadi kita fikir kalau kos-kos ini dapat diguna nanti untuk membayar sistem *deferred payment*, maka masalah yang selalu melanda rakyat ini dapat diselesaikan dengan segera. Akan tetapi ini belum dilulus dan belum dibincang di Kabinet. Akan tetapi satu perkara yang sentiasa dalam pemikiran rakyat apabila satu projek diadakan secara *deferred payment*, harganya selalunya lebih tinggi. Jadi kementerian telah memutuskan dan akan mencadangkan kepada kerajaan bahawa walaupun kita menggunakan *deferred payment* ianya akan digunakan dengan tender terbuka. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan spesifik Johor.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya pun orang Johor.

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Jadi Yang Berhormat Sri Gading, sila Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan pagi ini ceria bagi kita semua. Soalan tambahan. Masalah banjir, Tuan Yang di-Pertua.

Sejauh mana kementerian mempunyai maklumat ini untuk mengatasi banjir? Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kami di Johor apabila berlaku banjir di Pahang, kita akan tunggu banjir di Segamat. Banjir sahaja di Segamat, kita akan tunggu banjir di Muar. Apabila banjir sahaja di Muar, ia akan sampai ke daerah saya, Batu Pahat. Ia begitu Tuan Yang di-Pertua, bertanggung. Kalau itu keadaannya, maknanya air yang datang ataupun air yang ada tidak mengalir ke laut. Maka ia berpindah dari daerah ke daerah.

Jadi adakah satu kajian dibuat berkenaan aliran – kalau betul ucapan saya ini Tuan Yang di-Pertua, aliran air mengalir yang menyebabkan banjir? Kalau punca-punca ini dapat kita ketahui Tuan Yang di-Pertua, mungkin agaknya dapat menolong untuk mengurangkan kesan banjir kepada kawasan-kawasan yang memang begitulah lazimnya berpuluh-puluh tahun, Tuan Yang di-Pertua. Berpuluh-puluh tahun Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu bagaimana pengetahuan secara terperinci jabatan ini dalam menangani masalah banjir. Saya hendak mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Memang Jabatan Pengairan dan Saliran kita mempunyai maklumat-maklumat. Yang pertama kita memang ada peta atau *flood pond area* di seluruh negara, juga peta ini telah pun diubahsuai untuk mengambil kira banjir yang telah berlaku di negeri Johor pada tahun 2006/2007.

Selain daripada itu, kita juga seperti di negeri Johor telah pun menjalankan lima kajian pelan induk tebatan banjir untuk lima lembangan negeri Johor. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti perkara-perkara yang seperti disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Dengan kita mengetahui aliran-aliran air, sumber-sumber air dan pelbagai kekangan dari segi fizikal dan sebagainya, dengan menggunakan pengetahuan dan maklumat itu kita merangka sistem tebatan banjir yang dianggapkan kita sebagai satu sistem yang akan berkesan kerana pada masa dahulu pendekatan kita senang, kita buat parit atau longkang supaya air terus mengalir ke laut tetapi sekarang *the sea level* dengan izin juga telah pun menjadi masalah.

Oleh itu, cara-cara lain seperti pembinaan kolam takungan, pembinaan lencongan dan sebagainya akan diambil sebagai satu pendekatan yang akan digunakan oleh Jabatan Pengaliran dan Saliran untuk melaksanakan program rancangan tebatan banjir ini. Tentulah sebelum sesuatu program dijalankan ianya haruslah diambil kira dengan segala maklumat-maklumat seperti di *drain* hari hujan dan sebagainya dan aliran sungai dan sebagainya. Jadi ini saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat perkara-perkara ini haruslah diambil kira termasuk isu *climate change*. Kita telah pun memberi tugas kepada NAHRIM untuk membuat satu *modeling* untuk meramalkan apakah akan berlaku 10 tahun, 20 tahun, 50 tahun akan datang akibat dari *climate change* yang berlaku di dunia ini. Mungkin aliran sungai berubah, jumlah hujan berubah dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, minta soalan tambahan. Saya orang Johor Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lain soalan nanti Yang Berhormat Shah Alam saya akan panggil.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Tak percaya boleh tanya Yang Berhormat Johor Bahru, saya orang Johor.

Tuan Yang di-Pertua: Lain soalan ya.

2. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) kos keseluruhan projek naik taraf Lapangan Terbang Batu Berendam di Negeri Melaka dan adakah semua kos dibiayai oleh peruntukan dari kementerian. Jika tidak, nyatakan jumlah pinjamannya; dan
- (b) setakat ini, berapa destinasi baru telah dipersetujui dan tarikh mula perkhidmatan ini.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini mengenai perkara yang pertama, Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan projek menaik taraf Lapangan Terbang Batu Berendam Melaka dengan kos sebanyak RM131.5 juta. Apabila projek ini hampir siap pada tahun 2009, Kerajaan Negeri Melaka telah meneruskan projek ini dengan penambahan skop yang berjumlah RM56.7 juta melalui pinjaman sebanyak RM60 juta daripada Kementerian Kewangan. Oleh yang demikian, kos keseluruhan projek ini adalah sebanyak RM188.2 juta.

Untuk menjawab bahagian yang kedua mengenai perkara ini, setakat ini hanya P.T Riau Airlines dari Indonesia yang mengadakan penerbangan ke Lapangan Terbang Melaka. Syarikat ini mengadakan penerbangan berjadual sebanyak enam kali seminggu bagi laluan Pekan Baru-Melaka-Pekan Baru dengan menggunakan pesawat Foker 50. Selain daripada itu, baru-baru ini sebuah lagi syarikat penerbangan dari Indonesia iaitu Wings Air yang merupakan anak syarikat kepada Lion Air telah mengemukakan permohonan untuk mengadakan penerbangan ke Lapangan Terbang Melaka bermula pada bulan Mac pada tahun ini. Wings Air bercadang untuk mengadakan penerbangan bagi laluan Padang-Pekanbaru-Melaka dengan kekerapan tujuh kali seminggu.

Walau bagaimanapun, pihak Wings Air telah mengemukakan permohonan supaya pihaknya diberi hak eksklusif untuk laluan tersebut yang mana hanya pihaknya

dibenarkan untuk beroperasi ke laluan yang berkenaan. Perkara ini masih lagi berada dalam peringkat pertimbangan kementerian pada masa kini.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kebiasaannya satu projek yang kos begitu tinggi untuk naik taraf, perlu ada keperluan atau perancangan yang lebih awal.

■1020

Saya difahamkan semasa permohonan projek ini, dikatakan naik taraf ini ialah untuk *Boeing 737, Firefly*. Juga selepas itu diminta tambahan lagi kepanjangan landasan itu untuk *Airbus A320, AirAsia* kerana Dewan yang mulia ini meluluskan peruntukan yang begitu besar untuk naik taraf. Soalan tambahan, saya apakah sebab kedua-dua *airline* ini tidak menunaikan perjanjian mereka? Ini kerana permintaan dari mereka, Kerajaan Negeri Melaka baru membuat permohonan untuk naik taraf.

Satu lagi, untuk *utilize* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Utilize airport* yang baru ini apakah rancangan kementerian untuk mengusahakan *domestic flight*. Baik pun dari Penang ke Melaka dan Singapura atau ke Pantai Barat, Pantai Timur dan juga Sabah, Sarawak. Untuk kita dapat menggunakan *airport* ini dengan sebaik-baiknya, tidak akan jadikan satu projek gajah putih. Terima kasih.

Dato' Sri Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka. Suka saya ambil kesempatan ini untuk memaklumkan Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini bahawa setiap projek pembinaan lapangan terbang termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Ianya adalah tertakluk kepada beberapa perkara. Antara lain termasuk peruntukan yang telah pun dikhususkan kepada sesuatu projek. Keduanya, adalah berteraskan kepada unjuran keperluan, unjuran ya. *Projection* dengan izin.

Dalam kes ini, memang benar bahawa terdapat permohonan baru dari Kerajaan Negeri Melaka. Bila projek itu sudah jalan separuh dan ianya adalah berteraskan kepada beberapa permohonan yang baru, yang saya difahamkan. Itu pun di antara pihak kerajaan negeri dengan syarikat-syarikat penerbangan yang berkenaan. Walaupun demikian, suka saya hendak jelaskan bahawa sama ada sesebuah syarikat penerbangan awam hendak tawarkan khidmat atau tidak ke mana-mana destinasi termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka, ianya adalah berteraskan kepada permintaan dan tawaran ataupun *supply and demand* pasaran semasa.

Kiranya sesebuah syarikat itu mendapati bahawa permintaan pasaran itu agak meyakinkan, agak berpotensi maka ianya akan kemukakan permohonannya kepada

pihak kementerian dan kementerian akan meluluskannya mengikut lunas-lunas yang tertentu, peraturan yang tertentu. Bukannya kita boleh paksa ataupun *arm twist* dengan izin mana-mana pihak untuk memberikan khidmat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan semasa beliau merasmikan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Supaya lapangan terbang ini dijadikan sebagai hab untuk pendaratan semua pekerja-pekerja asing di negara kita. Keduanya selain daripada kapal terbang ini berkeupayaan untuk menampung pendaratan *A320 Airbus* dan juga *Boeing 737*. Lapangan terbang ini sebenarnya hanya mempunyai satu sahaja syarikat penerbangan yang menggunakannya sehinggakan *Firefly* syarikat kepunyaan milik negara mengenakan beberapa syarat yang membebankan kerajaan negeri untuk turun mendarat.

Dalam masa yang sama negeri Melaka telah mencatat jumlah pelancongan yang begitu banyak sekali. Sebanyak RM8.9 juta pada tahun 2009 iaitu melebihi 35% daripada jumlah pelancong yang datang ke Malaysia. Soalan saya apakah insentif kerajaan bagi memastikan supaya kita dapat menarik minat lain-lain penerbangan asing, syarikat-syarikat penerbangan asing yang boleh menggunakan landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka ini.

Keduanya adakah kerajaan akan mengkaji taraf-taraf *airport charger* yang mungkin menyulitkan syarikat-syarikat penerbangan tambang rendah ini. Terakhirnya kerajaan negeri telah dikenakan bayaran untuk sebanyak RM60 juta untuk fasa kedua. Jadi memandangkan Kerajaan Negeri Melaka menyumbang sebanyak RM2 bilion satu tahun jumlah cukai kepada Kerajaan Persekutuan. Adakah kerajaan akan memberi pertimbangan supaya pinjaman ini ditukarkan kepada geran? Terima kasih.

Dato' Sri Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Jasin. Seperti mana yang saya jelaskan tadi sama ada Syarikat *Firefly* ataupun syarikat penerbangan yang lain hendak tawarkan khidmatnya atau tidak, ianya adalah satu keputusan *business* ataupun *business decision* dengan izin. Walaupun demikian suka saya hendak jelaskan di sini bahawa sebarang insentif yang dikenakan, syarat insentif yang dikenakan oleh mana-mana syarikat penerangan awam sebenarnya tidaklah digalakkan. Itu pun bukanlah sejajar dengan dasar Kerajaan Pusat. Ini suka saya hendak jelaskan sebab saya tidak hendak nanti, ini disalah tafsir sebagai satu-satunya yang direstui oleh kementerian ini. Tidak sama sekali.

Berikutnya Yang Berhormat bangkitkan tentang *airport charges* ataupun yuran-yuran yang dikenakan. Itu pun setakat ini, ianya adalah ditentukan pada kadar yang seragam untuk semua lapangan-lapangan terbang di seluruh Malaysia dan bukannya kita memberi pertimbangan kes demi kes. Walaupun demikian saya hendak maklumkan Yang Berhormat bahawa sama ada; pinjaman sebanyak RM60 juta itu dapat ditukar kepada geran atau tidak? Ianya adalah dalam bidang kuasa Kementerian Kewangan. Saya memang setuju bahawa negeri Melaka setakat ini memang berprestasi cemerlang dalam daya usaha menggalakkan pelancongan negara. Akan tetapi pada masa yang sama kena juga kita pandang pada unsur keberkesanan kos ataupun *cost effectiveness* dengan izin bagi sesebuah lapangan terbang. Sama ada apa yang kita minta, apa yang kita buat sama ada untuk memanjangkan landasan ataupun *facility* dan kemudahan yang lain, ianya hendaklah memberikan kita satu keyakinan bahawa ianya adalah *cost effective* dengan izin.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan nombor tiga saya ingin membuat sedikit pembetulan bahagian (a) – bidang kuasa Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (SPRM). Sama cuma masukkan balik istilah yang sebenar. Pohon dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3. **Dato' Ismail Kasim [Arau]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bidang kuasa Ahli Panel Penasihat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- (b) bolehkah mereka membuat kenyataan terbuka bagi pihak SPRM terhadap sesuatu kes yang sedang atau belum disiasat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mempunyai lima mekanisme *check and balance* dengan izin, Dalam memastikan SPRM melaksanakan tanggungjawab dan peranan ditetapkan secara bebas, telus, berkesan dan profesional dalam menjalankan penyiasatan ke atas kes rasuah. Untuk makluman Yang Berhormat kelima-lima mekanisme tanggungjawab yang telah diwujudkan mempunyai terma-terma rujukan dan bidang kuasa yang khusus.

■1030

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) yang diwujudkan melalui seksyen 13 Akta SPRM 2009 berperanan untuk menasihati SPRM dalam menentukan dasar dan strategi SPRM yang digunakan untuk menangani rasuah di negara ini. Manakala itu Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) berperanan untuk menasihati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai apa-apa masalah rasuah di Malaysia selain daripada memeriksa laporan tahunan suruhanjaya dan ulasan LPPR atas perjalanan SPRM.

Jawatankuasa Aduan yang diwujudkan mengikut seksyen 15 akta yang sama berperanan untuk memantau pengendalian aduan salah laku yang tidak bersifat jenayah oleh pegawai-pegawai suruhanjaya di samping mengenal pasti apa-apa kelemahan yang mungkin menimbulkan aduan serta membuat apa-apa syor tentang tatacara kerja suruhanjaya yang difikirkan patut. Panel Penilaian Operasi (PPO) yang diwujudkan bertujuan untuk menjamin ketelusan dan tanggung jawapan yang jelas terhadap siasatan-siasatan yang dijalankan oleh SPRM. Manakala itu pembentukan panel perundingan dan pencegahan rasuah akan dapat menggalakkan penglibatan khusus masyarakat dalam aktiviti dan program pencegahan jenayah rasuah dengan terancang dan berfokus.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada terma rujukan setiap mekanisme tanggungjawab yang diwujudkan itu, mereka tidak mempunyai autoriti untuk membincangkan kes-kes siasatan SPRM secara terbuka apatah lagi kes-kes yang masih lagi dalam siasatan SPRM. Terdapat peruntukan yang jelas di bawah seksyen 29(4) Akta SPRM 2009 di mana sesuatu aduan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai suruhanjaya dan pendakwa raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah. Sebarang dedahan hanya boleh dibuat dengan persetujuan pendakwa raya atau orang pegawai suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, sebarang kenyataan yang dibuat oleh mana-mana ahli berhubung dengan siasatan SPRM adalah dibuat atas kapasiti peribadi mereka sendiri atau dibuat oleh mana-mana mekanisme secara kolektif dan kenyataan tersebut tidak boleh dikaitkan dengan SPRM. Sekian, terima kasih.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sedar ini kesalahan pertama yang dibuat kerana

panel perundingan dan pencegahan rasuah ini merupakan salah satu jawatankuasa daripada lima jawatankuasa yang telah dibentuk selepas Akta SPRM 2009 diluluskan.

Ini pun telah dijawab dengan jelas oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz iaitu Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga SPRM supaya ahli panel tidak terlibat dalam membuat kenyataan terbuka terhadap sesuatu kes sama ada dalam siasatan ataupun yang sebelum dibawa kepada pendakwaan. Jadi kita sedar bahawa panel perundingan dan pencegahan ini adalah terdiri daripada mereka di kalangan profesional yang saya rasa kalau lihat nama-nama yang dilantik di sini daripada pelbagai latar belakang, NGO dan sebagainya mereka yang cukup hebat dan boleh menangani sama ada kes itu untuk *non further action* dengan izin, NFA ataupun untuk kes itu diteruskan siasatan kalau dirasakan masih perlu untuk diteruskan siasatan.

Jadi kita menyedari bahawa SPRM selepas ditubuhkan pada tahun 2009, ia bukan setakat untuk mencari salah malah kalau lihat dalam unit-unit yang terlibat dalam SPRM ini ia ada Unit Pemeriksaan Perundingan, Unit Pendidikan Masyarakat, Unit Perisikan dan Unit Siasatan dan seterusnya dibawa kepada AG untuk pendakwaan. Jadi pelbagai bermakna kita akan menghapuskan rasuah ini bermula daripada awal, menyedarkan dahulu. Kalau tidak boleh sedar, nasihat, tidak boleh nasihat baru siasat, tidak boleh siasat, risik dahulu siasat kemudian baru terlibat kepada pendakwaan. Maknanya proses yang cukup panjang.

Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah perancangan yang akan dibuat dalam pengisian kita telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengangkat kemampuan SPRM terutamanya dari segi mekanisme tanggungjawab Yang Berhormat bangkitkan dalam ucapan Yang Berhormat tadi? Memastikan bahawa SPRM mampu menangani masa depan yang getir ini dan arus perkembangan dunia yang begitu hebat ini kita ada *expert* atau pakar-pakar yang boleh menangani semua permasalahan yang berlaku. Apa pandangan pihak kementerian berhubung perkara ini?

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Arau. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Arau mengenai tanggungjawab yang diberikan kepada ahli-ahli panel SPRM, penasihat suruhanjaya SPRM ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa apa sahaja pandangan yang diberikan oleh ahli-ahli panel tersebut kadangkala mereka membuat pandangan itu seperti kata orang putih bahawa ini "*they do it at their own peril*". Kadangkala kita tidak dapat mengatakan bahawa mereka tidak boleh membuat sesuatu pandangan tetapi satu langkah yang

mungkin baik dan wajar dibuat oleh pihak SPRM untuk menjaga mereka ialah mungkin menubuhkan satu kod etika untuk ahli-ahli mereka dalam panel ini dan satu garis panduan yang mengatakan tidak menjejaskan perjalanan siasatan apabila siasatan dijalankan.

Sekiranya Yang Berhormat sedia maklum bahawa wujudnya mereka membuat kenyataan terbuka ini menunjukkan bahawa SPRM tidaklah dapat mengontrol mereka dan mereka bebas untuk membuat apa-apa kenyataan tetapi mereka membuat kenyataan itu at *their own peril*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai ahli juga kepada panel ini saya dan kami mendapat banyak juga pandangan-pandangan yang umum tentang pembaikan SPRM ini. Dahulu BPR sekarang ditukar nama kepada SPRM. Kita semua rakyat mahu melihat ada perubahan yang signifikan bukan sekadar menukar baju dengan kata orang-orang Inggeris "*old wine in a new bottle*".

Apa yang penting bagi saya adalah di antara cadangan-cadangannya adalah sebagaimana kita melihat perubahan drastik yang signifikan kepada SCA di Hong Kong dan juga negara-negara maju. Ada dua cadangan penting. Pertama, supaya SPRM diletakkan di bawah Parlimen, itu satu. Keduanya, *the right to prosecute*, hak untuk pendakwaan. Dalam dialog kita dengan SPRM memang kita mengakui kecekapan menyiasat. Kertas siasatan dapat dipercepatkan tetapi pendakwaan masih terletak di tangan AG. Adakah kementerian Yang Berhormat bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menilai semua pandangan ini dan memberikan satu iltizam politik bahawa SPRM akan diberikan hak untuk mendakwa dan SPRM diletakkan di bawah Parlimen bukan lagi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Seperti Yang Berhormat sedia maklum daripada sesi Perlembagaan sebarang pendakwaan akan dibuat oleh pihak AG dan ini termasuk juga pendakwaan yang dibuat di bawah SPRM ini. Sekiranya ada apa cadangan yang dikemukakan oleh pihak Yang Berhormat Kubang Kerian bahawa Perlembagaan ini patut diubah untuk menyesuaikan ruangan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian. Terima kasih.

4. Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang untuk menggubal Undang-undang Hak Untuk Maklumat (*Right to Information*) sebagai fokus ketujuh dalam Program Transformasi Kerajaan untuk menjamin kepentingan rakyat dan kembalikan keyakinan terhadap kerajaan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Puan Heng Seai Kie]: Terima kasih Yang Berhormat Klang dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan kepada Yang Berhormat Bandar Tun Razak bertarikh 6 April, 2010 dan Yang Berhormat Jasin bertarikh 14 April, 2010 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu penggubalan akta dan undang-undang yang berkaitan dengan hak kebebasan rakyat untuk mendapatkan maklumat.

■1040

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, akta dan undang-undang yang berkaitan dengan hak rakyat untuk mendapatkan maklumat belum pernah dibincangkan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan mahupun kerajaan. Walau bagaimanapun, hak rakyat untuk mendapatkan maklumat adalah terjamin. Pelaksanaan Gagasan 1Malaysia yang lebih telus dan terbuka misalnya telah memberi peluang dan ruang kepada rakyat untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan selagi ia tidak menyalahi undang-undang dan akta yang telah digariskan. Oleh itu kita belum bercadang untuk mewujudkan akta ini ataupun menjadikannya sebagai salah satu fokus program transformasi kerajaan. Sekian terima kasih.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kalau kita baca ringkasan *Executive Model* Ekonomi Baru yang baru dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara, kita dapati bahawa dalam muka surat 11 dan 12 memberi dengan jelas satu asas yang kukuh untuk kerajaan menggubal Akta Hak Kebebasan Maklumat. Dalam ringkasan ini jelas mengatakan bahawa pelaksanaan seperti *New Economic Policy* seperti *ransacking* kuasa naungan iaitu *patronage*, proses perolehan kerajaan iaitu *government procurement* tidak telus dan mengakibatkan rasuah berleluasa di Malaysia. Ini bukan saya cakap, tetapi yang diutarakan di ringkasan eksekutif NEM.

Pada pandangan saya, saya tidak faham mengapa kerajaan tidak hendak menggubal akta ini supaya dapat membanteras rasuah dan juga untuk mengadakan satu kerajaan yang terbuka, telus dan juga menggalakkan *public accountability* seperti

yang akan digubalkan di Kerajaan Negeri Selangor pada minggu hadapan. Kalau Selangor boleh buat kenapa Kerajaan Persekutuan tidak boleh buat? [*Tepuk*]

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Klang atas soalan tambahan yang ditujukan. Sebenarnya tiada kolorasi di antara indeks rasuah dengan adanya Akta Hak Kebebasan Maklumat di sesebuah negara. Jika kita melihat kepada beberapa buah negara jiran kita yang telah pun menandatangani akta ini, kita dapati bahawa sebenarnya indeks salah laku rasuah mereka adalah tinggi malahan lebih tinggi daripada Malaysia, sekian.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan susulan. Saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham apa itu Akta Maklumat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam sesi soal jawab tidak ada berdialog seperti begini. *You cannot have two bites on one cake.* Kerana Yang Berhormat Ledang sudah berdiri.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Tetapi, kalau kek itu kecil bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ledang, *take your bite. Take your bite* Yang Berhormat Ledang *now*.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kerajaan sangat telus buktinya apabila laporan Model Ekonomi Baru ini telah pun diumumkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan keperluan maklumat dari segi hak asasi. Ertinya keperluan maklumat ini telah pun menjadi keperluan asas kepada seluruh rakyat Malaysia. Pertama tadi disebut soal akta telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi saya hendak beralih kepada hak maklumat yang telah pun menjadi keperluan asas dari segi capaian *internet* kerana rakyat menghendaki pencapaian *internet* dengan harga kos yang murah. Bilakah kementerian boleh beralih atau melangkah setapak lagi supaya kadar capai *internet* ini dikurangkan seberapa banyak yang boleh supaya seluruh rakyat Malaysia termasuklah Orang Asli dan sebagainya mampu mencapai *internet* ini dengan harga yang paling murah setaraf dengan negara-negara lain di bawah paras 50 ke atas yang telah dilaburkan baru-baru ini. Sekian terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya kerajaan memang prihatin terhadap keperluan rakyat melalui pencapaian *internet* ini dan buat

masa kini usaha sedang dijalankan oleh kementerian ini untuk mengurangkan kadar *internet* supaya ia setanding dan juga memenuhi keperluan rakyat, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi seorang. Tidak ada yang minat.

5. Datuk Dr. Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah konsep sekolah terpilih perlu dilaung-laungkan padahal sekolah-sekolah di luar bandar dibiarkan terbiar begitu sahaja kononnya kerana ketiadaan/tidak cukup sumber kewangan tapi pihak kerajaan dengan mudah sahaja meluluskan bajet untuk membangunkan sekolah-sekolah terpilih ini.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]: *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh* dan Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan program sekolah terpilih termasuk sekolah berprestasi tinggi tidak bermakna Kementerian Pelajaran Malaysia mengabaikan sekolah-sekolah di luar bandar. Bahkan jawatankuasa merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar bukan sahaja tertumpu kepada aspek-aspek pembangunan fizikal, tetapi juga dari segi pengisian seperti menghantar guru yang berkualiti, memastikan pedagogi yang efektif termasuk PNP, guru-guru yang cukup termasuk guru-guru opsyen.

Di dalam First Rolling Plan 2011/2012 Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kementerian Pelajaran Malaysia akan mencadangkan kepada kerajaan untuk melaksanakan sebanyak 2,940 projek baru dan 942 projek sambungan dengan anggaran kos keseluruhannya sebanyak RM14.179 bilion.

Keutamaan dalam pelaksanaan projek ini adalah kepada projek NKRA, sekolah-sekolah daif dan tidak selamat, sekolah dalam kawasan banjir, sekolah-sekolah menumpang dan sekolah-sekolah berkepadatan tinggi iaitu sekolah yang mempunyai jumlah enrolmen yang besar. Justeru satu auditan menyeluruh mengenai keperluan sekolah-sekolah terutama di luar bandar dan pendalaman akan dilaksanakan untuk mengetahui status sekolah tersebut dan seterusnya menentukan tindakan-tindakan jangka pendek dan sederhana bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah berkenaan, terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe [Mas Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kita tahu dan kita sedar kerajaan begitu serius dalam usaha untuk mengurangkan jurang di antara sekolah-sekolah di bandar dan juga sekolah di luar bandar. Akan tetapi sekiranya kita turun padang, kita mendengar melihat ibu bapa masih lagi mengeluh kenapa sekolah ini belum ada apa-apa dibuat, misalnya di kawasan saya ada dua tiga sekolah yang telah

dikenal pasti sejak RMK-8. Satu sekolah dikenal pasti untuk dipindah dan kawasan pun sudah dikenal pasti dan juga pihak FELDA sudah setuju untuk memberi tapak, tetapi setakat ini belum ada apa-apa maklumat yang diperolehi oleh pihak sekolah ataupun Jabatan Pelajaran Daerah.

Jadi ini merupakan satu masalah dan juga satu perkara yang perlu kita beritahu pada rakyat supaya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab akan memutarbelitkan hal ini sehingga menjadi isu politik yang boleh digunakan dalam politik mereka. Jadi saya mohon selain daripada rancangan jangka panjang yang sudah disebutkan tadi apakah yang akan kementerian lakukan untuk sekurang-kurangnya mengurangkan masalah, khasnya kekurangan peruntukan untuk baik pulih dewan makan. Ada beberapa sekolah di kawasan saya dan juga untuk membeli peralatan bangku dalam masa yang terdekat ini, sekian terima kasih.

■1050

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita di Kementerian Pelajaran sentiasa menghubungi Jabatan Pelajaran Negeri melalui PPD dan sebagainya untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai keadaan fizikal sekolah. Sebab itulah selain daripada lawatan-lawatan yang dilakukan tetapi berasaskan kepada maklumat itu, maka kita sentiasa berusaha untuk mengambil tindakan.

Akan tetapi, untuk makluman Yang Berhormat bahawa di dalam Jawatankuasa Merapatkan Jurang Pendidikan Bandar dan Luar bandar ini, dua perkara yang menjadi perhatian kita selain daripada fizikal dan guru yang berdedikasi. Maka kita akan memastikan kemudahan infrastruktur sekolah terutamanya bekalan air bersih dan juga bekalan elektrik itu akan dapat dilaksanakan. Kita yakin bahawa pada akhir tahun ini dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, maka kita dapat mengatasi masalah bekalan elektrik dan juga bekalan air bersih.

Saya mengambil contoh di Sabah Yang Berhormat. Di Sabah sebanyak 78 projek bekalan elektrik 24 jam yang dilaksanakan melalui jana kuasa berkapasiti tinggi Sistem Solar Hibrid atau sambungan ke grid telah siap dan 63 dalam pelaksanaan. Manakala di Sarawak pula sebanyak 423 telah siap dan enam dalam pelaksanaan.

Untuk bekalan air bersih telah siap dilaksanakan sepenuhnya iaitu sebanyak 116 projek di Sabah dan 211 projek di Sarawak. Kesemua 56 projek bilik darjah dan 16 projek asrama di Sarawak pada peringkat pembinaan. Oleh sebab itu kita mengutamakan pembinaan asrama-asrama desa dan kita yakin menjelang akhir tahun

ini, apa yang kita rancang terutamanya bekalan elektrik dan air bersih ini dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya alu-alukan langkah yang kementerian ambil untuk memperkasa sekolah-sekolah terpilih. Hanya secara khusus soalan susulan saya berkait dengan kes saya bawa tentang sekolah di Ulu Baram di mana guru-guru kaum Penan terpaksa tidur dalam sebuah bilik sempit berukuran 20 kaki panjang dan 10 kaki lebar dengan ketinggian tujuh kaki.

Dalam perancangan jangka masa panjang yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan, bagaimanakah perancangan yang terdekat untuk memperbaiki kebajikan guru-guru ini? Kita bercakap tentang aspek fizikal dan jawapan dalam *Berita Harian* hanyalah bahawa guru-guru kaum Penan cecal menghadapi cubaan. Jadi mohon jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sebenarnya satu masalah besar yang dihadapi di sekolah-sekolah pedalaman ini ialah memang tiada rumah untuk disewa, sebab orang kampung memang mereka tidak ada rumah lebih untuk disewa. Oleh sebab itulah kita berusaha untuk membina rumah-rumah guru yang lebih selesa sebab kita yakin, dengan rumah guru yang lebih selesa ini, maka ini akan dapat menjamin kesungguhan dan motivasi guru yang berkhidmat di pedalaman.

Sebab itu jugalah kita berusaha untuk menyelesaikan masalah penginapan rumah guru. Ini memang menjadi perhatian saya yang duduk dalam Jawatankuasa Merapatkan Jurang Pendidikan Bandar dan Luar Bandar. Sebab itulah bila saya terbaca kes yang disiarkan dalam *Berita Harian* di Sekolah Kebangsaan (SK) Long Lutin itu iaitu guru Penan yang terpaksa membuat rumah penginapannya di bawah bilik darjah.

Maka saya menghubungi Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dan kita membuat keputusan untuk membina rumah guru kabin dengan segera dan diluluskan dengan serta-merta sebanyak RM200 ribu untuk kita menyelesaikan masalah guru berketurunan Penan. *[Tepuk]* Kita bangga dengan kesungguhan beliau dan sebab itulah saya mengatakan bahawa tidak ada sebab untuk kita tidak mengambil berat atau menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru-guru di pedalaman, khususnya dari segi keselesaan tempat penginapan mereka ini. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, mohon satu soalan tambahan pendek - isu pendidikan. Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya buat begitu Yang Berhormat, bermakna saya akan kena tuduh diktator. *[Ketawa]* Ini kerana perkara yang saya buat lebih awal, saya berbalik-balik. Terima kasih Yang Berhormat, lain kali saya beri peluang.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ada diktator baik.

6. Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah sebab dan alasan Hospital Shah Alam dikecilkan kemampuan perkhidmatannya dari 500 katil ke 300 katil sedangkan Shah Alam adalah ibu negeri Selangor sedangkan Hospital Selayang dan Klang mempunyai kemampuan lebih dari itu.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]:
Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.
Salam perpaduan, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Shah Alam, perancangan asal pembinaan Hospital Shah Alam adalah untuk kapasiti 300 katil dan bukannya 500 katil. Walau bagaimanapun Kementerian Kesihatan mengambil kira keperluan jangka panjang untuk meningkatkan kapasiti Hospital Shah Alam kepada 500 katil dengan menyediakan kemudahan khidmat sokongan klinikal seperti diagnostik, imejan, dewan bedah, makmal serta sistem kejuruteraan di dalam skop projek yang dalam pembinaan ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan keperluan katil bagi sesebuah hospital perlu dibuat berdasarkan antara lain, bilangan penduduk yang bakal ditampung ataupun *catchment population* dengan izin, dalam sesebuah kawasan serta bilangan yang sedia ada di hospital berhampiran yang turut menyumbang di dalam memberikan perkhidmatan perubatan kepada penduduk setempat. Perancangan kapasiti katil bagi projek Hospital Shah Alam juga perlu mengambil kira kemudahan katil yang sedia ada dan yang dirancang di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang yang terletak kurang daripada 25 kilometer daripada Shah Alam.

Di samping itu keupayaan kementerian dalam menyediakan tenaga kerja untuk berkhidmat di hospital serta kemudahan baru yang dirancang perlu diambil pertimbangan. Selain daripada pembinaan Hospital Shah Alam, Kementerian Kesihatan Malaysia juga sedang merancang untuk menaik taraf Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dengan membina kompleks obstetrik yang bakal menyumbang lebih 300 buah katil lagi. Kerja-kerja tapak bagi kompleks ini dijangka akan dapat dimulakan sebelum akhir tahun ini.

Yang Berhormat Shah Alam, langkah-langkah di atas diambil kerana perancangan perkhidmatan kesihatan di Shah Alam mengambil kira penduduk di sekitar kawasan Klang. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun minta maaf sebab nampak Yang Berhormat Putatan hendak berdiri cepat, saya pun cepat-cepat berdiri takut dia sambar. *[Ketawa]* Saya suruh katak disambar helang tetapi Yang Berhormat Putatan hendak sambar soalan saya. *[Ketawa]*

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi. Saya mempertikaikan kesahihan jawapan itu kerana maklumat yang diperoleh, kontrak yang asal yang telah diserahkan kepada *Isyoda* adalah untuk pembinaan satu hospital 500 katil. Nilai kontrak adalah sebanyak RM600 juta lebih, tetapi apabila *Isyoda* itu telah ditamatkan kontraknya dan *Isyoda* ini adalah subkontraktor. *Rent seeker* ia – yang kita bercakap mengenai Model Ekonomi Baru yang tidak mahu *rent seeker* dan *rent taker* dan sebagainya. *Rent taker* ia adalah satu syarikat yang bernama *Sunshine Fleet Sdn. Bhd.*

Kontrak ini telah dikurangkan daripada RM600 juta kepada RM400 juta dan untuk 300 katil dan jumlah 300 katil untuk Shah Alam yang merupakan ibu kota kepada Selangor. Ini berbanding dengan 1500 katil untuk hospital Tengku Ampuan Rahimah dan juga 1000 katil di Selayang adalah satu jumlah dan satu angka yang menghairankan, sedangkan Shah Alam satu bandar raya yang pesat membangun dan jumlah penduduknya bertambah dengan begitu cepat sekali. Saya mendengar bahawa persoalan *rent-taker* sekarang ini menjejaskan perjalanan projek ini yang mungkin akan tertangguh. Ini kerana sekarang ini subkontraktor yang baru dilantik iaitu *GMH Healthcare* dan *Sunshine Fleet* sudah mula bergaduh kerana tidak dapat komisen.

■1100

Saya ingin melihat satu ketegasan daripada Kerajaan Barisan Nasional dan saya ingin satu pengakuan daripada Kementerian Kesihatan bahawa mereka tidak akan membela *main contractor* yang telah mendapat kontrak ini secara *negotiated*. Demi hendak menjaga kepentingan *main contractor*, maka subkontraktor terus ditekan.

Saya harap kerajaan akan bertindak tegas untuk menjamin bahawa kontrak ini akan selesai tepat pada waktu yang dijanjikan. Saya harap respons daripada Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam. Sebenarnya Yang Berhormat Shah Alam, kontrak pembinaan Hospital Shah Alam telah diberikan kepada syarikat Sunshine Fleet pada tahun 2007.

Projek ini sebenarnya untuk pembinaan 300 katil dan bukan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat. Jumlah kontrak adalah untuk RM482 juta. Ini mengambil kira perancangan Kementerian yang mengambil kira pembinaan bangunan tambahan dan skop asal projek pembinaan Hospital Shah Alam itu tidak termasuk kuarters dan infra untuk kapasiti.

Jadi, oleh daripada itu jumlah kontrak RM300 juta itu sebenarnya tidak mengambil kira mengenai pembinaan kuarters dan juga infra. Disebabkan oleh faktor ini Yang Berhormat, jumlah kontrak yang telah diberikan adalah RM482 juta dan bukan RM600 juta seperti yang didakwa.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri turun ke padanglah seperti mana yang dianjurkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Kita memang turun padang Yang Berhormat dan oleh daripada itu ...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini kerana maklumat ini saya dapat daripada hospital itu sendiri, daripada kontraktor itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya masih mengekalkan fakta bahawa projek ini adalah sebuah projek yang telah diberikan oleh Sunshine Fleet dengan kos bukan seperti yang didakwa RM600 juta tetapi adalah RM482 juta, Yang Berhormat.

Jadi, untuk menjawab persoalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat tadi, penetapan bilangan katil di Hospital Shah Alam telah mengambil kira faktor-faktor seperti yang ingin saya sampaikan kepada Yang Berhormat iaitu bilangan katil hospital awam dan swasta di sekitar kawasan Klang dan perancangan penambahan katil seperti yang saya maklumkan tadi dengan pembinaan kompleks obstetrik yang juga telah mengambil kira pembinaan lebih 300 katil lagi.

Dari segi populasi Yang Berhormat, kita sebenarnya di peringkat Kementerian kita mempunyai norma-norma yang kita biasa ikuti iaitu dua katil kepada setiap 1,000 penduduk dan ia telah dicapai dengan pembinaan Hospital Shah Alam ini. Untuk

pengetahuan Yang Berhormat, walaupun pembinaan ini hanya untuk 300 katil namun kita mempunyai perancangan untuk melihat kepada kapasiti 500 katil pada masa yang akan datang dengan mengambil kira di mana kawasan untuk pembinaan 200 katil lagi juga telah dikenal pasti dan beberapa *facility* terutama sekali *facility* yang dibina pada ketika ini mengambil kira dengan keupayaan 500 katil pada masa yang akan datang Yang Berhormat.

Jadi, dakwaan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa ianya tidak memenuhi tuntutan penduduk...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Turun padanglah, turun padang. Turun padang.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Tuntutan penduduk di sekitar kawasan Klang itu tidak benar Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Turun padang sahaja.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya nampak ramai Ahli Yang Berhormat sengaja buat begini supaya saya rehatkan. Mungkin mahu berkempen awal-awal di Hulu Selangor.

Yang Berhormat Putatan, ini soalan spesifik dari Selangor. Tadi soalan spesifik dari Johor, maka saya kasi sama Johor. Dari Selangor, Yang Berhormat Ampang. Sila Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, mengikut pelan RMK-10, sebuah hospital tambahan untuk wanita dan kanak-kanak sepatutnya dibina di kawasan Hospital Besar Kuala Lumpur tetapi amat mengecewakan projek ini terbantut dan tidak bergerak dari tahun 2008 selepas fasa pertama meratakan tanah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Di mana letaknya slogan 'rakyat diutamakan dan prestasi diutamakan'? Jelas dan nyata kebajikan rakyat diketepikan dan rakyat dianiaya. Sila jelaskan, terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Nampaknya sesi Parlimen pada hari ini telah dirancang untuk melihat kepada apa yang akan kita hadapi di Hulu Selangor nanti. *[Dewan riuh]* Jadi, untuk menjawab kepada persoalan Yang Berhormat Ampang, sebenarnya dakwaan tersebut...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Diamlah dahulu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini berniat jahat ini.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Diamlah dahulu, bagilah ruang. *This is my floor.* Jadi, saya ingin menegaskan kepada Yang Berhormat Ampang bahawa hospital untuk wanita dan kanak-kanak akan dibina di bawah PFI. Ianya akan dilaksanakan melalui tatacara PFI. Ianya akan dilaksanakan Yang Berhormat.

Tidak benar sekiranya Yang Berhormat mengatakan ianya hanya janji dan ianya tidak dilaksanakan. Saya memberi jaminan ianya akan dilaksanakan di bawah perancangan kita Yang Berhormat.

7. Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah diambil bagi menentukan tiada sesiapa boleh membolosi masuk atau keluar di kawasan pintu masuk Wang Kelian, Perlis, di mana kaedah *free flow* masih diamalkan. Ini amat penting mengambil kira terdapat beberapa individu dari luar negara diberkas baru-baru ini yang kononnya ada kaitan dengan Al Qaeeda.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kangar yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep *free flow* merupakan kemudahan pergerakan bebas warga negara Malaysia dan Thailand bagi tujuan membeli belah di kawasan Arked Pekan Sehari Wang Kelian, Perlis dan Wang Prachan, Thailand tanpa menggunakan dokumen perjalanan, tanpa diendors cap masuk pada dokumen perjalanan.

Kawasan yang dibenarkan adalah kawasan yang berpagar dan dikawal sejauh satu meter dari pintu masuk utama sehingga pos kawalan kedua yang menempatkan agensi seperti imigresen, polis dan unit pencegah penyeludupan atau (UPP). Pada 5 Disember 2007, kerajaan telah memutuskan untuk memperketat kemudahan keluar masuk di sempadan Malaysia Thailand dan kemudahan *free flow* telah diberhentikan.

Namun, pada 1 Mei 2008, kerajaan telah bersetuju atas permintaan masyarakat tempatan untuk melaksanakan semula kemudahan *free flow* bagi tujuan mempertingkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat.

Kementerian Dalam Negeri telah mengambil langkah-langkah kawalan keselamatan bagi memastikan aktiviti bolos di pintu masuk Wang Kelian dapat diatasi

dan ditangani dengan efisien. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) mewujudkan pos kawalan kedua di Wang Kelian merangkumi agensi seperti imigresen, polis dan UPP bagi memastikan rakyat Thailand tidak melepasi hak kawalan yang dibenarkan. Warga negara Thailand yang telah diendorskan cap masuk di pos kawalan utama sahaja akan dibenarkan melepasi pos kawalan kedua. Sekiranya warga negara Thailand tersebut tidak diendorskan cap masuk, maka pegawai imigresen akan mengarahkan mereka untuk kembali semula ke pos kawalan utama untuk tujuan *endorsement* dan pengambilan data biometrik;
- (ii) lingkungan kawasan yang dibenarkan adalah kawasan yang berpagar dan dikawal di antara pos kawalan utama sehingga pos kawalan imigresen kedua;
- (iii) warga negara Thailand hanya dibenarkan membeli belah di kawasan Arked Pekan Sehari Wang Kelian bermula jam 8 pagi sehingga 7 malam dan dikehendaki meninggalkan Malaysia sebelum waktu tersebut; dan
- (iv) kedua-dua buah negara telah bersetuju dengan mekanisme kawalan pergerakan keluar masuk di mana rakyat Malaysia adalah dikehendaki untuk mengemukakan MyKad sebagai dokumen pengenalan untuk direkodkan ke dalam sistem imigresen Malaysia semasa melalui pemeriksaan imigresen Malaysia di Wang Kelian manakala rakyat Thailand pula dikehendaki mengemukakan kad pengenalan semasa melalui pemeriksaan imigresen Thailand di Wang Prachan Satun. Terima kasih.

■1110

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya telah melawat kawasan ini dan melihat keadaan yang berlaku di sana. Saya bersetuju bahawa kita telah melonggarkan dan membenarkan rakyat negara Thailand memasuki ke Zon Aliran Bebas Wang Kelian dan rakyat Malaysia juga memasuki ke negara Thailand, ke Wang Prachan untuk membeli belah.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Apa yang mengkhawatirkan saya apabila saya melihat keadaan di sana ialah tentang pos kawalan yang kedua ini, Yang Berhormat. Pos kawalan yang kedua yang merupakan kawalan yang terakhir. Saya melihat bahawa hanya terdapat satu pondok sebesar ini sahaja [*Mendepakan tangan*] yang terletak di tengah-tengah jalan. Saya berbincang dengan beberapa pegawai yang menjaga pos itu. Mereka memaklumkan kepada saya bahawa kalau panas, mereka mencari tempat teduh di pokok di sebelah jalan itu dan kalau hujan, mereka terpaksa lari cari tempat. Jadi bermakna kelonggaran ternampak begitu jelas sekali di pos kawalan yang kedua ini.

Bolehkah saya meminta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbang agar membina pondok yang bersesuaian dengan palang untuk pegawai yang bertugas. Yang amat penting, pegawai-pegawai imigresen yang lebih selesa lagi dan berkesan, satu. Dua, tidak terdapat pagar. Pagar keselamatan di kawasan pos kawalan yang kedua ini. Saya khawatir bahawa terdapat kemudian harilah jalan-jalan tikus ini akan diwujudkan di belakang tempat kawalan itu. Jadi saya minta Yang Berhormat kalau boleh mengkaji semula dan membina pos yang sesuai dan pagar-pegar keselamatan supaya kita menentukan mereka yang datang membeli-belah sahaja itu tidak ada niat yang lain untuk menembusi dan membolos masuk ke negara kita. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kangar. Saya percaya bahawa daripada segi tugas yang dilakukan oleh pihak-pihak yang telah kita mempertanggungjawabkan bahawa mereka memang melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah. Namun oleh kerana sebagaimana Yang Berhormat menyatakan tadi, daripada segi infrastrukturnya tidak begitu selesa. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan mengambil perhatian dan akan mempertingkatkan infrastruktur ini supaya tindakan yang lebih berkesan dapat dibuat.

Sehubungan dengan tindakan berkaitan dengan memagar, apa yang kita lihat daripada segi permukaan bumi di kawasan bebas ini di mana di sekeliling tanah rata yang kita wujudkan kawasan bebas ini adalah berbukit bukau dan hutan. Jadi, kemungkinan untuk sesuatu anasir membolos di kawasan ini, mungkin ada sedikit *remote* lah dengan izin. Walau bagaimanapun, kementerian akan membuat kajian. Jika ada keperluan untuk memagar, kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, terima kasih kepada Yang Berhormat Kangar di atas pandangan-pandangan yang telah dikemukakan itu.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebagai wakil rakyat Tumpat yang seperti juga Yang Berhormat Kangar mewakili kawasan yang bersempadan dengan Thailand, Tuan Yang di-Pertua. Tinggal lagi saya ini bukanlah bekas Menteri Dalam Negeri. Jadi saya fikir saya lebih berhak untuk bertanya daripada seorang bekas Menteri Dalam Negeri yang sepatutnya membuat tindakan dan mengetahui selok-beloknya kerana beliau hanya baru dua tahun tidak menjadi Menteri Dalam Negeri. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa cadangan untuk meningkatkan keselamatan melalui tugas-tugas kepolisian ditingkatkan. Namun, saya agak bimbang kalau cadangan Yang Berhormat Kangar itu untuk terlalu memperketat hubungan laluan di antara dua negara ini. Yang Berhormat sudah tentu mengetahui bahawa sejarah negeri-negeri Kelantan, Perak, Perlis dan Kedah yang bersempadanan dengan negara Thailand ini sudah berlalu ratusan tahun lamanya dan mengikut sejarahnya, rakyat-rakyat yang menjadi penduduk Kelantan, Kedah, Perlis dan Perak ini mempunyai surat-surat laluan khas kalau mengikut sejarahnya membolehkan kami untuk melintasi sempadan dengan cara yang mudah tanpa menggunakan pasport.

Lagi kalau kita fikirkan bahawa Kerajaan Malaysia juga dalam kes negeri Johor bersempadan dengan Singapura dengan mudahnya membenarkan pelabur dan rakyat Singapura memasuki kawasan Iskandar itu. Jadi konsep yang sama perlu dilakukan untuk negeri-negeri utara yang bersempadan dengan Thailand ini iaitu menggalakkan usaha sama dan perjalanan untuk ekonomi, kemasyarakatan, persaudaraan dan sebagainya tetapi hanya menumpukan dari sudut keselamatan kerana penjenayah ataupun pengganas ini boleh datang daripada Thailand, boleh datang juga melalui Singapura dan keganasan ini boleh dalam bentuk kekerasan persenjataan dan boleh juga dalam bentuk keganasan kewangan yang mungkin datang daripada negara jiran di Selatan kalau kita tidak sama-sama berwaspada tentangnya.

Jadi, hasrat saya dan saya mohon soalan. Bagaimana kerajaan menumpukan dari sudut keselamatan yang tulen sahaja dan di masa yang sama tidak menghalang hubungan rakyat dengan rakyat antara Malaysia dengan Thailand. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Tumpat itu memang benarlah dari segi sejarahnya di antara masyarakat *Southern*

Thailand dengan izin, dengan di Kelantan ataupun di Perlis memang ada sejarahnya dalam ulang-alik di antara satu negara ke satu negara.

Dari apa yang kita laksanakan daripada segi keselamatan, saya rasa ia tidaklah sebegitu ketat sehubungan dengan perhubungan untuk lalu lalang di antara masyarakat di *Southern Thailand* dan di kawasan Kelantan ataupun di Perlis. Namun apa yang penting kita perlu melihat dan mempertingkatkan berkaitan dengan keselamatan supaya anasir-anasir seperti militan yang kita lihat hari ini. Itu yang perlu kita mempertingkatkan. Inilah yang Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberi perhatianlah.

Begitu juga di kawasan sempadan di sebelah *south* di antara Singapura dan di Johor. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagaimanakah kedudukan projek penyambungan landasan LRT yang meliputi kawasan dari Kota Damansara ke Sungai Long Cheras dan juga kemajuan projek penyambungan LRT dari Ampang ke Kelana Jaya dan Puchong.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, projek LRT dari Kota Damansara ke Sungai Long Cheras yang berukuran sepanjang 43 kilometer merupakan projek laluan baru LRT dan bukannya projek sambungan. Buat masa ini, projek jajaran LRT baru ini sedang berada dalam peringkat kajian awalan oleh perunding kejuruteraan yang telah pun dilantik. Bagi memenuhi keperluan pembangunan semasa di sekitar Lembah Klang, jajaran bagi projek LRT ini sedang dikaji semula memandangkan terdapat cadangan supaya jajaran berkenaan dipanjangkan. Cadangan pemanjangan laluan LRT yang dimaksudkan adalah seperti berikut.

Pemanjangan dari Kota Damansara ke stesen KTM di Sungai Buloh sejauh 3 kilometer di mana ia bertujuan menyediakan integrasi yang lebih baik dengan perkhidmatan KTM Komuter di utara.

■1120

Pemanjangan dari Cheras – Balakong hingga ke Kajang sejauh sembilan kilometer bagi mengintegrasikan dengan perkhidmatan Komuter KTM di selatan dan pemanjangan dari Uptown Damansara Utama ke Kelana Jaya sejauh empat kilometer bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Damansara – Puchong.

Cadangan laluan LRT ini akan melibatkan pemanjangan sejauh 59 kilometer iaitu pertambahan 16 kilometer berbanding cadangan laluan asal.

Tuan Yang di-Pertua, bagi projek sambungan LRT aliran Ampang dan aliran Kelana Jaya pula, kerja-kerja reka bentuk terperinci bagi kedua-dua projek ini kini hampir siap. Kerja pembinaan dijangka akan bermula pada pertengahan tahun ini dan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan dari tarikh tawaran kontrak dikeluarkan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar walaupun dana rakyat berbilion-bilion ringgit telah pun dilaburkan dalam sektor pengangkutan awam termasuklah LRT, tetapi disebabkan pihak Kerajaan Barisan Nasional yang *bankrupt of a political will...* [Dewan riuh] Malu, mereka rasa malu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, teruskan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ya. Oleh itu, keberkesanan dan prestasi pengangkutan awam di negara ini khususnya di Lembah Kelang adalah sangat mengecewakan. Ini telah pun dipersetujui oleh pihak kerajaan juga. Saya rasa misalnya LRT Kota Damansara ke Sungai Long ini yang telah diumumkan tidak kurang daripada lima tahun yang lalu, mengapakah dilewat-lewatkan sehinggakan Yang Berhormat Menteri tidak dapat mengumumkan satu tarikh yang tepat untuk melancarkan pelaksanaannya, apakah sebabnya. Saya ingin tanya memandangkan rangkaian LRT dalam Lembah Kelang ini adalah begitu terhad dan berkurangan, *networknya* sangat kecil. Macam mana ia boleh mencapai matlamat yang dilaung-laungkan oleh NKRA itu.

Satu lagi persoalan yang penting iaitu adakah kajian-kajian untuk mendapatkan penilaian *social impact* dan juga penilaian *social traffic* akan dijalankan untuk memastikan kesejahteraan dan juga kualiti kehidupan rakyat yang tinggal berhampiran laluan landasan LRT itu tidak terjejas. Adakah kajian dijalankan? Terima kasih.

Dato' Sri Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Cheras atas soalan itu tadi, walaupun yang saya nampak, beliau cuma merapu sahaja. [Ketawa] Apa yang terkandung dalam soalan itu, saya suka hendak maklumkan Yang Berhormat bahawa *social impact* ataupun penilaian *social impact* itu takkanlah pihak kerajaan, pihak kementerian tidak buat.

Untuk makluman Yang Berhormat, bukan sahaja kita mengadakan penilaian sedemikian rupa, malahan sebelum pelaksanaan sesuatu projek seperti ini sudah pasti pihak kementerian akan berinteraksi terlebih dahulu dengan komuniti-komuniti khususnya

di kawasan-kawasan yang dianggap sensitif yang mungkin ada bantahan dan juga mungkin suara-suara yang tidak bersetuju. Itu pun semuanya diambil kira. Akan tetapi malangnya Yang Berhormat mungkin tidak mengambil maklum langsung. Mungkin Yang Berhormat bolehlah mendapatkan maklumat sedemikian rupa daripada Kerajaan Negeri Selangor yang pada ketika ini dan juga kebelakangan ini, ia terus berinteraksi dengan pihak kementerian dan juga SPNB, ini satu.

Yang keduanya Yang Berhormat, secara semberono Yang Berhormat mendakwa bahawa projek laluan baru di mana laluan baru ini bukan laluan sambungan. Laluan baru dari Kota Damansara ke Balakong itu kononnya diumumkan lima tahun yang lalu. Itu pun saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kalaulah ini adalah reka ciptaan Yang Berhormat, saya rasa tidak perlu saya hendak layan. Akan tetapi, sebagai satu fakta, projek ini takkanlah pihak kerajaan hendak umumkan tanpa sebarang asas, tanpa sebarang kerja awalan.

Kini apabila pihak kerajaan mengenal pasti projek ini sebagai satu-satunya untuk melegakan kesesakan lalu lintas khususnya di kawasan-kawasan yang dikenal pasti, maka ia adalah sejajar dengan NKRA ataupun Bidang Keberhasilan Utama Negara dan bukanlah seperti mana Yang Berhormat dakwa tadi. Apa yang didakwa oleh Yang Berhormat tadi itu pun saya nampak, ia sekadar dakwaan politik dan mengharapkan supaya ia tidak berjaya. Ini bukan sifat seseorang orang politik yang berjiwa rakyat dan dimanifestasikan kepada rakyat. Ini saya kena jawab sebab takkanlah apa yang dibuat itu semuanya tidak betul, semuanya diputar belit. Kalaulah ada kecacatan, cakaplah ada kecacatan. Kita bawa sebarang pandangan yang bernas. Barulah kita dapat menambah baik dan bukannya sedemikian rupa.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan spesifik?

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Spesifik ini, saya orang Wilayah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Titiwangsa orang Wilayah.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya terpaksa panggil Wilayah. Sila.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Soalan spesifik Wilayah, sila.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Saya pun lalu jalan di situ tadi. Saya pun dekat LRT yang sama. Dia tak lalu situ.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa akhir-akhir ini, timbul banyak masalah dengan servis ataupun khidmat LRT ini di mana berlaku kerosakan dan sebagainya sehingga menyebabkan tergendalanya perjalanan terutamanya di waktu *peak hours*, waktu puncak di pagi hari di mana pekerja-pekerja hendak pergi ke tempat kerja. Itu satu soalan.

Yang keduanya, saya ingin bertanya juga kepada pihak Yang Berhormat Menteri, adakah pihak Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa dalam keadaan biasa pun, pengguna-pengguna LRT akan menunggu lebih daripada satu jam untuk dapat masuk ke dalam LRT. Terima kasih.

Dato' Sri Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Titiwangsa, orang Wilayah Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja *maintenance* ataupun penyelenggaraan itu cukup mustahak bagi mana-mana syarikat pengusaha LRT dan juga servis komuter. Itu memang tidak dapat disangkal.

Namun begitu, dalam hubungan ini, suka saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa *maintenance* ataupun penyelenggaraan itu memanglah sesuatu di bawah bidang kuasa SPNB – Syarikat Prasarana Negara yang dari semasa ke semasa, ia dipantau bukan sahaja oleh syarikat itu sendiri malahan oleh Jabatan Keretapi.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat tentang rungutan ataupun tahap kepuasan di kalangan pelanggan-pelanggan LRT, mungkin elok jugalah Yang Berhormat dapat turun padang ataupun turun padang bukanlah mungkin *occasionally* ataupun sekali, dua tetapi mungkin secara dekat dapat memahami operasi-operasi LRT ini khasnya untuk *Kelana Jaya line* dan juga *Ampang line*, kedua-duanya sekali. Adalah dimaklumkan bahawa masa menunggu sekarang untuk setiap larian LRT di Kelana Jaya pada ketika ini adalah 2.8 minit. Adalah dijangka ianya akan ditambah baik menjadi 2 minit menjelang bulan Oktober ini. Ini bukanlah sekadar unjuran tetapi ianya adalah...

■1130

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ini nampaknya Menteri yang tidak turun ini. Saya tahu tentang 1 jam ini, Menteri. [Disampuk]

Dato' Sri Ong Tee Keat: Saya bukan sahaja turun padang tetapi pada masa yang sama, suka saya hendak maklumkan, Yang Berhormat. Setiap hari saya dapat maklum balas juga, sebagaimana misalnya kalaulah tertimbul *technical glitches* ataupun sesuatu yang tidak dijangka, itu pun saya tahu.

Tuan M. Monagaran [Telok Intan]: Turun padang pun kalah juga.

Dato' Sri Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya perlu maklumkan juga di sini adalah pada ketika ini memang betul masih lagi terdapat ruang untuk ditambah baik khidmatnya sebab kekangan yang masih dihadapi itu umpamanya, *delivery* ataupun penyerahan stok kereta ataupun koc-koc baru yang dijangka pihak pengusaha LRT terima sebelum tahun 2012 ini masih lagi berjalan. Setakat ini kita hanya dapat 9 set yang bergerabak empat, *four car set* yang telah pun diterima kebelakangan ini.

Dijangka ada ruang lagi kita hendak terus menambah baik khidmatnya, khasnya di Kelana Jaya *line*. Sedangkan di Ampang *line*, ianya tetap diberi perhatian yang sama supaya ianya akan dapat mencapai tahap pencapaian yang sama berbanding dengan Kelana Jaya *line*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

11.32 pg.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya diberi peluang untuk memperjelaskan dalam seminit, dua, berkaitan dengan kekecohan semalam. Kekecohan semalam ialah ekoran daripada usul yang dibawa kepada saya oleh Yang Berhormat Kuala Krau atas 36(12). Ekoran daripada dua perkataan UMNO-APCO, APCO-UMNO untuk dihadapkan saya ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan.

Perkataan tersebut ialah perkataan yang sememangnya wujud, UMNO sebagai sebuah parti politik dan APCO adalah sebuah syarikat yang berpangkalan di Amerika yang ada bekas-bekas pembesar Israel yang mendapat projek yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang tulang belakangnya ialah UMNO. Jadi dua perkataan

ini wujud. Seperti yang saya sebutkan semalam, tidak terniatlah kepada dua perkataan yang wujud ini untuk saya mengelirukan Dewan. Itu sahaja. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Ekoran daripada kekecohan kelmarin sehingga Dewan terpaksa ditangguhkan sebelum masa yang telah ditetapkan iaitu 7.30 malam berakhir, terpaksa dibawa satu usul. Maka pada pagi ini saya telah memanggil Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Kuala Krau. Saya minta *feedback* apa yang telah berlaku kelmarin kerana kelmarin apa yang telah berlaku, saya rasa tidak harus berlaku dalam Parlimen Malaysia. Saya harap itulah kali penghabisan.

Jadi Yang Berhormat, sewaktu Yang Berhormat mengatakan perkara itu, adakah Yang Berhormat mempunyai niat untuk menyelewengkan Dewan? *[Disampuk]* Yang Berhormat Pokok Sena, saya bertanya sama Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak berbangkit, saya sudah sebut semalam dan juga tadi, merujuk kepada perkataan semalam bahawa dua perkataan yang wujud ini, saya tidak pernah berniat untuk menyelewengkan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana Yang Berhormat Kuala Krau yang bawa usul, kalau umpamanya Pokok Sena tidak mempunyai niat, adakah Yang Berhormat Kuala Krau sanggup untuk memansuhkan usul itu, supaya saya dapat kemukakan kepada Majlis. Selepas daripada itu kita ambil iktibar kepada apa yang berlaku kelmarin di mana saya sebagai Yang di-Pertua dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua apabila mempengerusikan Mesyuarat, membuat petua, mentafsir peraturan mesyuarat, maka kami harus bertindak dengan adil. Mesti didasarkan ataupun disandarkan kepada autoriti ataupun konvensyen ataupun kelaziman-kelaziman yang kukuh sama ada kelaziman Parlimen ini ataupun Parlimen di luar negara. Itu iktibar.

Saya dan timbalan-timbalan saya akan ambil daripada insiden kelmarin. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat pula, ambil iktibar daripada insiden kelmarin bahawa sering kali saya nyatakan apabila berhujah, *exercise control* sedikit, disiplin diri. Jangan sewenang-sewenang melemparkan perkataan *unparliamentary* yang mengundang rekreasi negatif. Hormat-menghormati selalu saya tekankan. Yang satu lagi, apabila berdiri untuk membangkitkan *point of order*, *point of order* itu harus difahami maksudnya. Harus difahami risikonya sama ada *point of order* itu relevan atau tidak.

Bagi saya sebagai Yang di-Pertua, untuk mengheret seseorang Ahli Yang Berhormat kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan adalah suatu perkara yang amat besar sekali kerana itu adalah soal integriti Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Atas sebab itu, beberapa hari yang lalu apabila Yang Berhormat Permatang Pauh berucap, berhujah, membahaskan *supplementary budget* dan membaca surat-surat yang spesifik. Saya mengingatkan Yang Berhormat Permatang Pauh, saya kata dalam berbahas adakah diambil kira Peraturan Mesyuarat 36(12) kerana kerajaan nanti mungkin akan membidas kerana itu tanggungjawab kami.

Jadi untuk jangan lagi kembali kepada apa yang berlaku, insiden kelmarin, saya memanggil kedua-dua pihak. Saya berpuas hati bahawa dalam hal ini, kita ambil sebagai iktibar dan *this is not a precedent I am creating*, Yang Berhormat Ipoh Timur. *This is something that I want to create a precedent whereby from now onward particularly the senior politician. Please, please, without your help, I do not think we can conduct* Mesyuarat dengan lancar, dengan *decorum* dan sedemikiannya. Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pokok Sena terhadap maksud kedua-dua perkataan tersebut. Saya berharap bukan sahaja saya, Yang Berhormat Pokok Sena dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tidak mengulang-ulang lagi perkataan-perkataan yang seperti itu, yang telah diterangkan dan dijelaskan oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas nasihat dan pandangan tersebut.

Oleh itu di atas menjaga kemuliaan dan juga persefahaman untuk kita sama-sama menjaga integriti Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini, dengan ini saya mengusulkan seperti berikut;

“Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Yang Berhormat Pokok Sena telah membuat penjelasan terhadap perkara yang berbangkitkan semalam, pada hari Rabu, 7 April 2010. Saya dengan ini ingin mengemukakan usul berkenaan hak dan kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) untuk Majlis mengambil ketetapan membatalkan usul saya yang terdahulu yang telah diluluskan pada hari Rabu, 7 April 2010.”

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Beberapa Ahli: Sokong!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kuala Krau hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

■1140

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingatkan kembali, saya mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali kepada Ketua Pembangkang, ketua BBC, menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri dan semua personaliti yang agresif itu, tidak saya sebut nama. Nama-nama Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun tersohor dan terkemuka di negara ini. Tolonglah, *turn down* sedikit keagresifan itu. Cari aktiviti lain... [Ketawa] Curahkan keagresifan itu ke arah itu, jangan di dalam Dewan. Sekian.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua ada sebut nama saya, saya setuju dengan *precedent* ini, *precedent* yang baik. Sebenarnya semalam saya sudah buat cadangan ini, kita perlu *bring up this*, dan saya puji Tuan Yang di-Pertua atas tindakan. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 26(1)(p). Tuan Yang di-Pertua, 15 minit dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya di luar Dewan, tiba-tiba Yang Berhormat Pasir Salak datang dan mengecam saya dan dia hendak pukul saya dan mengatakan bahawa saya telah cemar nama baik dia dan dia memberi amaran kepada saya Tuan Yang di-Pertua, bahawa jika saya tidak berhenti, dia akan hantar orang ke kawasan saya untuk pukul saya... [Dewan riuh]

Saya hairan dengan apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Pasir Salak, saya membuat satu *enquiry* kerana saya khuatir, kita semua tahu Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang setahun dahulu, dia telah menggunakan perkataan-perkataan kesat di Parlimen ini. Saya harap tindakan susulan diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak ada? Boleh Yang Berhormat, bagi saya masa untuk panggil dan tanya pada Yang Berhormat Pasir Salak dahulu kerana ini berlaku di luar Dewan. Ya sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Di luar Dewan, di sini Tuan Yang di-Pertua, *just outside the House*... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Bagi saya masa untuk tanya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara yang kita bincang ini adalah *dignity* Ahli

Yang Berhormat semua. Saya mohon masa untuk bercakap dengan Yang Berhormat Pasir Salak dan selepas itu baru saya akan buat tindakan. Sila.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2009) 2010

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 2009

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2009) 2010 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 2009 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

[Hari Pertama]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Sewaktu berbahas, Menteri di dalam Majlis Jawatankuasa ini, kalau boleh pendekkan. Jangan lagi timbulkan kekecohan, sesungguhnya masa tidak mengizinkan untuk kita semua membazirkan masa. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

11.44 pg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato’ Wira Chor Chee Heung]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM6,473,804,960 yang diperuntukkan di dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2009 bagi Maksud-maksud Bekalan B.1, B.4, B.5, B.6, B.7, B.9, B.12, B.13, B.22, B.25, B.27, B.28, B.29, B.31, B.41, B.42, B.45, B.46, B.47, B.48, B.49, B.60 dan B.62 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM2,388,379,082 yang diperuntukkan di dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2009 bagi Maksud-maksud Pembangunan iaitu P.6, P.10, P.13, P.20, P.21, P.23, P.24, P.27, P.28, P.29, P.30, P.31, P.32, P.41, P.42, P.43, P.44, P.45, P.46, P.47, P.48, P.49 dan P.62 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang

ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4, Tahun 2010 dan Kertas Perintah 5, Tahun 2010 masing-masing dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2009 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2009 telah pun dibentangkan terdahulu. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran peruntukan tambahan ini adalah juga diberi di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A Tahun 2010 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2009 dan Kertas Perintah 5A Tahun 2010 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2009. Oleh itu Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat atau ingin membuat apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan. Sekian.

**Maksud B.1, B.4, B.5, B.6, B.7 dan B.9 [Jadual] –
Maksud P.6 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2009] -**

Tuan Pengerusi: Kepala B.1, B.4, B.5, B.6, B.7 dan B.9 Kepala P.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Saya perlu panggil wakil rakyat yang duduk di depan. Yang Berhormat Ipoh Timur sila.

11.48 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Konvensyen-konvensyen, kelaziman

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)

mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih, saya sebut mengenai Maksud B.6, Jabatan Perdana Menteri dan sebelum itu Maksud B.1 - Parlimen. Tuan Pengerusi, dua perkara, satu hari ini ada dalam *Malaysian Insider* ada laporan dengan izin “*Najib takes the two Independence to the U.S.*”.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat daripada Kulim Bandar Baharu dan Yang Berhormat Bayan Baru yang dipilih untuk mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke United States. Saya ini bukan *sour grapes*, tetapi nampaknya status Ahli Parlimen Bebas lebih tinggi daripada Ahli Parlimen Barisan Nasional... [Ketawa] Nampaknya, *Independent MP's are now first class*, Barisan Nasional *MP's are now second class*. Mereka patut marah bukan kita. Itu *point* pertama dan kedua tujuan....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Ipoh Timur...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, *second class* MP mahu ucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan anggap begitu, kita bukan seperti itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, ya okey-okey. Tidak apa. Kita anggap *first class independent, second class* Barisan Nasional. Oleh sebab itu Barisan Nasional MP tidak ada peluang pergi ke *United States*.

■1150

Akan tetapi apa yg lebih mustahak ialah apa tujuan lawatan ini ialah bahawa untuk *relaunch Malaysia-US Congressional Caucus*. *US congressional* ya. *Malaysia Parliament*, siapa komposisi *Malaysia Parliament*? Ahli-ahli Parlimen BN... Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat lebih daripada 1/3 langsung kita tidak dirunding kita tidak tahu bagaimana ini disembarkan sebagai *Malaysia US Congressional Caucus*. Ini ialah *Barisan Nasional-US Congressional Caucus* sahaja. Kalau begitu, wang yang dibelanjakan ialah patut daripada wang Barisan Nasional dan bukan daripada Parlimen.

Ini malu kepada rakyat, malu kepada negara. Perdana Menteri patut menjadi Perdana Menteri untuk semua sektor, semua parti, semua rakyat Malaysia. 1Malaysia! Ini menunjukkan lawatan ini, dia bukan Perdana Menteri 1Malaysia. Perdana Menteri untuk *Independent MPs* sahaja. *First class – Barisan Nasional MPs, second class – poor Barisan Nasional MPs*. Mungkin *UMNO MPs second class. MCA MPs third class, MIC forth class, GERAKAN fifth class*. [Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *All class*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Yes. All classes now*. [Ketawa]

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]: Pembangkang *third class* kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya harap kita boleh. Mungkin Ahli-ahli Parlimen *congressional, Senator Congressional US* patutlah mengeluarkan Perdana Menteri. Kenapa? Kenapa bukan yang sebenarnya *Malaysia-US Congressional Caucus* tetapi *Barisan Nasional-US Congressional Caucus*? Kalau begitu, wajar kah sama ada *Senator Congressmen Democratic Republican* ambil bahagian dalam satu usaha yang tidak membayangkan mewakili semua ahli-ahli Parlimen dalam negara kita?

Kedua, apa yang berlaku semalam satu titik hitam kepada Parlimen. Tidak pernah berlaku. Tidak pernah berlaku! Kita dapat iktibar daripada itu. Apa iktibar itu? Iktibar itu ialah bahawa peraturan mesyuarat, prinsip-prinsip, amalan-amalan, prosedur-prosedur patut diikuti. Mungkin adalah penyelewengan tetapi jangan terlalu jauh. Kalau adalah *gross abuse of* peraturan mesyuarat, ini tidak boleh. Bukan oleh kerana ada

majoriti maka boleh buat sesuka hati. Pagi semalam apabila ada satu usul untuk merujuk Yang Berhormat Pasir Salak kepada *Committee of Privilege* oleh kerana dia buat tuduhan yang liar, yang bohong dalam Dewan yang mulia ini, bahawa ada pemimpin Pulau Pinang yang kerap kali pergi ke Singapura, pergi Hong Kong jual rahsia negara.

Ini sangat serius. *Capital punishment, treason*, bukan sahaja *sedition* ini, *treason*. Kalau begitu, patutlah ambil tindakan. Bahawa saya adalah bekas pegawai politik Lee Kuan Yew pun tidak berasas. Bohong! Saya cadang ada satu usul untuk rujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan tetapi ditolak oleh kerana apa? Majoriti. *Blind, rude, mad majority* Barisan Nasional. Kenapa? Merujukkan perkara ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan membolehkan kita dapat tahu apa yang benar. *True or untrue*. Bukankah tanggungjawab kita semua Ahli Parlimen tahu *true or untrue*? Tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Pasir Salak kenapa boleh tolak itu? Ini menunjukkan Ahli-ahli Parlimen *second class, third class Parliament* tidak ada otak. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada pemikiran yang waras. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bagaimana boleh menolak satu usul untuk... *[Dewan riuh]* Itulah tidak waras.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ipoh Timur, tolong Yang Berhormat. Baru tadi Tuan Pengerusi beritahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini satu prinsip. Semalam apabila ada usul untuk merujuk Yang Berhormat Pokok Sena ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bahawa oleh kerana hal UMNO-APCO, APCO-UMNO, itu *perception*. Setuju atau tidak bersetuju, *perception*. Akan tetapi perkara sama ada ada pemimpin Pulau Pinang kerap kali keluar negeri ke Singapura dan Hong Kong jual rahsia negara, itu fakta. Itu fakta! *That is no two ways about the either yes or no. UMNO-APCO, APCO-UMNO we can argue*. Boleh *argue* tetapi dalam perkara mengenai fakta bagaimana majoriti Barisan Nasional boleh begitu tidak bertanggungjawab sehingga menolak usul ini. *Where is your fundamental common sense and responsibilities* sebagai Ahli-ahli Parlimen yang

bertanggungjawab? *It is utter disgrace, ashamed of the abuse of majority.* Menunjukkan Ahli-ahli Parlimen yang berkenaan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada hak menjadi Ahli-ahli Parlimen. *You are no concerns. You are not fit to be a Member's of Parliament.*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ipoh Timur, mencelah. Lenggong.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Siapa?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Lenggong? *[Ketawa]* Mahu minta penjelasan?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Mahu tanya butiran mana Yang Berhormat Ipoh Timur bercakap? Butiran mana?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Inilah! Takutlah oleh kerana kebenaran *is heard.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, balik kepada subjek Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini jawatankuasa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Subjek Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, tahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita ada peruntukan. Ini *104, 100% 104.* Pergi *kindergarten.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah cakap macam itu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia tidak faham.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Yang Berhormat Ipoh Timur, tidak payah jadi macam orang gilalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak perlu guna perkataan macam itu. Tidak bolehlah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Veteran sahaja tetapi tidak menunjukkan contoh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Kindergarten order* kita perlu adalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat minta, tolonglah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kedua...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya marah oleh kerana apa yang berlaku dalam Parlimen ini semalam ialah *utter shame* dalam sejarah Parlimen Malaysia.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tadi sudah selesai Tuan Pengerusi, ini buat perangai lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mana boleh usul ini ditolak. *Utter shame for all MP's...*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini butiran mana Yang Berhormat Ipoh Timur?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ini peringkat jawatankuasa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ipoh Timur orang tidak rasa *shame*.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Boleh mencelah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada lagi boleh rasa malu, tidak boleh tahu apa yang salah. Itulah *condemn class. Condemn category*.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh bagi?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ipoh Timur, butiran mana yang bercakap?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Keep a who should be ashamed and do not know what is shame are not a human being.*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah Yang Berhormat Ipoh Timur? Kota Belud, kawan lama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kesalahan mana? Betul, oleh kerana bagaimana boleh usul itu ditolak? *Can you give me one sensible reason?*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi, ini tidak berkaitan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa boleh? *True or not true.* Boleh buat tuduhan yang serius tetapi takut rujuk kepada *Committee of Privilege* supaya menentukan *true or not true. This is traitor of the country through such thing. Traitor all*

through such thing! Saya tidak mahu teruskan. Teruskan lebih marah. *[Dewan riuh]* Mahu teruskan, lebih marah. *I do right to be angry!* Oleh kerana apa yang berlaku semalam...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi. Eloklah, tidak ada *point* pun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, minta tolonglah Yang Berhormat. Okey, Yang Berhormat Lenggong duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya sebut Maksud B.6 ialah mengenai BTN. Sebanyak RM7,000 diperuntukan. BTN ialah satu organisasi. Akan tetapi apalah kita tahu dalam 10 tahun ini ada RM600 juta diperuntukkan oleh Biro Tata Negara. Akan tetapi apa yang berlaku? Apa? Kursus-kursus ada diberikan – saya tidak mahu mengulang apa menjadi pengetahuan orang ramai bahawa fungsi BTN ada indoktrinasi bahawa adalah racun perkauman yang ada dicurah, *brain washing*, ini patut diberhentikan.

Khasnya apabila Perdana Menteri adakan konsep 1Malaysia. 1Malaysia untuk menyatupadukan rakyat jelata. Akan tetapi adakah Barisan Nasional sendiri menyokong konsep 1Malaysia? Berkali-kali saya berdiri di sini menanyakan pemimpin-pemimpin, menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen, mereka rela tidak rela kata *Malaysian first*, kaum kedua. Semua takut. Sekurang-kurangnya Presiden MCA – dahululah tetapi sekarang bukan lagi, semalam dalam blog kata dia *Malaysian first, Chinese second*. Syabas! Patutlah kata sebelum dia hilang kerusi Presiden MCA ,saya tidak tahu kalau tidak hilang kerusi MCA dia akan cakap begitu.

Akan tetapi itu patut. *This is* pokok. Mungkin ada perbezaan tetapi sekurang-kurangnya majoriti *Cabinet minister* patut ada pendirian itu. Kalau tidak, 1Malaysia ialah bohong, bohong.

■1200

Semalam Presiden MCA ditanya oleh pemberita dia pun lari, elak dan takut jawab. Mengapa? Oleh sebab tidak ada sikap kenegaraan, kemalaysiaan, tidak. Terus sikap perkauman sahaja dan ini sangat jelas mengapa berlaku semalam ada *work out* MCA di Selangor? Apa ha, ha Yang Berhormat Sri Gading? Nampak ini *[Sambil membaca tajuk berita daripada akhbar]* – BN mampu berubah. Satu pengakuan, *confession* dulu *corrupt decadence* sekarang perlu berubah. Bukan dulu *decadence corrupt useless*. Sekarang mampu berubah. Itulah *confession*.

Kedua, siapa di atas *stage*? Semua pemimpin-pemimpin UMNO. [*Sambil menunjuk gambar di dalam sebuah akhbar*] Mana pemimpin MCA, di mana pemimpin MIC, di mana pemimpin GERAKAN? Ini lah UMNO - Barisan Nasional, Barisan Nasional - UMNO macam semalam UMNO – APCO, APCO - UMNO. Mengapa? Ini bertentangan dengan 1Malaysia. Adakah ini selaras dengan 1Malaysia? Jikalau BTN boleh kah menjadi satu agensi untuk menyampaikan fahaman 1Malaysia. Satu soalan yang bagi saya besar.

Ketiga, adalah peruntukan untuk RM10 juta – Membiayai Peruntukan Awal Kepada Pihak Berkuasa Koridor Sabah. Kita mahu tahu. Pada pertengahan 2008, masa itu Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melawat Sabah dia ada mengumumkan bahawa akan berikan RM1 bilion untuk pembangunan Sabah. Adakah ini sebahagian daripada jaminan RM1 bilion kepada Sabah pada Jun atau Julai 2008? Kalau begitu saya harap yang pertama, bolehkah kita Parlimen diberitahu *has that* RM1 bilion, apa yang telah terjadi jaminan RM1 bilion itu. *A break down*, harus dalam jawapan saya tidak tahu siapa yang akan jawab. *Break down, what's happen with RM1 billion and is it part of RM1 billion?* Jikalau begitu mengapa tunggu sehingga sekarang 2010 barulah ada peruntukan. Bukankah ini satu penganiayaan kepada penduduk-penduduk di Sabah.

Mengikut Model Ekonomi Baru, kita dapati bahawa Malaysia *target* untuk menjadi *high income advance nation with inclusiveness and sustainability* untuk mencapai satu per kapita GDP USD17,700. Bererti ialah Malaysia Ringgit lebih kurang RM58,000 pada 2020. Akan tetapi, mengikut *Sabah Development Economic Corridor* yang kita mahu berikan RM10 juta ringgit. Mengikut *Sabah Development Economic Corridor Blueprint 2008 hingga 2025*, GDP per kapita Sabah 2020 yang disasarkan ialah RM11,571. *Five times less than* RM58,000 yang *ditargetkan* di dalam per kapita Model Ekonomi Baru. Apa ini? Ini mana melayani Sabah sebagai *fixed deposit*. Ini terus untuk mengabaikan dan meminggirkan Sabah daripada arus pembangunan dan saya harap bahawa kita adalah penjelasan memuaskan dalam perkara ini.

Di dalam peruntukan ini, Maksud B.6 – Sebanyak RM28.3 juta untuk membiayai kos perjanjian pelaksanaan projek *Global Strategic Communication 's Campaign* antara Kerajaan Malaysia dengan FMC Media UK Ltd. bagi tahun 2009, *whereas* APCO bantu. Bukankah ini APCO? Mengapa sudah hilang?

Kedua, adalah RM9 juta untuk membiayai kemajuan kerja *Project Manage Portal Services*. Ini antara *spy-war internet* untuk Barisan Nasional, untuk mengupah *cyber*

troopers. Kita tahu, kita mahu tahu berapa juta ringgit digunakan daripada Jabatan Perdana Menteri atau berbagai-bagai kementerian-kementerian yang berkenaan untuk mengupah *cyber troopers* membayar mereka beberapa ribu ringgit sebulan supaya buat penulisan sendiri atau dalam blog-blog yang lain untuk menjalankan satu *psychological warfare, cyber warfare*. Ini tanggungjawab Barisan Nasional mungkin tidak patut terlibat kerajaan dan wang rakyat. Kita tahu berpuluh-puluh juta ringgit dibelanjakan. Dapat daripada mana? *Hidden where?* Kita mahu tahu. *Hidden where?*

Akhirnya, mengenai JAKIM. Oleh sebab adalah satu peruntukan di sini mengenai JAKIM. Kita tahu bahawa dalam bulan Februari selepas peristiwa 'Kalimah Allah' adalah satu...

Beberapa Ahli: Sebut pun tidak betul. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Taklimat dianjurkan oleh JAKIM untuk kakitangan-kakitangan kerajaan 800 orang yang hadir, di mana adalah ucapan-ucapan yang diberi semua berunsur perkauman dan berunsur *seditionous*. Jikalau saya mahu sebut apa itu boleh.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Berunsur perkauman dan *seditionous*.

Seorang Ahli: *You are the worst racist.* [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah lah Yang Berhormat semua. Diam sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey dan saya mahu tahu mengapa ini dibenarkan dan apa tindakan yang diambil supaya perkara yang berlaku itu tidak berulang dan apa tindakan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab supaya tindakan tatatertib diambil. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya mengakhiri ucapan saya.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

12.08 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus sahaja kepada perkara yang sepatutnya kita bangkitkan. Tidak perlulah hendak main politik yang berbelit-belit kerana orang pun tahu setiap patah yang kita perkatakan ia mengandungi tafsiran-tafsiran yang boleh dipelbagaikan.

Tuan Pengerusi, saya masuk terus kepada B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri. Saya tidak tahu polisi Jabatan Perkhidmatan Awam kepada

kakitangan mereka sendiri sehingga mereka memendam perasaan. Apakah itu Tuan Pengerusi, memendam perasaan? Di mana hendak diluahkan rasa kekecewaan pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang disejukkan.

Saya difahamkan lebih kurang 60 orang individu-individu pegawai tinggi kerajaan yang bertaraf JUSA masuk dalam *pool* yang selama ini *pool* ini hanya untuk pegawai-pegawai yang sakit. Akan tetapi, mereka ini dimasukkan disimpan di dalam *pool* ini kerana mereka – ini anggapan mereka, mereka tidak disukai oleh pihak atasan mereka. Pegawai-pegawai tinggi yang bertaraf JUSA ini berkhidmat lebih daripada 30 tahun lamanya di kementerian-kementerian yang ada di kerajaan kita.

■ 1210

Salah satu sebab yang patut bersara, tidak mahu bersara. Jadi anjakan jawatan itu tidak berlaku. Apabila tidak berlaku, mereka yang patut bersara disambung selalu. Saya difahamkan kalau satu-satu perjawatan itu tidak dianjak, ia melibatkan 15 orang pegawai tinggi. Ini menjadikan mereka merasa hambar. Mereka merasa bahawa jasa...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dan kerja mereka selama ini tidak dihargai sedangkan mereka memberikan perkhidmatan yang amat cemerlang, gemilang, terbilang. Kalau ikut yang lepaslah. Ikut mantan Perdana Menteri kita sendiri.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sedikit untuk laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hendak campur juga?

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sedikit sahaja. Fasal perkhidmatan awam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey. Sahabat punya fasal, inilah Tuan Pengerusi.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat berhubung dengan apa Yang Berhormat telah bangkitkan, pegawai-pegawai yang telah ditempatkan dalam *pool* ini kerana kalau alasan yang selalu diberikan, soal perlanjutan kontrak untuk pegawai-pegawai tinggi. Kadang-kadang kalau ia tidak berubah di atas, ia tidak berubah di bawah. Alasannya kerana soal pengalaman, *expert* dan sebagainya. Ini selalu dijadikan alasan.

Akan tetapi, pegawai-pegawai PTD ataupun pegawai-pegawai yang bukan PTD yang kita latih daripada *field* yang awal dengan izin, daripada awal kita beri latihan kepada mereka. Puluhan tahun mereka dalam *service*, dalam perkhidmatan tetapi apabila mereka hendak mencapai puncak, mereka habis begitu sahaja kerana

perlanjutan kontrak kerana mereka sudah hendak pencen ini. Sudah hendak pencen. Tiga tahun hendak pencen tetapi tiga tahun dilanjutkan kontrak di peringkat atasan. Bermakna hilang peluang mereka untuk mendapat *the peek of the career*, dengan izin. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita bersama Yang Berhormat Arau. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, mungkin Tuan Pengerusi pun bersama dengan saya. Pendapat Yang Berhormat Arau, pendapat saya.

Inilah yang menjadi dilema. Kalau soal mereka dilanjutkan perkhidmatan mereka sehingga menyekat - Apa bahasa itu betul Yang Berhormat Tumpat? *[Merujuk kepada Yang Berhormat Tumpat]* Yang Berhormat Tumpat, betul bahasa saya itu? Menyekat...

Seorang Ahli: Peluang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Peluang, rezeki orang lain. Dia sudah berjawatan timbalan umpamanya, dia bukan anak kecil Tuan Pengerusi. Kalau kita memerlukan yang di atas dia itu terus kerana dia berpengalaman, yang di bawah ini Tuan Pengerusi, tidak kurang pengalaman mereka. Mungkin mereka lebih berpengalaman, lebih kreatif, lebih agaknya semangat dan sebagainya tetapi peluang tidak diberi. Siapakah yang berkuasa sebenarnya dalam hal ini?

Saya difahamkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib telah mengarahkan perkara ini harus diselesaikan. Sejauh manakah kerajaan yang dipegang oleh orang politik cakupnya, suaranya boleh didengar oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan ini? Kalau KSN umpamanya, siapakah yang berkuasa? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau pun KSN?

Kita hendak mempersoalkan ini kerana kita juga harus berlaku adil kepada pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang telah mencurahkan jasanya kepada perkhidmatan awam yang memberikan nilai yang tertinggi kepada kerajaan yang ada pada hari ini. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Permatang Pauh sedang asyik mendengar ucapan saya. *[Ketawa]* Bukan. Marilah. Saya rasa di Dewan ini tidak kiralah kerajaan atau pembangkang simpati dengan nasib yang menimpa orang-orang yang berjasa dalam kerajaan. Ini harus agaknya diberikan – tidak tahulah...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Silakan Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya rasa inilah ucapan orang yang paling berpengalaman, ucapan orang yang amat bersimpati dengan pegawai-pegawai kerajaan yang tidak memilih masa untuk bekerja.

Akan tetapi apabila sampai waktunya mereka menikmati, sebagai contoh Yang Berhormat Sri Gading, perbezaan antara JUSA C dengan gred 54, kadang-kadang dia sudah dapat JUSA C tetapi kerana orang atas itu, dia dapat *extension*. Kawan bawah ini pencen dengan gred 54. Perbezaannya cukup besar.

Satu lagi saya hendak bertanya Yang Berhormat Sri Gading bahawa pegawai-pegawai kerajaan harus menjadi satu institusi atau pun perkhidmatan awam harus menjadi institusi yang neutral. Maksudnya kerajaan datang, kerajaan pergi. Hari ini mungkin Barisan Nasional, esok mungkin Pakatan Rakyat. Hari ini Pakatan Rakyat, esok Barisan Nasional. Yang pentingnya rakyat ialah pelanggan kita. Sebab itu setujukah Yang Berhormat Sri Gading bahawa pegawai-pegawai kerajaan mesti bekerja untuk rakyat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak kiralah dia kerja di negeri Pakatan Rakyat atau Barisan Nasional tetapi tuannya bukan *political master* tetapi rakyat ialah tuannya. Setujukah Yang Berhormat Sri Gading dengan saya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Sungai Petani, Tuan Pengerusi, itulah amalan kakitangan kerajaan hari ini. Dia akan setia berkhidmat, bekerja demi rakyat kepada kerajaan semasa. Ini memang telah menjadi tradisi yang diamalkan oleh kakitangan kerajaan kita hari ini. Itulah standard yang sangat baik sebenarnya. Siapa sahaja yang memerintah, dia akan setia, taat kepada yang memerintah. Itu sebabnya rakyatlah pula, kalau kakitangan dia bersikap neutral seperti itu, rakyatlah pula Tuan Pengerusi hendak memilih siapa kerajaan yang patut memerintah.

Itu terpulang. Itu bab lain. Tidak usah kita cerita ini kerana cerita itu akan masuk bab politik. Akan tetapi saya tidak mahu mempolitikkan perkara ini. Jadi saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani.

Tuan Pengerusi, jadi siapa yang hendak membuat penyelesaian ini? Gred 54 dengan JUSA C itu pun beza gajinya - Mereka ini pun sebenarnya sudah berumur 52 atau 53 atau 54 atau pun 55. Sudah hendak pencen. Mereka berharap apabila mereka bersara, dapat jawatan yang lebih tinggi waktu mereka bersara, gaji yang mereka terima

separuh daripada gaji yang mereka terima itu lebih besar. Inilah tujuan mereka kerana mereka pun ada tanggungjawab dengan keluarga masing-masing. Pegawai-pegawai ini Tuan Pengerusi, marilah.

Saya harap Menteri di Jabatan Perdana Menteri tolong memberikan jawapan yang seadil-adilnya. Bukan kerana jawapan hanya hendak memenangkan sebelah pihak. Mari kita berkata perkara-perkara yang kalau 'A', katakan 'A'. Kalau 'B', katakan 'B'. Kalau angka katakan angka, kalau cempedak, katakan cempedak. Kalau ya, katakan ya, kalau tidak, katakan tidak, Yang Berhormat Pokok Sena. *[Merujuk kepada Yang Berhormat Pokok Sena] [Ketawa]* Yang Berhormat Pokok Sena juga, sahabat lama. Satu, itu satu.

Kedua, saya difahamkan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam ini ada lebih kurang 60,000 orang pekerja yang bekerja secara kontrak. Kita faham ada sesetengahnya terlibat dengan skim ataupun sebagai Pakej Rangsangan Ekonomi. Itu kita tahu dia sementara dalam Pakej Rangsangan Ekonomi, setahun atau dua tahun dia perlu berhentilah kontak itu.

Akan tetapi ramai antaranya yang bekerja selama tujuh atau lapan tahun sebagai kontrak yang nasib mereka sebenarnya di dalam kandungan perut kerajaan. Selepas itu masa depan mereka tidak terjamin.

■1220

Selama tujuh, lapan tahun mereka bekerja yang berpengalaman, dia letakkan di kementerian-kementerian hampir semua kementerian ada, pekerja-pekerja kontrak ini tujuh, lapan tahun bekerja, umur mereka telah pun melangkaui lebih daripada 30 tahun hendak masuk balik untuk *interview* kerja yang baru, mereka sudah pasti ditolak kerana sekatan umur. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, mereka telah berumah tangga, membeli rumah, bayaran ansuran rumah, membeli kereta bukan kerana hendak berfoya-foya kerana kepentingan pekerjaan mereka, bayaran ansuran kereta. Apakah nasib mereka kalau tiba-tiba dibuang tetapi tiap-tiap tahun Perkhidmatan Awam menawarkan pekerja-pekerja baru, apakah tidak boleh secara beransur-ansur Tuan Pengerusi, orang ini sudah mempunyai pengalaman, pekerja-pekerja kontrak diserapkan sedikit demi sedikit janganlah kata pepatah Melayu "Kera di hutan disusukan, anak di pangkuan mati kelaparan". *[Ketawa]* Bukanlah pula kita kata yang minta itu kera, tidaklah. Ini peribahasa, saya pun takut salah cakap di Parlimen ini boleh kena 36(12). *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Panjang lagi cerita Yang Berhormat itu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Panjang lagi cerita?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini satu cerita kementerian. Saya ada satu lagi, jadi pendekkanlah Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ipoh Timur tadi Tuan Pengerusi tidak mahu tegur, saya ini bercakap tentang perkara. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya punya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya sudah lihat berapa lama Yang Berhormat Ipoh Timur bercakap dan berapa lama Yang Berhormat bercakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Oh, ada buat perbandingan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah, itulah maknanya saya berharap Jabatan Perkhidmatan Awam tolonglah, kalau tidak anda esok apabila mati di dalam kubur, Munkar Nakir akan bertanya, Wahai waktu engkau di dunia, engkau - cakap Melayu dia *[Ketawa]* waktu engkau di dunia engkau berkuasa sewenang-wenangnya engkau tamatkan pekerjaan anak Adam yang begitu baik, ini adalah kezaliman shoooooom! Dia bagi, selesai engkau, *[Ketawa]* agaknya begitulah *[Ketawa]* yang itu tidak boleh lakonkan, minta ampun saya.

Baik, yang kedua B.41 Kementerian Pelajaran, ini Timbalan Menteri dia baru masuk, sahabat saya. Jiran sebelah al-Quran saya...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* UPM,JPM.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, B.41 *[Dewan riuh]* bawa masuk JPM sahaja, baru JPM jadi saya kena bercakap perlahan-lahan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya, ya terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya ingat hendak sekali gus kan, selepas itu kita, itulah kalau hisap rokok dia marah, nasib baiklah. Tuan Pengerusi itulah sahaja, JPM, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

12.23 tgh.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi, untuk saya mengambil bahagian juga di peringkat Jawatankuasa ini. Merujuk kepada Maksud B.1 tentang Parlimen, 010000 tentang urusan Parlimen dan juga 010100 tentang Pentadbiran Am yang melibatkan Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, telah lama kita berbahas tentang isu Parlimen ini dan kalau tidak salah ingatan saya termasuklah Tuan Pengerusi sendiri sewaktu tahun 2004 dahulu, kita juga bersama-sama membahaskan isu Parlimen ini dan saya masih ingat tajuk ini juga menjadi *favorite* topik bagi Tuan Pengerusi sendiri pada waktu itu. Tuan Pengerusi sendiri pada waktu itu, kita sama-sama membahaskan tentang isu Parlimen ini dan kita beriltizam sebagai Ahli Parlimen sama ada kita di pihak sini atau di pihak kerajaan mahukan sebuah Parlimen yang berintegriti, yang mampu dilihat berperanan dan tidak bersifat partisan dalam membuat keputusan-keputusan penting khususnya yang melibatkan negara dan rakyat.

Saya sering kali mengambil contoh Bangunan *House of Common* di Britain yang sering kali menjadi rujukan kita, mikrofon nya pun pakai tali lagi. Struktur bangunan nya tetap tidak berubah, sangat konservatif tetapi berdiri sampai hari ini menjadi rujukan dan tempat bagaimana kita melihat kesalahan-kesalahan, hukuman-hukuman itu walaupun dilakukan oleh pemimpin negara, orang nombor satu ataupun menteri-menteri dapat dilihat tentang wibawa dan ketelusannya.

Di sini saya ingin memperjelaskan bahawa mungkin saya membuat, mungkin ucapan saya ini bersifat *jump the gun* dengan izin. Saya juga mendengar bahawa bangunan Parlimen ini juga akan diubahsuai lagi dan mungkin pada bulan enam nanti kita akan bersidang sementara waktu di dewan di bawah dengar khabarnya. Kita sebenarnya mengharapkan sangat kepada keselesaan bangunan ini tetapi apa yang kita perjuangkan ialah tentang sistem, tentang integriti dan juga mengenai bagaimana rakyat ingin melihat wibawa Parlimen ini sendiri.

Pertama yang ingin saya sentuh sebagaimana rakan-rakan yang lain ialah bagaimana beberapa *standing order* yang saya rasa perlu untuk diubahsuai bersesuaian dengan perkembangan yang ada pada hari ini. Saya rasa telah sampai masanya satu jawatankuasa khas ditubuhkan oleh Parlimen sendiri untuk mengkaji keseluruhan peraturan mesyuarat kita, dan sebagai contoh oleh sebab peranan Ahli-ahli Parlimen

menjadi semakin penting dan juga isu-isu yang terbaru ini melihat kepada perlunya perubahan dan sebagai contoh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan yang pada hari ini bolehlah kita anggap sebagaimana Jawatankuasa Disiplin untuk memutuskan banyak hal tentang sama ada perilaku ataupun tentang perkataan ataupun tentang urusan-urusan yang melibatkan Ahli-ahli Parlimen, di mana jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua ataupun siapa yang duduk di kerusi itu.

Saya rasa ini perlu diubah dan bagaimana seorang Tuan Yang di-Pertua Dewan mempengerusikan badan ini boleh bertindak seadil mungkin dengan saya tidak merujuk ataupun untuk berniat untuk mengatakan tidak adil kepada Yang di-Pertua tetapi bagaimanakah suatu badan yang sangat penting ini boleh berbincang dan boleh untuk membuat satu keputusan adil kepada mereka yang dirujuk oleh jawatankuasa ini.

Ini semua memerlukan satu perubahan yang berani, perubahan yang saya rasa untuk kebaikan kita semua dan ini memerlukan satu iltizam yang penting untuk kita melihat Parlimen sebagai satu badan yang berwibawa, diberikan juga dengan peraturan-peraturan mesyuarat sebagai contoh yang perlu kadang-kadang kena baca bersekali ataupun kita yang berlaku dua, tiga hari ini 26(1)(p) kita baca bersama 36(12), 36(6). Ini semua memerlukan satu *review*, memerlukan suatu penyemakan semula dan demikian juga tentang jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan di bawah Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, yang kedua ialah di samping perubahan struktur yang bukan saya menolak secara total tetapi itu bukan satu prioriti yang ada pada hari ini. Saya melihat Parlimen mungkin dalam 10 tahun akan datang, tidak tahulah sama ada pada masa itu mungkin kekal lagi Barisan Nasional ataupun kami daripada Pakatan Rakyat, *insya-Allah* tetapi apa yang penting kita melihat bahawa kita mahu melihat Parlimen ini berdiri sendiri dan inilah yang kami maksudkan dalam manifesto kami Pakatan Rakyat sebagai perubahan yang berbentuk struktur, perubahan yang mesti kita terokai.

Kalau kita hanya menyalin baju ataupun berpakaian dengan baju baru tetapi isinya ataupun inti pati nya masih sama bermakna kita tidak ke mana-mana selepas 50 tahun kita merdeka.

■1230

Siapa pun yang memerintah negara ini kalau tidak dibuat suatu *reform* yang menyeluruh, pendekatan yang holistik, Parlimen ini juga tidak ke mana-mana. Kita akan terus kekal sebagai Parlimen yang berimej dunia ketiga dan tidak mampu kita mencapai sebagaimana yang sama kita hasratkan. Kita mahukan satu Parlimen bertaraf *world class* yang mindanya, yang Ahli-ahli Parlimennya, yang integritinya boleh

dipertanggungjawabkan. Mungkin kita tidak perlu lagi lima tahun akan datang seorang menteri yang begitu berkuasa menjaga Parlimen ini. Yang pada hari ini Yang Berhormat Padang Rengas, menteri yang jambu ini walaupun tidak ada di sini, tidak perlu beliau duduk di sini terlalu lama.

Seorang Ahli: Tarik balik.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Jadi beliau perlu pergi ke kementerian lain. Beliau boleh pergi kepada Kementerian Luar ataupun beliau lebih berminat untuk menjadi mungkin Timbalan Perdana Menteri, itu terserah pada beliau. Akan tetapi itu saya rasakan Parlimen tidak perlu lagi terikat dengan kuasa menteri. Parlimen mesti berdiri sendiri. [*Tepuk*] Parlimen mesti ada suatu kekuatan untuk membicarakan sesuatu.

Speaker of this House ataupun Yang di-Pertua Dewan ini mesti punya suatu wibawa untuk membuat pandangan-pandangan, memanggil suatu Mesyuarat untuk bagaimana menentukan *a way forward*. Bagaimana Parlimen Malaysia ini akan maju setapak lagi. Bagaimana saya mahu melihat nanti Tuan Speaker di Dewan ini sama ada di Dewan Rakyat, Dewan Negara akan membincangkan suatu kertas kepada kerajaan kepada Kabinet, bagaimana badan-badan penguatkuasaan seperti SPRM, Polis Diraja Malaysia, AG mesti diletakkan di bawah Parlimen ini. Ini yang kita hendak dengar. Tuan Speaker ada punya suatu iltizam, *political will* untuk mencadangkan perkara ini kepada pihak kerajaan. Bukan hanya menunggu arahan ataupun tertakluk kepada arahan Kabinet.

Akan tetapi, Parlimen ini boleh memberikan satu kertas. Parlimen ini boleh mengadakan satu sesi, *discourse*, Parlimen ini boleh mengadakan satu perbincangan yang berbentuk orang kata satu pandangan yang boleh *reform* Parlimen ini dan kita kemukakan kertas-kertas ini kepada pihak kerajaan untuk mereka mempertimbangkannya. Ini yang mahu kita lihat – yang kita lihat, yang kita sebut sebagai suatu perubahan struktur yang akan memungkinkan Parlimen ini digerakkan pada masa yang akan datang dan dapat mencapai tahap sebagaimana yang kita telah hasratkan bersama.

Jadi saya melihat kita semua mesti memberikan suatu dukungan yang penting kepada Parlimen ini. Bukan sekadar kita hanya puas hati dengan apa yang ada pada hari ini yang memang ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap, yang mahukan supaya gaji ataupun elaun sama ada Tuan Speaker atau Timbalan Speaker dan kita di sini. Saya rasa itu perkara yang penting, akan tetapi bukan itu sekadar itu.

Akan tetapi yang penting adalah kerusi Tuan Speaker di atas, kita di sini, pegawai di dalam Parlimen ini juga perlu kepada suatu anjakan yang memungkinkan kita akan maju pada masa yang akan datang.

Kemudian Tuan Pengerusi, yang kedua saya ingin menyebut tentang 01000 – Suruhanjaya Pilihan Raya dan telah dijawab juga oleh Yang Berhormat Menteri daripada Padang Rengas dalam soal jawab pada minggu lepas yang hanya secara mudah, secara begitu *simplistic* menolak begitu sahaja tentang isu pendaftaran secara automatik ini. Saya mengharapkan supaya Menteri yang berkenaan, Menteri di bawah Jabatan Perdana Menteri ini banyak, ramai. Ada yang jaga ekonomi, ada yang jaga perundangan, ada yang jaga Parlimen, yang jaga perpaduan, yang jaga KPI. Jadi saya rasa KPI nya kena betul, NKRA kena tepat.

Isu yang ada pada hari ini bagaimana kita melihat kesukaran dan kita mengeluh sama ada SPR sendiri pun mengeluh bagaimana kita tidak dapat mencapai *target* bilangan pengundi yang mesti kita capai dalam masa-masa tertentu. Dan apa salahnya dipertimbangkan paling tidak, Menteri yang menjawab dengan penuh tanggungjawab mempertimbangkan pandangan ini.

Adakah pandangan ini begitu lekeh? Dengan sistem yang ada, dengan dunia IT, langit terbuka, *borderless state*, macam-macam. Sehingga maklumat yang kita boleh perolehi dengan cepat. Suatu kajian yang dibuat oleh *Zentium Studies* pada hari ini yang menggambarkan betapa maklumat ini penting dalam satu saat, lapan trilion maklumat dilepaskan di angkasa raya kita. Akan tetapi kita tidak melihat satu jawapan yang begitu konstruktif. Dan apa salahnya difikirkan pendaftaran secara automatik ini. Sama ada daripada Jabatan Pertahanan Awam yang ada - boleh bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihan Raya dan Kementerian Dalam Negeri yang boleh *synchronize* kan perkara ini dan difikirkan tentang perkara ini.

Ini pandangan daripada kami di sini. Pandangan daripada NGO, pandangan daripada pihak-pihak Mafrel sebagai contoh yang wujud baru-baru ini, yang mahukan pendaftaran secara automatik ini. Dan apa salahnya kalau difikirkan secara serius dan janganlah dibuat suatu anggapan bahawa kononnya tidak boleh ada paksaan dalam mengundi dan seumpamanya. Itu memang tidak ada paksaan. Akan tetapi sistem itu, sistem yang efisien yang terkini, yang semasa yang boleh kita *upgrade* sistem – bagaimana kita mendaftarkan pengundi-pengundi muda dalam negara kita dengan umur mereka cukup 21 tahun maka secara automatik mereka boleh menjadi pemilih dalam negara kita.

Kemudian Tuan Pengerusi, tentang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan saya juga tidak keberatan untuk menyokong pandangan daripada Yang Berhormat Sri Gading tadi, daripada Yang Berhormat Sungai Petani dan saya ingin mengunjurkan sedikit lagi. Baru-baru ini kita gembira tentang kenaikan gaji polis. Semalam kita baca dalam surat khabar gaji posmen. Kenapa diadakan sistem runcit begini? Esok apa pula? Kita kena ada satu perancangan yang konstruktif, perancangan yang mengambil pendekatan holistik. Semua orang rakyat Malaysia yang berkhidmat dalam Jabatan Perkhidmatan Awam perlu dilihat semua sekali. Tidak kira mereka.

Jangan hari ini polis, esok tentera, lusa posmen, ini runcit-runcit begini! Jadi kita mahu satu pendekatan yang holistik, pendekatan yang lebih bertanggungjawab. Gred gaji ataupun kenaikan pangkat ini harus dilihat pada semua mereka yang berkhidmat dalam jabatan kerajaan. Khususnya mereka yang di peringkat rendah sebagai contoh. Semua mesti dilayani! 1.2 juta perkhidmatan awam ini. Jadi saya mengharapkan kerajaan buat satu *review* yang menyeluruh. Kalau hendak naik gaji, naik gaji semua. Semua sekali mesti menikmati.

Jadi bukannya secara saya sebut tadi secara runcit-runcit begitu dan ini akan mengambil suatu – akan mengundang suatu perasaan tidak puas hati, perasaan di mana anggota-anggota perkhidmatan awam yang berasa tidak selesa dan seumpamanya. Demikian juga kalaulah kita telah bersetuju dan menyokong di sini umur had persaraan itu 58 tahun, jangan ada lagi jawatan kontrak ini. Ini menyusahkan! Menimbulkan suatu perasaan yang tidak baik sesama mereka. Dan ini – tidak payahlah sudah pencen 58 tahun pencen secara terhormat. Besar jasa mereka kepada negara, semua orang akan hormati mereka – perkhidmatan mereka kepada negara. Kalau sambung kontrak lagi jadi apa halnya dengan mereka yang di bawah yang saya rasa akan mengundang satu perkara yang tidak elok kepada Jabatan Perkhidmatan Awam itu sendiri. Saya harap perkara ini akan diambil sebagai suatu pandangan oleh pihak kerajaan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, tentang Butiran 010500 – Biro Tatanegara sudah pun disentuh tadi. Saya mengambil tentang 050000 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Saya membaca dengan teliti keputusan Kabinet minggu lepas tentang penubuhan satu *interfaith committee*, satu Jawatankuasa untuk membincangkan tentang isu-isu antara agama. Saya tidak keberatan untuk memberikan pandangan dan PAS sendiri sebagai dasar daripada parti kami, memang kita sangat menganjurkan dialog antara agama, dialog antara tamadun, apa-apa isu yang berlaku antara agama dalam

negara kita ini mesti di selesaikan secara bijak, pantas, tuntas dan juga mampu menyelesaikan sebarang pertikaian untuk mengelakkan pertembungan ataupun berlakunya *clash* di antara agama-agama dan kepercayaan dalam negara kita.

■1240

Namun begitu saya mengharapkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ini boleh menjadi suatu sama ada *mediator* atau pun menjadi penganjur yang penting dengan saya rasa untuk menampilkan tokoh-tokoh ilmuwan yang mampu untuk mendepani cabaran ini. Isu ini bukan isu yang kecil sebenarnya. Isu bagaimana berlakunya perkahwinan di antara orang yang sebelum ini bukan Islam masuk ke dalam agama Islam yang mungkin asalnya hanya atas dasar cinta ingin berkahwin, kemudian berpisah dengan izin menjadi *broken family* dan mereka ini menghadapi masalah tentang isu harta sepencarian, anak-anak yang mereka tinggalkan.

Jadi, ini memerlukan suatu ijtihad. JAKIM saya harap bersedia dengan isu-isu yang seperti ini dan ini merupakan satu masalah yang kompleks. *Alhamdulillah*, Pakatan Rakyat pun baru-baru ini telah berjaya menemukan di antara Peguam-peguam Sivil dan Peguam-peguam Syarie ini di peringkat permulaan untuk kita bincang bagaimanakah cara untuk menyelesaikan perkara ini. Isunya mesti diselesaikan. Isunya mesti diadakan kerap secara positif *discourse discourse* tentang pertembungan agama ini. Ia tentang isu yang melibatkan antara agama ini.

Saya harap kalau kita benar-benar dapat menampilkan satu jawapan yang berasaskan kepada nilai, ilmu, dan falsafah Islam itu sendiri yang adil, dan saksama, kita terangkan kepada mereka dengan cara yang baik dan mereka datang dalam majlis kita dalam suasana yang harmoni, saya yakin isu-isu ini dapat diselesaikan yang berdasarkan kepada Islam itu sendiri agama yang memberikan keadilan kepada semua. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Cara Yang Berhormat bercakap itu saya cukup puas hati. Yang Berhormat Padang Besar.

12.42 tgh.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih dan *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Tuan Pengerusi, saya terpanggil untuk menyentuh perkara-perkara di bawah belanja tambahan ini iaitu Maksud B-6 dan B-7 - Jabatan Perdana Menteri dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya terpanggil kerana saya dapati sejak tahun 1997, dalam kerajaan sistem penyimpanan fail tidak lagi seperti mana yang ditinggalkan oleh *British* selepas kita merdeka. Semasa dalam pemerintahan *British*, mereka meninggalkan satu sistem khazanah yang amat berharga. Akan tetapi apabila kita mengenalkan sistem *paperless government*, kita tidak lagi mentransferkan apa yang dibuat secara manual dahulu kepada sistem berkomputer. Maksud saya, sistem *filing* yang diajar oleh *British* dahulu setiap anggota kerajaan sama ada pegawai atau pun perkeranian masa awal dahulu dikehendaki menduduki peperiksaan sebelum disahkan dalam jawatan dan satu manual dahulu dikatakan *Manual of Office Procedure*. Setiap seorang kakitangan hendak mengetahui cara mana hendak menggunakan fail memasukkan maklumat-maklumat dan surat-surat masuk, dan keluar.

Akan tetapi mulai tahun 1997 saya fikir, kerajaan telah memperkenalkan sistem berkomputer tanpa mentranslatekan sistem manual kepada komputer hingga pada hari ini. Walaupun semua jabatan - semua pegawai, dan hampir semua kerani ada komputer tetapi dalam komputer itu banyaknya maklumat-maklumat dikatakan lebih penting kepada siapa hendak berusrah, siapa hendak beranak, hari beranak, jemputan itu dan ini dipanggil *junk mail*. Komputer dalam kerajaan hari ini diguna sebagai SMS sahaja. Ia tidak digunakan untuk menyimpan fail-fail. Di dalam komputer tidak sesiapa pun dipertanggungjawabkan sama ada dalam kementerian atau jabatan untuk bertanggungjawab mengenai pembukaan fail dalam komputer. Setiap komputer ada ruang untuk kita buka fail dan *numberingnya* mesti ada dan disambung. Ia tidak boleh diubah atau dibatalkan melainkan dengan kelulusan pihak yang bertanggungjawab. Akan tetapi hari ini itu semuanya tidak ada.

Saya terpanggil membawa cerita ini, Tuan Pengerusi oleh sebab saya dimaklumkan oleh seorang rakan Menteri sekarang mengatakan satu perjanjian antara satu syarikat swasta dengan kerajaan telah hilang failnya. Maka ini adalah satu perkara yang serius. Saya pernah membangkitkan perkara ini dahulu tetapi saya terpanggil untuk bercakap dalam Dewan ini pada hari ini sebab apa yang saya bangkitkan dahulu masih belum diambil tindakan secara yang proaktif. Maka jabatan-jabatan kerajaan tanpa sistem *filing* yang sempurna akan hilang *institutional memory*. Kebanyakannya apabila KSU berpindah tidak ada lagi memorinya. Apabila Menteri bertukar tidak ada memorinya untuk orang yang baru meneruskan dasar-dasar yang diputuskan. Jadi, banyak perkara yang hari ini dan dahulu dibuat dan dilaksanakan hari ini tetapi tidak dilaksanakan.

Selepas beberapa tahun merdeka, setiap rakyat yang menulis surat kepada jabatan kerajaan ada jawapannya dan jawapannya diberikan satu kad. Disebut di situ surat tuan bertarih sekian telah diterima dan dalam perhatian. Rakyat memegang kad berkenaan dan nombor rujukan. Walaupun setahun atau dua tahun tidak ada tindakan, rakyat boleh pergi ke jabatan berkenaan dan merujuk kepada kad berkenaan untuk mendapatkan sama ada tindakan diambil atau pun tidak. Pada hari ini, ini tidak lagi berlaku malah budaya tidak menjawab surat dibangkitkan juga oleh beberapa rakan dalam Dewan ini - memang menjadi budaya biasa. Jadi, rakyat dalam berinteraksi dalam kerajaan hari ini lebih menjuruskan ke arah siapa kenal siapa.

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Siapa mengenal siapa sudah menjadi budaya. Kalau tidak kenal siapa, surat pun hilang. Banyak perkara yang dirujuk tidak akan dapat dirujuk. Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya dapat sebutkan di sini dan butiran-butirannya adalah dalam Butiran 010100 dan juga dalam perkhidmatan awam disebutkan di sini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Nampak ada lagi Yang Berhormat. Masih belum habis lagikah?

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Habis. Terima kasih dan saya harap ini dapat diambil perhatian oleh jabatan-jabatan yang berkaitan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Machang.

12.48 tgh.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Pengerusi, terima kasih. Dalam mengambil bahagian di peringkat Jawatankuasa, saya mohon untuk mengemukakan dua perkara di bawah Butiran B.04 – Suruhanjaya Pilihanraya dan B.6 – Jabatan Perdana Menteri.

Hal yang ingin saya bangkitkan di bawah Suruhanjaya Pilihanraya, Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan proses membersihkan daftar pemilih khususnya merujuk kepada pengundi-pengundi pos. Pengalaman sewaktu menyertai Pilihan Raya Kecil Bagan Pinang tempoh hari, Tuan Pengerusi kita berhasil menemui sejumlah kurang lebih 150 nama dalam senarai undi pos yang mengundi di Bagan Pinang. Sejumlah itu juga nama orang yang sama tetapi muncul dalam daftar pemilih di negeri-negeri lain. Maksudnya, satu individu dia mengundi pos kerana dia tentera dan dia juga pengundi awam di negeri lain. Ketika Pakatan Rakyat mengunjungi Suruhanjaya

Pilihanraya mengadakan hal ini di Putrajaya reaksi Pegawai Suruhanjaya Pilihanraya ialah jangan risau sebab nama ini mengundi di Bagan Pinang. Kalau pun nama mereka muncul di Perak, Kelantan atau Pahang, di sana tidak ada pilihan raya. Itu reaksinya. Akan tetapi pengakuan itu membuktikan bahawa kita berdepan dengan daftar pemilih yang masih lagi ada kelemahannya. Apabila ditanya kenapa hal ini berlaku, ia ekoran daripada proses apabila seseorang anggota tentera tamat bertugas biasanya Kementerian Pertahanan mengambil masa setahun untuk memaklumkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya.

■1250

Dalam tempoh setahun, seorang anggota tentera yang telah bersara, dia telah pun memiliki kad pengenalan awam yang dengannya dia mendaftarkan diri sebagai pemilih. Ini sebenarnya bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang tidak membolehkan seorang mengundi dua kali. Untuk itu saya memohon Suruhanjaya Pilihan raya khususnya dan Menteri bertanggungjawab dapat meneliti perkara ini.

Membersihkan data pemilih, barangkali negara boleh mencontohi negara Bangladesh beberapa tahun lepas mendapatkan bantuan daripada negara Kesatuan Eropah dengan dana cuma sebesar 4 juta Euro. Hari ini senarai daftar pemilih di Bangladesh Tuan Pengerusi, kertas undi hanya dikeluarkan setelah rakyat Bangladesh itu dikenal pasti identiti mereka secara sah melalui tangan. Apabila wajah mereka tertera dalam skrin komputer, kertas undi dikeluarkan.

Jadi, hari ini tidak ada lagi pertikaian di negara yang sentiasa bergolak suasana politik Bangladesh gara-gara daftar pemilih. Jadi, saya fikir itu boleh kita contohi kerana saya berpendapat *“Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan”*.

Tuan Pengerusi...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Kita juga ingin membangkitkan bahawa beberapa perkara di bawah isu-isu...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Yang Berhormat Machang. Sedikit pencelahan. Terima kasih Yang Berhormat Machang, terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang tadi berkenaan dengan pembersihan daftar pemilih.

Saya ingin menarik perhatian dan juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Machang, isteri saya sudah dua kali mengundi di Padang Terap. Bahkan kad pengenalan beliau pun walaupun berasal daripada Kelantan juga tertera

alamat di Padang Terap. Ya lah sebab kahwin dengan saya. Akan tetapi pada kali ini semakan yang saya buat, saya dapati nama beliau telah dipindahkan ke Selangor. Apa pandangan Yang Berhormat Machang?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi, hampir 58,000 dalam daftar pemilih tambahan setakat suku keempat 2009 yang berdaftar di Selangor. Daripada 58,000 itu, 150% daripadanya adalah nama yang dahulunya mengundi di luar Selangor dan sekarang dimasukkan ke dalam Selangor. Barangkali isteri Yang Berhormat Padang Terap salah satu daripadanya.

Apabila hal ini dibangkitkan, SPR biasanya akan kata, "*setiap tiga bulan, daftar itu dipamerkan untuk semakan dan bantahan.*" Biasanya dalam kolum C. Kalau tiada bantahan, dia akan masukkan dalam gazet dan itu diakui. Jadi, biasanya SPR akan pulangkan balik tanggungjawab untuk buat semakan itu kepada kita.

Jadi, hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap sebenarnya benar dan banyak berlaku. Sebab itulah isunya masih berkisar di bawah tajuk membersihkan daftar pemilih. Tuan Pengerusi...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sedikit Yang Berhormat Machang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Machang. Biasanya, daftar pemilih ataupun seorang pemilih itu akan ditukarkan nama beliau ke tempat lain dengan permohonan ataupun disebabkan dengan beberapa perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Machang.

Dalam kes isteri saya, dia tidak pernah memohon pertukaran alamat, pertukaran tempat mengundi dan sebagainya. Jadi, saya melihat di sini seolah-olah ada sesuatu perkara yang agak pelik berlaku. Bagaimanakah mungkin Yang Berhormat Machang boleh mencadangkan kepada SPR dalam konteks tidak ada satu usaha sendiri untuk menukar tempat mengundi, tiba-tiba ditukarkan? Ini yang menimbulkan persoalan kepada saya. Saya minta penjelasan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Kejadian nama pemilih yang tidak pernah memohon kepada SPR untuk bertukar kawasan pilihan rayanya kalau berlaku, memang itu satu penyelewengan yang wajib diperbetulkan dan memulangkan tanggungjawab kepada pemilih untuk menyemak setiap tiga bulan. Jika tidak berlaku permohonan itu, maka dianggap nama dimasukkan dalam daftar pemilih induk.

Amalan ini sebenarnya menyaksikan banyak kelemahan...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan sedikit tentang itu. Terima kasih Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat Machang bercadang untuk mencadangkan kepada kerajaan satu sistem yang boleh memudahkan dari segi semakan. Ini kerana, kita tahu parti-parti politik ini bekerja secara sukarela. Kita tidak ada pekerja tetap untuk melihat data-data ini untuk mengenali siapakah yang tersenarai dan sebagainya. Jadi, ini adalah satu proses yang amat sukar kepada kita.

Kedua, setiap bantahan yang dibuat akan dikenakan bayaran sebanyak RM10. Bayangkan kalau ada 3,000 nama yang kita bantah, bermakna kita perlu membayar RM30,000 yang merupakan satu bebanan yang sangat berat terutama kepada parti-parti politik yang miskin seperti Pakatan Rakyat. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Tuan Pengerusi, saya masih lagi berpendapat bahawa fungsi asas dan *fundamental* buat Suruhanjaya Pilihan raya ialah menjalankan proses pendaftaran dan memastikan daftar pemilih yang bersih. Itu tanggungjawab yang sangat asas dan *fundamental*.

Dalam hubungan ini, mengambil perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya daripada Padang Terap dan juga daripada Titiwangsa sebentar tadi. Adapun kita di peringkat parti politik, peranan kita adalah peranan membantu misalnya dalam proses mendapatkan pendaftaran baru. Kita biasanya akan menghantar petugas kita dan diberi kursus oleh SPR dan dilesenkan sebagai pegawai pendaftar sementara. Mereka ini sahaja yang boleh mengisi Borang A yang mengandungi tiga kolum, dua helaian. Apabila proses ini dibuat Tuan Pengerusi, kita akan kumpulkan nama, mengisi borang dan menyerahkan.

Apa yang berlaku di bawah? Kadang-kadang kalau kita boleh kumpulkan 500 nama misalnya, kerani SPR beri 100 sahaja borang. Dia kata, "*Isi dahulu 100 ini, serah. Kemudian ambil lagi*". Dia tidak boleh beri 500 serentak atau 1,000 serentak. Begitu keadaannya, barangkali kerana dia tidak hendak borang itu dibazirkan. Akan tetapi apabila kita boleh kemukakan misalnya sejumlah yang kita sudah dapat cari, kita terdedah kepada amalan *red tape* dan birokrasi sebegini. Ini agak mengecewakan walaupun kita tidak pernah patah semangat.

Tuan Pengerusi, di sana juga berlaku kejadian seperti daftar pemilih yang tidak ada alamat. Kajian yang dibuat di Lembah Pantai misalnya Tuan Pengerusi, sejumlah hampir 37.69% alamat pemilih tidak dapat dikesan. Kalaupun alamat yang ditemui, ia

merupakan sebuah kedai runcit yang beratap zink di Kampung Kerinchi memuatkan seramai 142 pemilik. Ini berlaku. Kalau bantahan hendak dibuat 142 ini, kita perlu bayar RM1,420 barulah *hearing* dibuat dan kemudian baru kita tahu kesahihannya. Begitu juga kalau kita temui satu alamat yang merupakan satu alamat yang rupanya tanah kubur. Akan tetapi di sana ada alamat yang kita difahamkan sebagai pernah menjadi pemilih di dalam kawasan itu.

Untuk mengatasi perkara-perkara sebegini Tuan Pengerusi, saya mencadangkan barangkali sampai masanya kerajaan mempertimbangkan untuk mengadakan panel khas dalam SPR seperti mana pembentukan panel khas dalam SPRM bagi memastikan ketulusan, menjamin kebebasan dan memulihkan keyakinan rakyat kepada SPR.

Hari ini, fungsi itu terletak sepenuhnya kepada Pesuruhjaya SPR. Barangkali sudah sampai panel khas ini dipertimbangkan dapat diwujudkan lebih-lebih lagi sekarang kita memasuki penggal kedua yang membolehkan proses persempadanan semula dibuat. Paling akhir dahulu kita gunakan pada April 2004 dan sekarang masuk penggal kedua yang membolehkan persempadanan semula dibuat.

Cerita tentang amalan *Gerry Mandering*, dengan izin yang dibuat ke atas persempadanan ini. Memang banyak kita dengar. Baling misalnya, Ahli Parlimen Baling pernah sebut dengan saya, kawasan dia dari satu hujung ke satu hujung boleh jamak kasar sembahyang, luasnya kawasan. Mengandungi empat Dewan Undangan Negeri - tiga...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Lagi panjang Yang Berhormat?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya? Saya ada satu lagi butiran di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Boleh sambung Yang Berhormat?

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi.
[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada pagi ini ditangguhkan dahulu dan Mesyuarat akan bermula semula pada pukul 2.30 petang nanti.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan saya akan hadkan masa perbahasan ini kepada sepuluh minit, dalam peringkat Jawatankuasa dan saya minta Yang Berhormat Machang untuk habiskan dalam masa lima minit.

2.33 ptg.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh*, terima kasih Tuan Pengerusi. Menyambung perbahasan, saya merujuk kepada Butiran B.06 Jabatan Perdana Menteri. Secara khusus ialah peruntukan sebesar RM28.35 juta yang diminta Dewan luluskan bagi maksud perbelanjaan kepada *FBC Media United Kingdom* bagi menjalankan apa disebut sebagai *strategic media communications*. Dana sebesar ini memang memerlukan satu akauntabiliti atau kebertanggungjawaban yang lebih terbuka. Apa lagi kerana ianya menyentuh berkaitan dengan kempen media di peringkat antarabangsa.

Beberapa hari lepas saya sempat menyemak bagaimana aktiviti *FBC Media United Kingdom* ini yang pada tahun 2008 telah menggunakan khidmat *APCO Worldwide* yang berpangkalan di Washington Tuan Pengerusi. Telah membayar yuran kepada *APCO Worldwide* sebanyak USD70,000 untuk *APCO Worldwide* kemudiannya menjalankan beberapa aktiviti promosi mengenai Malaysia. Di dalam undang-undang yang disebut sebagai *Lobbying Disclosure Act 1995*, ada satu borang *lobby* yang mesti diisi oleh *APCO* dan menamakan *FBC Media United Kingdom* sebagai pelanggan. Dengan yuran sebesar USD70,000 itu, antara perkhidmatan yang diberikan ialah untuk mendukung dan mengangkat kempen Kerajaan Malaysia sebagai sebuah kerajaan yang pro-perniagaan, pro-pelaburan, *pro-reform* dan juga beberapa syor untuk menangani aktiviti pencegahan keganasan.

Saya ingin membangkitkan beberapa persoalan untuk memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri pada ketika sesi jawapan nanti. Yang pertama kita nak tahu *FBC Media United Kingdom* yang digunakan khidmatnya oleh Kerajaan Malaysia di bawah urusan Jabatan Perdana Menteri ini. Kita nak tanya berapakah jumlah sebenar bayaran yang diberikan kepada *FBC Media United Kingdom*? Yang

kedua, berapa lama sebenarnya tempoh perkhidmatan FBC Media ini diguna pakai? Bila mula tandatangan kontraknya dan bila berakhir? Yang ketiga, dalam kontrak yang ditandatangani itu, apakah bidang tugas yang diberikan. Kalau mengambil daripada apa yang *FBC Media United Kingdom* gunakan perkhidmatan APCO untuk mempromosikan Malaysia daripada segi sebuah kerajaan yang pro-perniagaan, pro-pelaburan dan *pro-reform*. Kita nak tanya berapa banyak sebenarnya *interview* yang telah diusahakan oleh syarikat ini yang membabitkan *International News Media* dengan izin?

Berapa banyak pula berita-berita tentang Malaysia yang ditempatkan di ruangan editor majalah-majalah terkemuka antarabangsa? Kita nak tanya berapa banyak mesyuarat-mesyuarat dengan *key global leaders* dengan izin yang telah diusahakan oleh syarikat ini dan untuk tujuan apa? Berapa banyak *public forums* yang telah mereka usahakan? Berapa banyak *new media websites* yang mereka telah bina dan apa impaknya? Kita nak tahu setelah menggunakan perkhidmatan syarikat seperti ini, bagaimanakah persepsi masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia saat ini?

Sudah tentulah perkara-perkara ini kita boleh lanjutkan lagi persoalan-persoalan tetapi memadai sekadar itu kerana memerlukan penjelasan kerana dana ini cukup besar terutama apabila membabitkan institusi seperti APCO. Ayat saya yang terakhir Tuan Pengerusi ialah saya ingin merujuk kepada perkara yang sama, yang pernah disebutkan di bawah Mesyuarat *Public Accounts Committee* pada 11 Ogos 2008, yang antara lain membabitkan berkenaan penglibatan ejen asing di dalam Kerajaan Malaysia.

Saya petik Tuan Pengerusi, verbatim. Pengerusi ini ialah Pengerusi PAC. "*PAC ini sudah menjadi macam satu focal point kepada rakyat mendapat apa yang dikatakan maklum balas dan diharapkan kitalah membantu mengatasi although we have no executive power tetapi kita ada suara yang didengar oleh kerajaan*". Ayat berikutnya, "*Macam polis, kalau kita cakap in general susah*". Kemudian Setiausaha PAC bercakap, "*Latest dia punya perolehan*".

Ayat Tuan Pengerusi "*Ha, perolehan baru ini yang melibatkan Israel. It is very scary you know because people have accessed to all our information. Israel is working together with US...*" Ini kenyataan yang saya petik dari *PAC Chairman*. Bila? 11 Ogos 2008. Apa ayat dia? Hal perolehan pasukan polis. Katanya apa? Perolehan baru ini membabitkan Israel "*It's very scary*". Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah.

2.38 ptg.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam peringkat jawatankuasa ini. Saya ada dua perkara yang saya ingin nak bahaskan berkenaan dengan Maksud B.1 Parlimen. Yang pertamanya, sebanyak RM20 juta untuk membiayai kos menaik taraf sistem keselamatan Parlimen Malaysia. Saya ingin bertanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, apakah sistem keselamatan yang telah dibuat ataupun dilaksanakan dalam bangunan Parlimen ini kerana ini RM20 juta dan saya lihat peruntukan tambahan untuk 2010, untuk tahun ini juga RM20 juta. Jadi RM40 juta untuk buat sistem keselamatan di Parlimen dan kita tidak nampak ada apa-apa yang telah dipasang di Parlimen ini untuk menambah keselamatan kita. Yang kita tahu hanya pondok keselamatan telah dipindahkan dari bangunan Parlimen ini ke luar, buat pondok di luar.

Jadi saya nak tanya apakah sistem yang telah dipasang untuk bangunan Parlimen ini dan syarikat mana yang telah dilantik untuk melaksanakan tugas ini? Keduanya saya tahu bahawa Ahli Parlimen diberikan hak untuk memohon lesen senjata api dan kemungkinan ada Ahli Parlimen yang ada membawa pistol dan sebagainya.

■1440

Saya tak adalah tetapi saya hendak tahu, apakah prosedur dalam bangunan Parlimen ini kerana kita tidak nampak ada apa-apa prosedur sekiranya ada Ahli Parlimen yang membawa senjata api ataupun membawa pistol apabila sampai ke bangunan Parlimen ini dia masuk ke bangunan Parlimen ini. Adakah prosedur ataupun tempat khas disediakan untuk Ahli Parlimen meletakkan pistol ataupun senjata api mereka, kerana ini saya rasa penting kepada keselamatan Ahli-ahli Parlimen kerana kita lihat ada *trend*, mungkin ada kewarasan yang tidak berapa di kalangan Ahli Parlimen dan ini mungkin akan menyebabkan keselamatan kita terjejas? Jadi saya pohon bahawa pihak JPM untuk menyediakan satu tempat khas. Kalau ada bagaimana prosedurnya kalau ada di kalangan Ahli-ahli Parlimen yang membawa senjata api supaya mereka ada tempat untuk diletakkan.

Yang keduanya berkenaan B.1 dengan jumlah RM905,000 untuk membiayai kos sambutan Jubli Emas Parlimen sempena 50 tahun penubuhannya. Saya hendak tanya apakah RM905,000 ini digunakan kerana seingat saya tahun lepas patutnya sambutan Jubli Emas 50 tahun kita ada satu gala *dinner*, tetapi majlis makan malam ini sempena Jubli Emas telah dibatalkan dan kita hanya ada satu majlis sambutan di bangunan

Parlimen ini. Adakah majlis yang diadakan di bangunan Parlimen ini telah memakan belanja sebanyak RM905,000? Jadi saya pohon diberikan jawapan apakah tujuan RM905,000 ini telah digunakan.

Yang keduanya berkenaan dengan Maksud B.4, Suruhanjaya Pilihan Raya. Saya nampak ada satu butiran sebanyak RM1.5 juta digunakan untuk membiayai kos menguruskan program pendaftaran pemilih secara bergerak ataupun *out-reach*. Saya hendak katakan bahawa di sini kita lihat SPR tidak begitu berkesan dalam pendaftaran pemilih ini dan saya rasa yang lebih berkesan ialah digalakkan kepada penolong-penolong pendaftar daripada parti-parti politik kerana bagi kita di Pakatan Rakyat mengikut satu laporan dalam *The Edge Daily* dua hari lepas di kalangan tiga parti dalam Pakatan Rakyat tahun lepas kita telah mendaftarkan 40,000 pengundi baru. Tiga parti kita dapat 40,000 pengundi baru, Barisan Nasional 13 parti tidak sampai 30,000. Kita lebih berkesan.

Jadi saya minta supaya pihak SPR memberikan galakan yang lebih kepada penolong-penolong pendaftar pemilih ini yang dilantik oleh parti politik kerana pada ketika ini praktisnya ialah setiap borang yang telah dihantar oleh penolong pendaftar daripada parti politik diberikan elaun RM1 untuk satu borang. Itu terlalu rendah. Saya harap kita pakai RM1.5 juta untuk program *out-reach*. Apakah tidak kita boleh naikkan elaun RM1 ini kepada RM2 kepada setiap borang yang dihantar oleh penolong pendaftar parti-parti politik supaya ini dapat menggalakkan, kerana kita ini juga membuat satu nasional servis kepada negara kita dalam membantu SPR untuk menambah bilangan pendaftar pemilih.

Yang terakhirnya Tuan Pengerusi berkenaan dengan SPR juga. Dalam laporan *The Edge Daily* dua hari lepas pada 7 April 2010 ada dikatakan bahawa satu jadual ini memetik sumber daripada SPR yang mengatakan, bahawa pengundi yang berumur 21 tahun ke atas ada lebih kurang 1.8 juta pengundi Melayu belum mendaftarkan diri, di kalangan pengundi Cina 1.4 juta, di kalangan pengundi India 416,000. Akan tetapi satu perkara yang menimbulkan keraguan saya ialah di banyak negeri seperti di Selangor, di Penang, di Kedah dan di Johor beratus ribu pengundi yang belum mendaftar sebagai pengundi.

Akan tetapi di Sabah sangat meragukan bahawa ada pendaftar ataupun pengundi yang lebih daripada rekod yang ada dalam Jabatan Pendaftaran Negara. Saya memetik dalam jadual ini. Dalam rekod NRD iaitu Jabatan Pendaftaran Negara terdapat 115,349 orang keturunan Melayu di Sabah. Pengundi Melayu dalam rekod SPR

116,907 iaitu lebih. Pengundi lebih daripada rekod yang ada dalam Jabatan Pendaftaran Negara. Bagaimana ini boleh berlaku? Macam mana boleh berlaku? Apakah pengundi ini di *planted* dalam *row* SPR? Saya pohon diberikan penjelasan. Di kalangan pengundi India di negeri Terengganu mengikut Jabatan Pendaftaran Negara ada 1,141 rakyat Malaysia berketurunan India di Terengganu, tetapi dalam rekod SPR ada 1,600 pengundi berketurunan India di negeri Terengganu. Lebih daripada rekod dalam Jabatan Pendaftaran Negara. Jadi mengapa perkara ini boleh berlaku? Ini menambahkan lagi persepsi kita bahawa keraguan terhadap daftar pemilih SPR dan banyak keraguan yang telah dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Padang Terap dan Yang Berhormat Titiwangsa.

Jadi kita pohon jawapan mengapa ada perkara macam ini boleh berlaku? Rekod SPR lebih daripada rekod rakyat yang berada di negeri itu. Jadi kita harap pihak Menteri akan memberikan satu jawapan yang jelas kepada perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya akan panggil Yang Berhormat Sekijang, lepas itu Yang Berhormat Pokok Sena. Itu sahaja. Kemudian menteri akan menjawab.

2.45 ptg.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap sedikit sahaja Tuan Pengerusi iaitu saya ingin menyentuh tentang Maksud T.14 - Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran. Tuan Pengerusi, saya mohon daripada kementerian ataupun pihak kerajaan melihat balik tentang pesara-pesara daripada jabatan ataupun kementerian yang pada satu ketika dahulu kita swastakan dia. Contohnya daripada Lembaga Elektrik Negara, daripada Telekom, daripada Pos, daripada UDA dan sebagainya, yang mana mereka ini terutamanya pekerja-pekerja bawahan ini menerima pencennya adalah terlalu rendah Tuan Pengerusi, di mana mereka ini kalau pekerja rendahnya menerima sekitar RM100 ataupun lebih kurang daripada itu, dan ini saya rasa ianya terletak jauh daripada paras kemiskinan negara yang ada di dalam negara kita ini. Kalau miskin itu dikatakan RM720 maka mereka hanya menerima RM100 ataupun RM150. Yang ini saya rasa kalau dapat kita boleh perbetulkan balik ataupun kita bagilah kepada mereka ini seminumum, sebagaimana pada masa yang lalu pernah kita berikan kepada pesara-pesara yang lain yang mendapat pencen minimum iaitu di sekitar paras kemiskinan Tuan Pengerusi.

Jadi saya pohon supaya kita melihat balik dan kita berilah kepada mereka ini yang sewajarnya, kerana mereka ini juga adalah bekas pekerja-pekerja daripada

jabatan atau kementerian yang telah pun memberikan perkhidmatan mereka kepada jabatan ataupun kepada kerajaan, dan selepas itu mereka diswastakan bukan kerana kehendak mereka, kerana itu adalah hasil daripada dasar yang kita buat pada masa itu dan juga mereka berkhidmat dalam itu dan juga memberikan perkhidmatan kepada negara Tuan Pengerusi.

Dengan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih.

2.48 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di dalam terutama sekali B.4 - SPR. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan dalam satu kenyataan yang dibuat oleh SPR yang menarik balik status pemerhati pilihan raya terhadap Mafrel. Dia hanya dibuat bagi saya bahawa satu benda yang tidak wajar. Tindakan dan keputusan SPR itu dibuat selepas daripada kenyataan Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Selangor yang tidak berpuas hati terhadap kenyataan teguran yang dibuat oleh Mafrel terhadap beberapa tindakan yang dilakukan oleh pihak UMNO dan Barisan Nasional di Hulu Selangor. Jadi saya lihat bahawa perbuatan ini tidak membantu untuk membersihkan SPR itu. Akhirnya menjadikan orang melihat bahawa SPR menurut telunjuk UMNO dan Barisan Nasional dan ini dilihat bahawa seolah-olah berlaku satu konspirasi antara Barisan Nasional dan SPR khususnya dalam hendak menghadapi pilihan raya kecil di Hulu Selangor.

Kemudian B.6 berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri. Ada satu peruntukan yang disebut sebanyak RM10 juta untuk meningkatkan kualiti program terbitan JAKIM yang disalurkan kepada stesen TV yang sedia ada bagi menarik minat penonton terutama golongan muda.

■1450

Jadi saya ingin mendapat penjelasan, sebelum ini pihak kerajaan menguar-uarkan bahawa akan ada satu stesen TV yang dimiliki oleh JAKIM yang akan diuruskan oleh pihak JAKIM. Kemudian saya lihat bahawa wujudnya satu cadangan kerajaan untuk melancarkan TV yang dinamakan Al-Hijrah Media Corporation ataupun TV Al-Hijrah pada sambutan 1 Muharam tempoh hari tetapi tidak jadi. Kemudian pergi ke Sambutan Maulud Nabi pun tidak jadi. Jadi sehingga sekarang saya tidak tahu apakah status projek ini?

Pertama sekali dari segi kedudukan, sejauh mana penguasaan JAKIM ke atas stesen TV ini? Sama ada ia masih di bawah JAKIM ataupun menganggap adakah ia

merupakan sebuah GLC di bawah kerajaan? Saya difahamkan bahawa sekarang ini seolah-olah macam sudah ubah status dia menjadikan dia sebagai satu GLC iaitu Al-Hijrah Media Corporation ini. Kemudian saya juga ingin mendapat penjelasan berkaitan dengan kedudukan CEO kepada Al-Hijrah Corporation ini. Apakah dia dilantik oleh Menteri ataupun oleh *Board of Director* yang memilih beliau membuat cadangan untuk melantik beliau? Atau Menteri menggunakan kuasa tanpa merujuk kepada *Board of Director* yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor untuk melantik CEO?

Kemudian saya ingin dapatkan penjelasan, apakah Lembaga Pengarah ini dirujuk oleh CEO ini dalam hal-hal yang berkaitan dengan perolehan-perolehan dan perbelanjaan yang saya difahamkan bahawa kerajaan menyuntik lebih daripada RM50 juta dan di samping zakat yang diberikan oleh Bank Rakyat sebanyak RM500,000 kepada Al-Hijrah Corporation ini, TV Media Corporation ini? Jadi saya hendak tahu bahawa adakah segala tender untuk *procurement* dan pelbagai *equipment* yang lain yang hendak dibuat dalam TV ini dirujuk oleh CEO ini kepada *Board of Director* ataupun dia membuat keputusan sendiri tanpa merujuk kepada lembaga pengarah?

Kemudian saya juga ingin mendapat penjelasan apa kriteria untuk pemilihan CEO ini? Adakah kerana dia ini hebat, dia ada kebijaksanaan, pengalaman dan sebagainya? Kita hendak tahulah sejauh mana pengalaman dia waktu dia di Media Prima dahulu di dalam TV9? Apakah pengukuran sehingga dia boleh membantu melonjak ataupun memberikan penampilan yang hebat kepada TV Al-Hijrah Corporation ini ataupun TV Al-Hijrah ini?

Kemudian saya hendak tahu juga tentang peranan kedudukan penasihat kepada syarikat ataupun TV Al-Hijrah Corporation ini. Penasihatnya iaitu Timbalan Menteri, apakah masih lagi ada status beliau sebagai penasihat dan apakah nasihat-nasihat yang telah diberikan kepada lembaga pengarah ini dan juga kepada CEO? Saya ingin dapatkan penjelasan bagaimana – berkaitan dengan perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh syarikat ini, apakah ia telah diaudit dalam perbelanjaan ini? Saya hendak minta penjelasan secara *detail* apa yang telah dibelanjakan untuk duit RM50 juta ini dan di samping zakat yang diberikan oleh Bank Rakyat yang saya difahamkan.

Adakah syarikat ini diaudit dan kita hendak tahu apakah bentuk laporan audit? Jika tidak, saya rasa bahawa ia perlu dirujuk kepada SPRM untuk melihat apakah *detail* perbelanjaan-perbelanjaan. Ini kerana saya difahamkan bahawa Lembaga Pengarah tidak mengetahui langsung tentang proses perbelanjaan yang dibelanjakan oleh TV Al-Hijrah ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Machang tadi. Saya ingin juga mendapat penjelasan berkaitan dengan pelantikan kepada Syarikat *Global Strategic Communication* dalam projek *Global Strategic Communication Campaign* ini kepada FBC Media UK ini yang ditugaskan untuk antaranya ialah bagi membantu ataupun meningkatkan usaha untuk membanteras pengganas, untuk membersihkan imej Malaysia dan usaha untuk membantu Malaysia meningkatkan kempen membanteras pengganas ataupun *terrorism*?

Jadi saya ingin dapatkan penjelasan, apa keperluan kita mengambil syarikat daripada luar negeri yang tadi sudah sebut bahawa dia telah pun melantik APCO, menggunakan khidmat APCO yang mana syarikat APCO ini merupakan sebuah syarikat yang di dalamnya terdiri daripada beberapa orang bekas-bekas mereka yang menduduki pasukan keselamatan ataupun Agensi Keselamatan Israel (ISA) ataupun yang lebih dikenali sebagai Shin Bet iaitu seperti Doron Bergerbest-Eilon merupakan Ketua Keselamatan Shin Bet ini.

Shin Bet ini yang dikenali di Israel ini ialah satu pasukan yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dalam negeri Israel termasuk dalam menghadapi intifada Israel. Semasa intifada di al-Aqsa dahulu, Shin Bet ini memainkan peranan untuk mengenal pasti identiti dan lokasi pemimpin-pemimpin Palestin yang kemudiannya dijadikan mangsa pembunuhan oleh serangan udara tentera Israel. Ini syarikat yang kita ambil untuk menasihati. Mereka ini pengganas, kita ambil untuk menasihati kita macam mana hendak hadapi, hendak membanteras, kempen untuk membanteras pengganas.

Kemudian juga diakui oleh seorang wartawan Palestin, Mohammed Omer bahawa Shin Bet ini – Mohammed Omer mendakwa bahawa beliau ditahan oleh Shin Bet pada tahun 2008 dan dibogelkan, dibelasah oleh lapan pegawai Shin Bet yang bersenjata mengakibatkan beliau terpaksa dirawat di hospital. Mahkamah tertinggi Israel sendiri memutuskan bahawa kaedah soal siasat Shin Bet keterlaluan dan melanggar hak asasi manusia dan bersifat menyeksa.

Kemudian juga bahawa seorang lagi iaitu Naib Presiden APCO di Washington, Johnathon Winer dalam tahun 2003 telah memberi keterangan di Jawatankuasa Senat Amerika bahawa dia menuduh Gerakan Ikhwanul Muslimin serta beberapa badan kebajikan Islam sebagai pengganas dan berusaha untuk menghentikan segala aktiviti kewangan badan-badan tersebut.

Begitu juga dengan seorang lagi, Marc Ginsberg iaitu Ahli Lembaga Pengarah APCO dan bekas duta Amerika memanggil, menggelar tokoh Sayyid Qutb ini sebagai

musuh dan menyamakan Sayyid Qutb ini dengan Hitler. Jadi saya hairan bahawa macam mana kita boleh mengambil orang-orang ini untuk menjadi penasihat, memberi nasihat kepada kerajaan yang di dokong oleh UMNO? Kerajaan yang di dokong oleh UMNO dan Barisan Nasional yang menggunakan khidmat APCO ini.

Jadi sebab itu bagi saya bahawa penjelasan yang berterus terang daripada kerajaan harus diberikan. Saya harap bahawa tidak ada suatu yang harus dilindungi sebab bagi saya bahawa ini akan memberikan imej yang buruk. Saya mengharapkan bahawa kerajaan harus meminta maaf kepada Pertubuhan OIC dan meminta maaf kepada rakyat Palestin kalau ini merupakan satu kesilapan atas tindakan yang dibuat oleh mereka.

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya sila Yang Berhormat Pendang.

Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Maknanya di sini daripada apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Pokok Sena, kita mengambil pegganas untuk menasihatkan kita supaya mencari siapa pegganas. Kita tahu pegganas ini telah melabelkan umat Islam Palestin sebagai pegganas. Maknanya kita mengambil pegganas untuk melabelkan orang Islam sendiri sebagai pegganas. Apakah Yang Berhormat Pokok Sena bersetuju dengan andaian ini?

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Itu yang saya persoalkan tadi bahawa bagaimana kita boleh mengambil pegganas untuk memberikan nasihat kepada kita untuk melabel siapa pegganas. Sedangkan mereka sendiri melabelkan bahawa Ikhwanul Muslimin adalah pegganas dan menggelar Sayyid Qutb merupakan musuh dan menyamakan Syed Qutb seorang yang terkenal dengan Kitab Fi Zilalil Quran sebagai seorang musuh dan disamakannya dengan Hitler. Ini satu perbuatan yang tidak harus diberikan kemaafan oleh umat Islam.

Sebab itu ingin saya katakan bahawa peruntukan sebanyak RM28 juta ini, saya dan saya percaya rakan-rakan saya tidak akan halal dunia akhirat untuk diberikan. Dan kami akan menyatakan bahawa sekali lagi kami akan menolak bajet ini, kami tidak akan halal dunia akhirat walaupun satu sen untuk diberikan kepada orang yang memerangi rakyat Palestin ini. *[Tepuk]* Sekian terima kasih.

2.59 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi untuk mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam peringkat Jawatankuasa bagi Jabatan Perdana Menteri.

■1500

Saya pertamanya ingin menjawab Yang Berhormat Ipoh Timur dakwaan berkenaan dengan dua Ahli Parlimen Bebas yang telah pun dihantar untuk bersama-sama dengan rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat. Pertama, saya ingin menyatakan iaitu bahawa menghantar Ahli-ahli Parlimen untuk pergi bersama-sama dengan rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu adalah satu perkara yang lumrah yang sememangnya dilakukan setiap kali daripada dahulu supaya ada penyertaan daripada Dewan Rakyat dalam rombongan penting terutama pergi kepada negara-negara yang mana kita mahu merapatkan hubungan dengan negara berkenaan.

Berkenaan dengan dua Ahli Parlimen Bebas itu saya ingin menyatakan di sini bahawa ada dua perkara yang telah mempengaruhi saya untuk membuat keputusan yang sedemikian. Pertama, sudah tentulah iaitu setiap kali Dewan bersidang, dengan jumlah pembangkang yang ramai sekarang ini maka bagi kerajaan dan Barisan Nasional kita telah membuat keputusan iaitu bahawa tidak boleh diberikan percutian ataupun penyertaan dalam mana-mana *conference* di luar negara melainkan ia merupakan satu perkara yang penting. Keizinan tidak akan diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional untuk keluar negara waktu Parlimen sedang bersidang. Itu pertama.

Keduanya, apa yang kita lihat akhir-akhir ini amalan yang diamalkan oleh pihak pembangkang iaitu bahawa setiap kali ada pengundian hendak dibuat maka setiap kali juga digunakan permintaan untuk belah bagi. Maka ini memerlukan kepada Barisan Nasional untuk memastikan bahawa jumlah Ahli Parlimen Barisan Nasional tidak dikurangkan disabitkan kerana mereka akan keluar negara. Berdasarkan kepada perkara ini maka sebab itulah bagi pihak Barisan Nasional, kita tidak membenarkan mana-mana Ahli Parlimen Barisan Nasional untuk ke luar negara pada sesi Parlimen sedang bersidang. Itu pertama. Oleh sebab itu tidak ada Ahli Parlimen UMNO, MCA, MIC dan GERAKAN yang pergi. Bukan kerana *second, third, fourth class*. Itu pertama.

Keduanya, saya tidak memberikan nama Ahli-ahli Parlimen parti pembangkang untuk bersama-sama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam lawatannya kerana saya mengambil kira iaitu bahawa kalau saya tidak mahu mengurangkan jumlah Ahli

Parlimen Barisan Nasional saya juga mesti berlaku adil supaya jangan dituduh sengaja menghantar pembangkang pergi ke luar negara semata-mata untuk hendak mengurangkan jumlah mereka. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dengan izin, *don't do to others what you don't want others do to you. [Ketawa]*

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri boleh celah tidak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi oleh kerana itu *you can expect anything from the opposition* dengan izin. Kalau saya secara ikhlas seperti mana saya lakukan iaitu sewaktu saya menjadi Presiden IPU, kalau dahulu tidak pernah berlaku, saya menghantar Ahli-ahli Parlimen Pembangkang termasuk Yang Berhormat Ipoh Timur untuk pergi dalam Persidangan IPU. Itu amalan yang saya lakukan. Jadi sebenarnya untuk menghantar Ahli-ahli Parlimen bukan Barisan Nasional ke luar negara bukan satu perkara yang susah untuk saya. Memang saya telah pun lakukan pada masa-masa yang lepas. Akan tetapi dengan izin, *as I said you can expect anything from the opposition*. Kalau saya hantar...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sabarlah. Orang tua kena sabar. Duduk dahulu. Jadi kalau saya menghantar pembangkang ikut bersama saya akan dituduh sebagai melakukan sesuatu untuk mengurangkan jumlah mereka. Jadi saya tidak mahu pertuduhan itu dibuat terhadap diri saya. Maka yang paling mudah ialah saya hantar Bebas. Bebas dia tidak sokong kita Barisan Nasional, dia tidak sokong pembangkang. Biarlah dia pergi. Apa masalahnya? Sebenarnya tidak ada masalah dan saya kira menghantar Yang Berhormat Bayan Baru, dia merupakan ahli kokus terlibat dalam kokus Amerika dengan Malaysia. Kalau saya tidak boleh pergi, Yang Berhormat juga tidak boleh pergi, Yang Berhormat Wangsa Maju juga tidak boleh pergi, Yang Berhormat Pasir Salak tidak boleh pergi, Yang Berhormat Bayan Baru boleh pergi sebab dia ahli kokus dan dia pergi pun, *nobody will miss him*, dengan izin, saya percaya. *[Ketawa]*

Dan Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, kita hendak beri dia *cooling off period* lah. Kalau dalam Dewan akan berlaku perdebatan atau perbahasan mungkin terlalu hangat. Sebenarnya untuk menyelamatkan pembangkang saya hantar pergi ke Amerika itu. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya boleh mengakui bahawa sebagai Pengerusi IPU Malaysia Yang Berhormat Padang Rengas adalah adil mengenai pilihan perwakilan untuk menyertai persidangan-persidangan IPU di luar negeri. Itu saya mengakui dan saya puji itu. Akan tetapi dalam perkara ini sangat jelas Yang Berhormat Menteri adalah dengan izin, *a misguided sense of direction, of decision*. Sungguhpun kita semua di sini mengalu-alukan apa usaha untuk merapatkan hubungan Malaysia dengan *United States*, oleh kerana satu negara yang penting khasnya mengenai perdagangan dan ekonomi kita. Akan tetapi bukankah hujah-hujah bahawa sebab musabab kenapa memilih MP bebas, semua itu tidak masuk akal? Oleh kerana sebab-sebab yang diberi sangat *childish*. Satu sebab bahawa supaya tidak memilih Ahli-ahli Parlimen daripada pihak pembangkang supaya tidak dituduh untuk sabotaj bilangan Ahli-ahli Parlimen ini. Bukankah ini satu yang tidak masuk akal?

Keduanya, mengenai pelantikan wakil-wakil mewakili Parlimen Malaysia bukankah ini perlu dipilih selepas perundingan dengan pihak-pihak pembangkang mengenai siapa patut mewakili pembangkang? Oleh kerana tentulah kokus ini yang mewakili Parlimen Malaysia dan saya boleh katakan di sini bahawa kita di Pakatan Rakyat tidak tahu langsung mengenai ada kokus ini. Ini bukan menunjukkan bahawa ini bukan kokus Malaysia tetapi kokus Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mungkin "masuk *independent*" sungguhpun *independent* mereka adalah *status first class* dalam Parlimen ini boleh dipilih tetapi Ahli Parlimen Barisan Nasional semua *second class*. Bukankah ini sebenarnya memudaratkan tujuan mahu memulihkan semula kokus Malaysia *United States congressional* ini? Akhirnya siapa yang memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk memilih siapa mewakili Parlimen? Patutnya ini satu perundingan daripada satu *consensus, consultation* khasnya mengenai siapa akan mewakili Pakatan Rakyat.

Sebagai satu jawapan mengenai tidak mahu mengurangkan bilangan Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat supaya tidak pergi ke luar. Itu boleh *be paired*. Seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional, seorang Ahli Parlimen Pakatan Rakyat. Itu di *fair paired*, kita *reasonable*, kita sangat wajar, kita boleh diskus perkara seperti ini atas kepentingan Parlimen dan Malaysia.

■1510

Akan tetapi apa yang berlaku sekarang ialah oleh memilih Ahli-ahli Parlimen Bebas dan kita tahu kecenderungan mereka sungguhpun Bebas, bebas BN lah. Bukankah ini memberikan satu gambaran yang tidak baik untuk Perdana Menteri

apabila pergi Washington oleh kerana ada gabenor, senator-senator dan *representative-representative*, Ahli-ahli *Congressional US* dia bertindak sebagai Perdana Menteri untuk semua rakyat untuk semua Ahli Parlimen, tetapi satu bahagian sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertama saya tidak hairanlah kalau Yang Berhormat kata tak masuk akal, kerana terlalu kebal saya ingat, memang susah hendak masuklah. Penjelasan yang mudah pun tidak faham. Untuk Yang Berhormat mengatakan bahawa BN merasa *second class*, tanyalah dia orang. Adakah mereka merasakan mereka *second class* sebab mereka tidak pergi. Jangan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada, kita bukan diktator macam Yang Berhormat. Di sana tidak boleh cakap apa langsung. Sini kalau hendak dikatakan mereka rasa mereka *second class*, bukan Yang Berhormat yang bagi tahu *second class*, tanya mereka. Kalau mereka langsung tidak merasa tersinggung kerana tidak dihantar...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak mengakui.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Janganlah memikir bagi pihak mereka. Kita tahu dalam DAP sebenarnya apa Yang Berhormat hendak sahaja yang berlaku. Jadi jangan anggap Barisan Nasional ini macam DAP, tidak boleh macam itu, itu pertamalah.

Kedua saya hendak beritahu, soal pergi ke Amerika, saya pergi pada bulan dua. Jadi kita merancang untuk pergi ke Amerika pada bulan 11 tahun lepas. Saya sudah panggil, kita sudah ada pemilihan, saya jadi presiden IPU dan pada ketika itu yang dipilih menjadi mewakili pembangkang, saya bagi semua dalam IPU, kita rancang jangan kita ada pemilihan, tidak dirancang. Ini kerana kalau kita da pemilihan tidak dirancang, apa yang akan berlaku yang akan dipilih menjadi ahli IPU itu ialah semua BN.

Ini keran kita ada *numbers*. Saya tidak mahu perkara itu berlaku. Oleh sebab itu kita rancang daripada awal kita rancang, okey DAP siapa, PKR siapa, PAS siapa. Ini amalan yang saya lakukan. Pada kita rancang pada bulan 11 ke Amerika Syarikat pada ketika itu, Yang Berhormat Bayan Baru, dia masih lagi PKR. Dia adalah calon PKR untuk duduk dalam IPU. Begitu juga Yang Berhormat Wangsa Maju wakil PKR yang duduk dalam CPA.

Jadi waktu saya hendak pergi ke Amerika tidak salahlah saya mengambil orang yang sudah jadi wakil daripada PKR dalam IPU dan CPA. Saya tidak ambil PAS, DAP ini parti lama kerana ramai di kalangan mereka telah pun hantar ke luar negara. Jadi sebab itu saya pilih Yang Berhormat Bayan Baru yang wakil PKR di dalam IPU. Yang Berhormat Wangsa Maju wakil PKR dalam CPA. Jadi selepas itu kedua Ahli Parlimen ini sudah bergaduh dengan dia punya PKR bukan salah saya. Itu salah sana. Jadi, jangan persalahkan kepada saya.

Kalau Yang Berhormat bertanya kepada saya mana kuasa saya, saya Menteri Yang Berhormat jaga Parlimen. Itulah kuasa saya. Okey. Yang Berhormat Ipoh Timur tidak berkuasa...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Parlimen bagi kerajaan, bukan bagi pihak Pakatan Rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, betul.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You are explaining inexplicable the unexplainable.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Yang Berhormat yang hendak menghantar pergi ke Amerika ialah kerajaan bukan pembangkang. Jadi, ikut suka hati sayalah siapa hendak hantar sebab kerajaan yang hantar. *[Tepuk]* Mengapa saya hendak tanya pembangkang pula, yang hantar ini kerajaan, bukan pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu wang rakyat, wang Parlimen dan patutlah diputuskan semua dalam Parlimen termasuklah Pakatan Rakyat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Banyak perkara...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Atau itu wang daripada Barisan Nasional? Bolehkah wang kokus Barisan Nasional, UMNO Barisan Nasional, BN UMNO.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau ita hendak runding dengan Parlimen, dalam apa hal sekalipun keputusan diambil mengikut majoriti. Saya sudah faham sudah, iaitu kalau saya cadang sudah tentu terima sama ada dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Kalau kerajaan bagi nama, sudah tentu mesti lulus punya. Jadi buat apa buat kerja dua kali. Jadi Yang Berhormat tidak payahlah hendak melontarkan tuduhan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point unjustified.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah, sudah, sudah. Bukan *unjustified*. Ini keputusan Parlimen dan banyak daripada keputusan-keputusan Parlimen ini kita buat berdasarkan kepada cadangan daripada pihak kerajaan. Sampai 5.30 petang hendak *extend* 7.30 malam Yang Berhormat pun faham, kita yang cadang. Bukan saya runding dengan Pembangkang pun. Kita banyak kerja. Jadi kita tidak payah buat kerja dua tiga kalilah. Yang Berhormat, saya rasa tidak payahlah saya layan lagi dalam hal ini. Saya telah jawab.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Upah lompat, upah lompat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau Yang Berhormat tidak boleh terima, itu bukan masalah saya. *I think your head is too thick* kadang-kadang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [*Ketawa*] Relaks Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak apa Yang Berhormat, bawa lah mereka Yang Berhormat pergi upah lompat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah, lain kali kalau Yang Berhormat hendak pergi, bagi tahulah saya. Boleh, tidak ada masalah.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Upah lompat, upah lompat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kemudian BTN. Yang Berhormat bangkit, apakah ini kandungan kursus yang diberikan apakah - jadi kita sudah bagi tahu bermula dengan pentadbiran yang baru oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita masuk elemen 1Malaysia dan orang kata dia bukan *nationalism*. Apa Yang Berhormat cadang perkataan itu? *Patriotism*. Kita masukkan *patriotism*. Jadi kalau ada apa-apa yang....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 1Malaysia, adakah 1Malaysia mengajarkan *inculcate* semangat mereka *Malaysian first* dan kaum kedua atau tidak. Bagaimana BTN buat begitu apabila Timbalan Perdana Menteri kata Melayu pertama dan Malaysia kedua dan semua Menteri pun takut kata begitu. Yang Berhormat tidak berani kata Malaysia pertama dan Melayu kedua. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat Presiden MCA kata dia orang Malaysia pertama dan *Chinese* kedua. Sungguhpun dia hilang kerusi Presiden MCA.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Benda ini kita boleh bahas sampai lembu balik ke rumahlah, *until the cows come home*. Pepatah orang Putih. Jadi banyak perkara Yang Berhormat. Satu perkara saya hendak sentuh. Soal *ethnicity* ini bukan pilihan kita. Yang Berhormat jadi Cina bukan pilihan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak kata lembu semua.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Biarlah saya jawab dahulu, duduklah,

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You don't twist, don't twist*. Saya tidak kata hilang atau lupa *ethnicity*. Kita bangga mengenai *ethnicity* tetapi kita *Malaysian first...*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, ikut peraturan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Malays, Ibans, Kadazans *second*. Tidak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bangga, kalau Yang Berhormat bangga sebagai seorang Cina, itu tidak bermakna Yang Berhormat tidak bangga sebagai orang Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebab itu kita *Malaysian first, Chinese second* ada saya kata *Malaysian first Malay second* ada relakah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia *ethnicity* bukan pilihan kita. Kita dilahirkan di dunia ini bukan atas keputusan kita, *ethnicity* kita. Akan tetapi kita punya *nationality*, itu atas pilihan kita. Hari ini Yang Berhormat ke mana sekalipun *you* tetap *Chinese*. Jadi bermakna *but not necessary Malaysian*. Hari ini *you Malaysian*, dengan izin *one day you decide to be an American then you a Chinese American*. Jadi sebab itu *nationality* ini boleh ubah. Jadi tidak boleh hilang kita *ethnicity* kita. Akan tetapi yang boleh hilang itu *nationality*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi sebab itu tidaklah kita boleh hendak marah pada orang kalau dia rasa dia Melayu, dia Cina, dia Punjabi. *[Ketawa]* Betul Punjabi ya, orang banyak sedap ingat Benggali, bukan Benggali, Punjabi. *So*, jangan kerana kita merasakan kita Cina, kita Melayu, kita Punjabi, kita India, maka kita bukan *Malaysian*. Tidak bolehlah begitu, kerana *ethnicity* bukan pilihan kita. Ya, Yang Berhormat Puchong.

■1520

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri bercakap berkenaan dengan *nationality*, bercakap berkenaan dengan *ethnicity*. Saya hendak tanya, soalan ini berbangkit berkali-kali Yang Berhormat. Akan tetapi kita masih melihat bagaimana khususnya Ahli-ahli Parlimen daripada UMNO dengan senang *easily insult* - menghina khususnya orang India dan orang Cina. *You do not have to go far.*

Yang Berhormat Menteri, semalam Ahli Parlimen Tanjong Karang laporkan dalam semua media hari ini bahawa kita semua ini patut berterima kasih kerana kita dapat kewarganegaraan. *You are still talking about that, insulting the Indians and the Chinese. 50 years UMNO - you have depended on the watch of the Indians and Chinese until today* - sehingga hari ini masih menghina kaum India.

We do not stop there - BTN. Bagaimana dengan kes Datuk Nasir Safar? Apa dia katakan, orang Cina datang ke Malaysia sebagai apa? *You* tidak tahu Yang Berhormat Menteri? *You tell me, what did he say?* Datang sebagai pelacur! Hendak jual badan. Orang India datang sebagai pengemis. Yang Berhormat Menteri, ini bukan tempat hendak main-main. *You* datang sini *you* bagi retorik. *All these songs and dances which is absolute rubbish if you ask me.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tunggu sebentar Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya hormati pendapat Yang Berhormat tetapi kita dalam peringkat Jawatankuasa. Perkara-perkara yang dasar kerajaan tidak boleh dibawa - *just want to remind you.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, kalau seorang Menteri khususnya Menteri jantan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *you do not have to say that...*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Gelaran ini dia yang bagi, bukan saya. Dia cakap dia jantan, saya tidak tahu dia jantan atau pondan atau apa. Itu dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak dengar cakap sayalah Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *You are brushing aside* Yang Berhormat...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *What have you all done for Indians in 50 years? Apart from marginalised us and insult us?* Yang Berhormat Menteri, sila jawab soalan bila datang ke Dewan yang mulia ini. Kita mesti berterus terang, kalau hendak cakap, cakap yang betul!

This is why soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur cukup penting. *1Malaysia* apa ini? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap tentang *1Malaysia* but at the same time you people from UMNO insult, 'B' rate, marginalised the Indians and the Chinese. Yang Berhormat Menteri, tolong jelaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *1Malaysia* mana ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, pertama saya hendak perbetullah, kalau kata saya jantan sudah tentu bukan pondanlah saya ini. *[Ketawa]* Jantan tetap jantan. Kemudian saya hendak sebut berkenaan dengan Yang Berhormat Tanjong Karang memetik ucapan yang dibuat oleh mendiang Tun Tan Siew Sin dan juga ucapan daripada mendiang Tun Sambanthan. Dia memetik ucapan, bukan dia yang mengatakan - itu yang pertama. Keduanya Yang Berhormat, berkenaan dengan - apa satu lagi tadi?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Datuk Nasir Safar dahulu. Yang penting itu senang kamu lupa Yang Berhormat Menteri - yang penting itu kita hendak tahu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah tengok dalam akta-akta semua, tidak ada hukuman gantung atau jel boleh dikenakan kepada Datuk Nasir Safar kalau sekiranya dia telah melakukan perkara itu. Kita telah mengambil tindakan yang tepat, dia harus berhenti. Itu yang telah dia lakukan. Kalau Yang Berhormat fikirkan Datuk Nasir Safar harus dihukum gantung sampai mati, kita boleh pinda undang-undang, masukkan *then dictate* sudah tentu kita akan hukum dia mati kalau mahkamah dapati dia bersalah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya tidak minta itu, saya tidak minta dia dihukum gantung sampai mati.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, minta jalan Yang Berhormat...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya hendak minta apa pandangan Yang Berhormat Menteri....

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ada peraturan mesyuarat Yang Berhormat...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Jangan putar belit. Itu *speciality* Yang Berhormat Menteri. *Answer my question, do not run around...*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak putar belit. *What do you want us to do?*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Do not run around, please...*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *What do you want us to do?* Dia telah diberhentikan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *What do I want you to do? You are asking me what we want you to do? Take action!*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terhadap Datuk Nasir Safar.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ambil tindakan! Saya hendak tahu kenapa sampai sekarang tidak ada sebarang tindakan diambil. *You answer me! You are Menteri di Jabatan Perdana Menteri bukan? [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia telah diberhentikan kerja.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Berhenti kerja tidak cukup. Apa yang dia buat itu menghina orang India dan orang Cina dan saya hendak tindakan. Kenapa tindakan tidak diambil?

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Menyampuk]* Dia letak jawatanlah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Answer the simple question,* Yang Berhormat menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia telah dibuang kerja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh berdebat begini Yang Berhormat. Saya minta maaf Yang Berhormat Puchong, ikut peraturan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kita tengah tanya soalan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tanya soalan ikut peraturan. Yang Berhormat kena minta jalan itu sahaja. Susahkan hendak ikut peraturan?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri kalau hendak jawab, jawab soalan betul-betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Susahkan hendak ikut peraturan mesyuarat Yang Berhormat?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, dia hendak jawab kenapa Tuan Pengerusi hendak masuk campur? *Please answer the question.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya minta maaf Yang Berhormat. Jangan *brush aside* Speaker. Saya duduk di sini sebagai Pengerusi Mesyuarat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya faham dan saya hormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya patuh kepada peraturan mesyuarat. *I am reminding the standing order, that's all. Do not brush me aside...*

Seorang Ahli: Gengster, gengster...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. Jangan perkecilkan Pengerusi Mesyuarat...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya tidak memperkecilkan, saya hormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *I am reminding of the standing order.*

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pasir Salak gengster.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *You don't have to point me like that.* Tidak boleh, tidak perlulah Yang Berhormat tunjuk sama saya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Itu cara saya bercakap. Saya di sini menyatakan Yang Berhormat Menteri sedia hendak jawab.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kurang ajar!

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi kalau boleh bagi dia peluang jawab, kita hendak dengar jawapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya kalau buat begitu, semua orang buat macam itu Yang Berhormat. Sebab itu *I am reminding you* - saya kata kena minta jalan, *that's all*. Susah sangatkah hendak ikut peraturan mesyuarat?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Silakan bagi dia jawab, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat jangan silap. Saya sudah beritahu iaitu bahawa oleh sebab dia dengan izin, di *employ* oleh Perdana Menteri. Apabila dia telah mengeluarkan kenyataan demikian, kita mengambil maklum itu satu perkara yang tidak boleh dilakukan oleh beliau dan dalam *employment* nya paling kuat pun kita boleh buat ialah kita buang dia kerja.

Apa lagi yang boleh kita lakukan? Itu maksud saya. Lainlah kalau Yang Berhormat ada idea yang baru yang boleh kita cadangkan, apa yang kita boleh lakukan sebagai *employment* dia? Kita *employer* dia.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Mohon penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, nanti. Tidak perlulah PAS hendak sibuk.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak, saya hendak tanya kenyataan Yang Berhormat Menteri mengelirukan Dewan. Kami difahamkan di dalam akhbar, Datuk Nasir Safar dia meletakkan jawatan - dia bukan dipecat, bukan dibuang. Ini kenyataan yang mengelirukan kami.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak mengapa, nanti saya...Duduk dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu Yang Berhormat, duduk dahulu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita ini Malaysia, cara kita ada kelembutan. Dia itu bila dia disuruh letak jawatan, faham-faham sahajalah. Kalau dia sudah membuat kesilapan - kita orang timur, kita tidak mahu kata, "*I sack you.*" Kita fahamkan dia - kalau dia tidak berhenti, kalau *you* tidak letak jawatan, kita akan buang *you*. Selalunya begitu yang kita lakukan, ini cara kita. Saya tidak tahulah mungkin Yang Berhormat Pokok Sena datang dari Siam atau mana, saya tidak tahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Akan tetapi kalau Malaysia sama ada Melayu, Cina atau India, kita ada kelembutan kita. Jadi tidak perlulah kita hendak menunjuk marah kita, kita *sack* dia. Fahamlah iaitu kalau dia tidak meletakkan jawatan, sudah tentu dia akan diberhentikan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta penjelasan, boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak perlulah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan mengenai...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat Yang Berhormat Puchong pun anak jantan, dia tidak perlu bantuan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan untuk bantuan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak beri kepada Yang Berhormat Puchong. Okey, teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, apabila Yang Berhormat Menteri yang diberikan portfolio untuk undang-undang tanya kepada saya sebagai wakil rakyat, apa tindakan yang patut diambil dalam keadaan sedemikian? Saya

rasa itu menunjukkan memang kamu tidak layak menjadi Menteri yang memegang jawatan di mana kes-kes macam ini dalam portfolio kamulah. *[Dewan riuh]*

Bukankah apa yang dia katakan itu satu perkara yang menghina? Bukan sahaja menghina - *how would you feel if somebody said that your mother was a prostitute? Or came to this country as a prostitute? You know, these are the issues* Yang Berhormat Menteri. Kalau sesiapa menyatakan sedemikian berkenaan orang Melayu, saya - *I will stand up and defend him, I will.* Akan tetapi saya lihat... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sudahlah!

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *No, no.* Sungguh, sungguh...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat yang lain, diam Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Diam apa, jangan bagi muka ini! Diam, diam.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sudahlah, sudahlah. Itulah hendak lawan di luar Dewan, hendak lawan di dalam Dewan. Apa ini?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Apa, Apa!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, diam Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...Kita teruskan, ya. Saya tanya soalan yang cukup terang. Kenapa Yang Berhormat tidak sebagai seorang Menteri *which is responsible for his portfolio, why aren't you able to say?*

■1530

Kenapa sampai sekarang tidak ada tindakan undang-undang. Tadi bercakap berkenaan dengan undang-undang gantung. *That's not the point.* Yang kita hendak tahu, kerajaan kata kerajaan 1Malaysia. Apabila tindakan sedemikian, *statement* sedemikian dikeluarkan bukan oleh sesiapa tetapi orang daripada dalam Jabatan Perdana Menteri. Takkan Yang Berhormat Menteri tidak tahu jawapan dia. Kenapa tindakan tidak diambil - Akta Hasutan?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *This is what we want to know.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat tidak boleh tanya pada sayalah. Macam mana perasaan saya kalau dituduh

mak dia pelacur atau apakah. Saya ingat yang boleh tanya bagaimana perasaan, kena tanya pada Perdana Menteri apabila Yang Berhormat kata dia pembunuh hari itu...

[Dewan riuh]

Jadi, Perdana Menteri sahaja yang boleh menjawab. Jangan tanya pada saya, saya tidak tahu. Jadi, apa yang saya hendak kata, Yang Berhormat, betul saya Menteri Undang-undang. Tidak boleh dinafikan dan saya bertanggungjawab kepada undang-undang. Yang Berhormat tidak terfikir-kah kalau saya sendiri membuat laporan kepada polis dan mengatakan iaitu bahawa tindakan yang saya sendiri turun, buat laporan kepada polis, *report* Nasir Safar, *I am the law*. Tidak ada harapanlah Nasir Safar ini. Saya tidak boleh buat itu melainkan *members of the public* untuk membuat demikian.

Yang Berhormat pun peguam. Kalau tidak setuju hendak dakwa orang buat Akta Hasutan, *report* kepada polis. Biar polis buka IP - *investigation paper*. Kemudian, sah dia telah menyatakan sesuatu yang menghasut, serah kepada *AG Chambers* untuk membuat keputusan sama ada hendak dakwa atau tidak mahu dakwa. Kalau saya buat sudah tentu dia masuk ke dalam sebab saya yang menjaga undang-undang.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh saya jelaskan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak buat, buatlah apa-apa yang patut.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat, laporan telah pun dibuat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jangan tanya pada saya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Laporan telah pun dibuat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Baik, laporan telah pun dibuat. Kalau tidak ada tindakan, Yang Berhormat tanya kepada polis. Bukan tanya kepada saya.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kenapa kamu jadi Menteri Undang-undang?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.... *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak boleh...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kamu datang sini, cakap tidak boleh tanya kamu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak boleh buat keputusan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Isu yang serius macam ini tidak boleh jawab... [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak boleh buat keputusan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini isu penting. Orang India dalam Kabinet juga, belakang saya tengok! Ada juga!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, jahat Yang Berhormat Puchong ini daripada menggunakan perkataan-perkataan yang begitu kasar.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Jawablah soalan. Kita semua hendak tahu. Kaum Cina juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Puchong tidak boleh *address* Yang Berhormat Menteri "kamu", Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa, tidak apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya pun panggil Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya minta maaf.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lebih-lebih lagi seorang Menteri. Jangan hendak tunjuk *act*, garang tidak tentu pasal.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak apa, kita jangan lari daripada isu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan hendak tunjuk samseng lah. "Kamu, kamu!"

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang kita tanya cukup senang. Kalau kata tidak ada laporan polis, maknanya Yang Berhormat tidak ambil perkara ini dengan serius sampai tidak tahu bahawa ada laporan polis yang telah dibuat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu bukan ...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sampai tidak tahu, sampai sekarang tidak ada tindakan di atas laporan polis tersebut.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya ingat jangan marah sebab dia dengan bapa dia bahasa memang teruk. Jadi, kita jangan ambil hati. Memang Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia dia memang teruk. Jadi, sebab itu keluar perkataan-perkataan yang mungkin nampak kasar tetapi saya faham dia. Tidak ada masalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, boleh penjelasan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah dulu. Berilah jawab Yang Berhormat Puchong dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tadi jawapan, jawapan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak jawab Yang Berhormat Puchong dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Belum habis, belum habis?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Belum.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Tuan Pengerusi, minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Biar saya jawab dahulu. Nanti dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You* panggil saya berdiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak jawab, hendak jawab Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, saya tidak kasi berdiri, saya tidak kasi berdiri.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Jawab, jawab soalan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak jawab Yang Berhormat Puchong dahulu.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Jawab, jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak jawab dahulu.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa, biar, biar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, tidak apa.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Tuan Pengerusi, *point of order*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:Peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berapa?

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Peraturan Mesyuarat 36(4).
“Adalah menjadi kesalahan bagi ahli di Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan atau biadab.”... [*Dewan riu*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Dalam budaya Melayu, bahasa "kamu" dalam Dewan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain diam Yang Berhormat. Yang lain diam.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: ...Adalah kasar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang lain diam Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Besar saya menerima peraturan mesyuarat Yang Berhormat dan saya telah menegur Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong sudah minta maaf tadi... [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, dia begini Tuan Pengerusi. Laporan mesti dibuat kepada pihak polis. Polis ini bukan bawah saya. Kalau saya mengarah, jelas nampaknya saya masuk dalam portfolio seorang menteri yang lain. Pertama, campur tangan.

Kedua, kita menjaga undang-undang. Akhirnya apabila AG buat keputusan, AG ini maknanya di bawah saya punya jagaan akan nampak campur tangan, mengarah AG *Chambers* untuk mengambil keputusan. Saya tidak boleh buat benda itu. AG ini di bawah Perlembagaan ialah bebas, *must be seen also*. Jadi, kalau saya boleh buat ini semua bermakna saya campur dalam urusanlah. Sebab itu Yang Berhormat saya tidak boleh campur semua urusan ini. Kalau polis punya siasatan, tanya kepada polis.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat, saya tidak minta Yang Berhormat supaya arahkan siapa-siapa dipertuduh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Habis itu, suruh buat apa?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya tanya Yang Berhormat beri penjelasan kenapa sampai sekarang tidak ada tindakan? Itu soalan saya. Kalau tidak tahu, cakap tidak tahu. Kenapa hendak putar belit?... [*Tepuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak putar belit.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *It's nothing to do with AG.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang saya jawab itu, saya tidak tahu lah sebab ini polis bawa.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Cakap lah tidak tahu. Sudah lah cerita.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita tidak boleh kata tidak tahu. Kena beri sebab mengapa kita tidak tahu.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Buang masa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang buang masa, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...Portfolio...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan portfolio saya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Isu yang sangat serius.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan portfolio saya. Polis ialah portfolio ...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dalam Negeri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Menteri Dalam Negeri - Yang Berhormat Sembrong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Bukan polis, ini kes.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya faham.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Berkenaan dengan kehakiman. Kes, kes! Lain-lain *report* Yang Berhormat boleh jawab... [*Dewan riuh*] Isu berkenaan dengan VK Lingam Yang Berhormat boleh jawab. Ini Yang Berhormat tidak boleh jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: VK Lingam telah diwujudkan panel untuk menyiasat. Bolehlah saya jawab, benda itu telah berlaku. Yang ini belum sampai kepada portfolio saya. Saya hendak jawab macam mana. Nanti Yang Berhormat Sembrong datang, tanya pada dia.

Bila sudah sampai kepada *AG Chambers*, mungkin lepas ini saya tanya kepada *AG Chambers* apakah kedudukannya barulah saya boleh jawab. Kalau saya jawab terus, maknanya mereka belum buat keputusan, saya sudah tahu. Itu maknanya saya mencampuri urusan AG. Tidak bolehlah begitu. Okey, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, ya. Terima kasih. Habis ya?. Yang Berhormat Menteri tadi ada cuba untuk mempertahankan ucapan Yang Berhormat Tanjong Karang semalam. Ini merupakan sama dengan apa Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada kata selepas pilihan raya kecil di Bukit Gantang berkata bahawa pengundi-pengundi orang Cina tidak mengenang budi, *ungrateful* sungguhpun ada berbagai-bagai pemberian dalam pilihan raya kecil.

Dalam perkara ini bolehkah MCA atau MIC berkata pemimpin-pemimpin UMNO patut mengenang budi mengenai sumbangan kaum India, kaum Cina terhadap negara kita oleh kerana hari ini negara kita boleh mencapai apa-apa pembangunan, kemajuan, ekonomi. *Contribution* orang Cina, orang India tidak boleh diketepikan. Mereka pun ada

buat *contribution*. Kalau tidak ada *contribution* mereka, Malaysia pun tidak ada pada tahap hari ini. Bolehkah mereka berkata begitu bahawa pemimpin-pemimpin UMNO sepatutnya mengenang budi mengenai *contribution* orang Tionghoa, orang India kepada negara ini?... [*Dewan riuh*]

Bukankah ini sesuatu yang tidak hormat, tidak selaras dengan 1Malaysia? Adakah BTN akan diberitahu, bolehlah menyampaikan mesej 1Malaysia dan menggalakkan semua, khasnya ada BTN *courses* untuk menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen supaya menganggap mereka *Malaysian first*, kaum kedua.

Kita tidak kata bahawa hilang, lupa atau tidak bangga mengenai *nationality*. Saya anak *Chinese* tetapi *I'm a Malaysian first, and a Chinese second. I'm proud to be a Chinese I will continue to be a Chinese but I continue to be a Malaysian first*. Mungkin betul, saya bersetuju *nationality* boleh tukar. Seorang boleh menjadi *American, Australian* kalau dipaksa keluar negara ini oleh kerana dasar-dasar yang tidak adil. Akan tetapi, tujuan 1Malaysia ialah dalam masyarakat berbilang kaum, memupuk semua, menganggap sendiri *Malaysian first* dan kaum kedua. Adakah ini akan menjadi satu tugas kepada BTN? Mungkin perlu tukar kerajaan dahululah.

Seorang Ahli: Ha, tukar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tukar kerajaan dahulu. Adakah serius sehingga pemimpin-pemimpin, Menteri-menteri Gerakan, MCA, MIC pun tidak berani berkata begitu. Kenapa hilang - Yang Berhormat Ampang apabila hilang - kalah baru berani kata, kenapa begitu? Bukankah ini menunjukkan bahawa BTN belum diletak atas *the right tracks*.

■1540

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya rasa kita sudah bercakap benda ini sudah banyak kali sudah, ya. Jadi soal sama ada - saya hendak kata yang Kuala Selangor itu, dia mengambil petikan daripada ucapan kedua-dua mendiang. Petikan. Saya setuju dengan Yang Berhormat iaitu bahawa negara ini maju bukan kerana Melayu seorang. Kerana sumbangan yang telah diberikan oleh semua etnik yang ada dalam negara kita. Sebab itu awal-awal lagi kita sudah ada UMNO, MCA, MIC. Tidak mungkin kita memerintah negara ini Melayu seorang sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bolehkah – minta maaf...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hanya 50 tahun kemudian...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Bagi pihak Yang Berhormat Tanjong Karang. *Will you apologize on behalf of Yang Berhormat Tanjong Karang* oleh kerana ucapan dia semalam, *will you apologize?*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ucapan apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Inilah yang kebudak-budakan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Ipoh Timur, duduklah dulu! Biadap!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Inilah yang kebudak-budakan, ya. Itu kalau Yang Berhormat ada isu dengan Yang Berhormat Kuala Selangor, tanya Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Tanjong Karang! Bodoh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Tanjong Karang. Minta maaf, Yang Berhormat Tanjong Karang. Tanya Yang Berhormat Tanjong Karang. Namun saya hanya boleh menyatakan kedua-dua itu adalah petikan daripada ucapan kedua-dua mendiang Tun Tan dan juga Tun Sambanthan, okey itu? Namun saya hendak sebut, kita daripada awal lagi mengambil keputusan negara ini tidak boleh diperintah oleh satu kaum. Sebab itu kita ada MCA dan MIC daripada awal lagi. Hanya 50 tahun kemudian sahaja Yang Berhormat Pokok Sena baru sedar. Eh, mana Yang Berhormat Pokok Sena?... *[Ketawa]* Parti dia. Saya tidak berbangkit, tidak berbangkit...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi dalam soal BTN ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Point of order*, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Point of Order 36*, Yang Berhormat Menteri kalau boleh. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *Point of Order 36* berapa, Yang Berhormat?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Point of Order 36(12)*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: 12?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, dengan izin Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *What's the issue, ya?*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, kalau boleh saya. Tadi apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri – Yang Berhormat Menteri minta maaf, adalah bahawa beliau tidak tahu berkenaan dengan kes itu kerana masih dalam siasatan polis. Bila sampai ke DPP mungkin dia akan dapat tahu. Yang Berhormat Menteri, itu tidak betul. Saya buat rujukan kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri bertarikh 7 April.

Soalan kalau boleh saya baca. Soalan sebegini. *“Minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mendakwa bekas pembantunya, Datuk Nasir Safar atas Akta Hasutan atas pernyataannya yang bersifat ras di Seminar Rapat 1Malaysia di Melaka”.*

Jawapan, kalau boleh Tuan Pengerusi. *“Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak polis telah pun selesai menjalankan siasatan ke atas kes ini dan kertas siasatan telah dikemukakan kepada DPP untuk tindakan”.*

So, jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...Memang memesongkan Dewan ini. Saya boleh tunjukkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya berpendapat berbeza dengan Yang Berhormat. Yang jawapan itu daripada Kementerian Dalam Negeri dan *sincerely* Yang Berhormat Menteri kata dia tidak tahu. Apa lagi yang dipesongkan, Yang Berhormat?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Bukan Tuan Pengerusi. Tadi dia kata...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Itu daripada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Dia kata saya patut tanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, Yang Berhormat. Sebentar, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Itu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa kertas siasatan telah pun dihantar kepada DPP. Kemudian, Yang Berhormat Menteri kata dia tidak tahu. Apa yang memusingkan Dewan? Apa yang mengelirukan Dewan, Yang Berhormat?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak nampak sekali. Sebab itu saya katakan...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Baik, izinkan saya jelaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebab itu saya ingin katakan, Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat 36(12) *does not apply to the minister in this point.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Izinkan saya jelaskan kalau boleh. Tadi kalau tidak silap Yang Berhormat Menteri ya. *I stand corrected.* Yang Berhormat Menteri mengatakan, “*Saya patut menghalakan soalan ini kepada Yang Berhormat Sembrong kerana kes ini di bawah polis*”. Kalau kes ini di bawa ke *AG’s Chambers*, maka baru dalam keadaan itu Yang Berhormat Menteri akan tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya baca di sini jawapan yang menunjukkan bahawa sebenarnya kes ini telah pun dirujuk kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Dia *apply* bahawa Yang Berhormat Menteri tidak tahu bahawa benda itu sudah pun dalam *AG’s Chambers*. *What is wrong with that? So, perkara ini...*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Dalam keadaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: ...Kecillah, Yang Berhormat. Tidak payahlah Peraturan Mesyuarat 36(12). Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu Yang Berhormat, itu jelas menunjukkan iaitu bahawa Pejabat Peguam Negara ini dia bebas. Saya tidak akan tahu maklumat kalau dia tidak maklumkan kepada saya. Hanya kalau perkara itu dibangkitkan dalam Dewan, baru saya boleh tanya kepada mereka. Jadi sebab itu, mereka bebas. *They do not have to refer to me if they want to prosecute.* Jadi, harap Yang Berhormat faham tentang kebebasan hak mereka, Pejabat Peguam Negara untuk *prosecute* tanpa memaklumkan kepada pihak eksekutif. Sebab itu saya tidak tahu. *That is clear. I do not know because they don't have to inform me, okay but, if you want to know, now as a question...*, dengan izin, sebagai soalan, saya boleh tanya sekarang...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Kalau sudah ada dengan mereka, ada Ahli Parlimen Puchong hendak tahu apakah sekarang situasi. Itu pun kalau dia

mahu beritahu kepada saya. Kalau dia kata dia tidak mahu beritahu, saya tidak boleh buat apa.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, soalan ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi, Yang Berhormat? Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...Saya telah pun bangkitkan kepada, dan tujukan kepada Yang Berhormat Menteri minggu lalu. *I'm surprise* Yang Berhormat Menteri tidak tahu bahawa sebenarnya tetapi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya tidak tahu.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *...If Yang Berhormat Menteri wants time to ask, go ahead.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *No problem.* Kalau ini telah ditanya, sudah tentu saya rasa saya bertanggungjawab kepada Parlimen. Saya bertanggungjawab kepada Parlimen. Jadi kalau sudah ditanya, saya akan tanya kepada mereka dan minta maklumat daripada mereka. Tiada masalah. Yang Berhormat Beruas.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Memandangkan Yang Berhormat Menteri menyatakan melalui beliau kami boleh tahu kedudukan sesuatu kes, sampai hari ini di negeri Perak kami sudah buat banyak laporan terhadap polis berkenaan dengan kes 3 Mac di mana polis menghalang ADUN-ADUN daripada memasuki Dewan sungguhpun telah diarahkan oleh Speaker. Jadi lagi ada laporan polis terhadap polis kerana dengan mengasari V.Sivakumar, Speaker DUN.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ini tidak berkaitanlah Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kita dalam Jawatankuasa, ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi sekarang ini saya minta kerana tidak ada lain cara.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kita mahu tahu keadaan kes. Sampai hari ini tidak ada apa-apa jawapan. Lagipun saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri adalah bertanggungjawab dengan undang-undang. Baru-baru ini

saya mengeluh kerana takut setiap kali ada Persidangan Dewan Undangan Negeri Perak....

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: ...Ratusan. Nanti, nanti. Saya mahu tanya perkara ini. Ratusan polis akan mengerumuni Dewan. Saya rasa takut dan saya kata kalau saya hujahkan sesuatu yang mungkin polis tidak suka, mungkin dia akan keluarkan pistol di hadapan saya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia jauh melenconglah!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Namun Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri menyatakan dia minta SPRM menyiasat saya. Saya mahu tahu atas...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: ...Apakah sebab Yang Berhormat Menteri ini meminta SPRM siasat saya atas apa alasan? Adakah Yang Berhormat Menteri ini tidak tahu undang-undangkah ataupun beritahu apakah kaitan?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat. Tidak berkaitan perkara ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, saya hendak sebut. Lain kali kalau saya menggulung, datang awal-awal, ya. Okey, datang awal-awal. Yang Berhormat Puchong tadi ya, dia bercakap tentang polis. Apa yang saya janji dengan Yang Berhormat Beruas. Yang Berhormat Beruas dengarlah. Jangan dok bersembang dengan Yang Berhormat Taiping. Saya tahulah sepupu... *[Ketawa] [Dewan riuh]* Namun bila saya menjawab, dengarlah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tadi kata tidak mahu jawab. Kalau jawab saya dengar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau saya tidak mahu jawab, buat apa saya suruh berdiri, ha? Okey, yang saya janji kepada Yang Berhormat ialah laporan berkenaan dengan kaitan *corruption* SPRM. Yang itu saya sudah minta kepada mereka kerana Yang Berhormat Beruas minta. Hal polis ini jangan tanya saya. Jangan tanya saya. Itu *settle* dengan Yang Berhormat Sembronglah, okey. Kalau saya punya kenyataan akhbar, Yang Berhormat sebut tadi. Mengapa pula Yang Berhormat Menteri Padang Rengas ini kata SPRM siasat? Kita sudah ada *precedent*. Kalau Yang Berhormat membuat tuduhan terhadap polis, tidak akan hendak suruh polis siasat?

Betul tidak? Tuduhan, *I mean* pertikaian dengan polis. Jadi *it's not seem to be fair* kalau kita suruh pula polis menyiasat.

Di masa yang lepas, apabila Yang Berhormat Permatang Pauh ada buat tuduhan terhadap AG dan IGP. Jadi IGP - Ketua Polis. Maka, di situ kita sudah buat keputusan supaya laporan dibuat kepada SPRM kerana kalau kita hendak buat siasatan terhadap Ketua Polis, kita suruh polis. Apakah Yang Berhormat boleh fikir penyiasatan itu boleh menjadi satu penyiasatan yang adil? Jadi sebab itu kita suruh badan yang *neutral* iaitu SPRM.

■1550

Jadi dalam kes yang sama, pertikaian Yang Berhormat Beruas dengan polis, pada pandangan saya yang sepatutnya badan yang buat penyiasatan itu, saya. Dengan izin, *I want to be fair to you*. Oleh sebab itu saya kata, biarlah SPRM menyiasat. Kerana kalau polis menyiasat, tuduhan dibuat terhadap polis, polis yang menyiasat, walaupun ia satu kenyataan yang adil *it is not seem to be fair*. Itulah saya hendak jelaskan kenyataan saya bahawa adalah baik kalau SPRM ini menyiasat. Bukan kerana Yang Berhormat ini *corrupt*, tidak. Akan tetapi untuk meminta kepada badan bebas membuat penyiasatan yang adil dan sememangnya sudah ada *precedent* di masa yang lepas. Kita menyuruh SPRM menyiasat apabila Yang Berhormat Permatang Pauh membuat satu tuduhan terhadap IGP dan AG. Yang Berhormat Beruas...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Akan tetapi kita tahu di bawah undang-undang, SPRM tidak ada kuasa. Di luar bidang kuasa mereka kalau bertindak sudah menyalahi undang-undang. Apa yang saya cadangkan ialah bahawa *Police Force Commission* yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyiasat tindak-tanduk pihak polis di negeri Perak.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa *Police Force Commission investigate the conduct of the police in Perak* kerana setiap kali kita adakan Dewan Undangan Negeri, saya rasa kita tidak bebas lagi, setiap kali, hinggakan kita rasa polis sudah bermain politik. Jadi setuju kah kalau badan ini yang memberi kuasa datang untuk menyiasat? Bukan SPRM yang tidak ada kuasa. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat silaplah untuk menyatakan bahawa SPRM itu tidak ada kuasa, itu adalah satu perkara yang silap. Sememangnya di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini, ada kuasa. Nanti saya akan tunjukkan kepada Yang Berhormat, sebentar lagi. Kalau tidak Yang Berhormat, macam mana sebelum ini kita suruh SPRM siasat tuduhan terhadap AG,

kalau tidak ada kuasa? Ada kuasa, saya akan tunjukkan nanti. Ada, ada kuasa. Soal kata *Police Commission* siasat, saya sekali lagilah ingin menyatakan... Saya kalau boleh, kita hendak menjaga Yang Berhormat juga. Kalau *Police Commission* siasat polis juga, ialah, okeylah, *may be fair*.

Akan tetapi *later on*, kalau didapati keputusan itu terlalu tidak memihak kepada Yang Berhormat, akan dituduh lagi tidak adil. Bagaimana polis siasat polis, kerana tuduhan itu dibuat terhadap polis? Jadi saya masih merasakan, iaitu badan yang elok ialah SPRM. Akan tetapi kalau Yang Berhormat tidak bersetuju, tidak mengapalah. Saya cuma mencadangkan dan saya menjelaskan kerana Yang Berhormat *quote* apa yang disebutkan di dalam surat khabar. Saya hendak pergi ke *next issue* pula ya..

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Ipoh Timur....

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri..

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Boleh mencelah sedikit? Berkenaan dengan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang ini saya kena berilah. Yang ini saya beri...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: BTN dan Parlimen. Saya memang pemerhati atau peminat kerjaya Yang Berhormat lah sejak tahun 2004, Yang Berhormat Menteri menjaga Parlimen. Sejak tahun 2004, April 2004 sudah genap enam tahun. Adakah Yang Berhormat sudah membawa Parlimen ini ke tahap *first world*?

Saya hendak bertanya berkenaan dengan isu BTN. BTN ini, kalau Yang Berhormat Menteri tidak tahu, saya boleh tanya... Adakah Yang Berhormat Menteri tahu, BTN dapat peruntukan yang lebih banyak daripada Parlimen pada tahun lepas. Pada tahun ini hampir sama. Adakah kita perlukan agensi semacam BTN, JASA yang memang merupakan agensi propaganda? Adakah lebih baik wang itu dijaga oleh Yang Berhormat untuk Parlimen? Terima kasih... *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak mengapalah, dia muda, dia muda, tidak mengapa. Dia begini, Yang Berhormat ya. Saya rasa iaitu bahawa kalau kita ada sesuatu dasar sebagai 1Malaysia, saya rasa perlu kita tanamkan semangat 1Malaysia ini di kalangan rakyat Malaysia. Kalau apa-apa berlaku di masa yang lepas, itu kita ambil sebagai teladan, *never again*. Jangan lakukan kalau sekiranya ada

perkara-perkara yang tidak baik kerana kita hendak memastikan betul-betul. Kita kena fikirkan iaitu bahawa kita satu negara.

Oleh sebab itu saya fikirkan, banyak wang yang perlu dibelanjakan untuk kita menanamkan perasaan 1Malaysia ini di kalangan rakyat Malaysia kita. Kalau kita yang sudah tua ini agak susah kerana orang kata, buluh ini hendak lentur tidak boleh, dia patah, maka jangan kita *sacrifice* generasi yang akan datang. Kalau kita sudah tahu generasi yang tua sekarang ini akibat daripada tidak adanya semangat 1Malaysia, kalau dikatakan begitu, maka buat sebagai satu pengajaran, *never again*. Yang di hadapan ini, kita kena latih mereka dengan perasaan 1Malaysia.

Jadi sebab itu saya rasa kita kena belanja wang untuk memastikan supaya semangat ini mesti ada dan saya percaya DAP pun menyokong. Cuma dia kata, '*Middle Malaysia*', sama sahajalah itu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sekali Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi 1Malaysia, kita tidak boleh benarkan negara kita ini berpecah-belah. Ini Malaysia negara kita, dan semangat patriotisme iaitu *patriotic feeling* mesti ditanam. Dengan izin, *it should not be taken for granted and assumed that* semua akan merasakan begitu. Mesti ada satu *concerted effort* untuk menanamkan semangat 1Malaysia ini di kalangan rakyat Malaysia. Kalau tidak boleh kita lakukan kepada generasi yang kita ada sekarang ini, tetapi generasi yang akan datang itu, kita jangan *take it for granted*. Ya, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, terima kasih. Tentang *investment* untuk 1Malaysia ini. Saya sudah berkali-kali tanya dalam soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Berapakah yang kita *invest*, berapakah perbelanjaan kerajaan untuk program 1Malaysia ini? Ini juga termasuk perbelanjaan kita yang dibayar kepada APCO.

Semalam saya dapat lagi satu jawapan yang tidak menyatakan angka, tidak ada jumlah. Apa yang saya dapat ialah jumlah bayaran kontrak sebenarnya hanya dapat ditentukan selepas kontrak-kontrak tersebut tamat dan diuruskan oleh Jabatan Perdana Menteri. Sehingga sekarang kita tidak tahu. Akan tetapi saya rasa kesal, Yang Berhormat Menteri telah pilih di luar Dewan ini untuk memberi tahu wartawan dari *Malaysia Insider* bahawa kita telah membayar RM28 juta kepada APCO untuk program ini. Akan tetapi tidak dalam jawapan yang tertulis kepada saya, yang bertanya perbelanjaan kepada APCO dan juga perbelanjaan untuk program 1Malaysia. Oleh sebab itu saya mohon penjelasan.

Satu lagi sebelum itu, saya baru dapat... Ini khabar anginlah, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan... [*Dewan riuh*] Baru sahaja dari *website* menyatakan APCO akan ditamatkan perkhidmatannya pada Ogos ini. Saya hendak dapatkan *clarification* daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, terima kasih...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu bukan khabar angin, itu berita kepada kawanlah... [*Disampuk*] [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Yang Berhormat Kinabatangan duduklah... [*Ketawa*]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tidak payah kepada itulah... [*Ketawa*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, jumlah ini sebenarnya apabila soalan ditanya, ia tidak naik untuk saya menjawab di dalam Dewan. Jadi, jawapan itu ialah jawapan yang bertulis. Jadi RM28 juta itu dimaklumkan selepas itu kepada saya. Sebenarnya saya pun sendiri tidak mempunyai *detail* apakah pembayaran yang dibuat. Cuma selepas itu, jadi itu cuma *timing* sahaja. Bukan kerana hendak melindungi ataupun hendak menyembunyikan, tidak. *Timing* sahaja.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Menteri, Parlimen, satu sahaja..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dan... Tidak apalah Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Satu sahaja, tentang Jawatankuasa Pemilih. Pada 16 Mei 2004 dalam satu *National Consultation* dianjurkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Pada masa itu Yang Berhormat Menteri kata, *we are moving towards having more Select Committee* pada 16 Mei 2004. Sekarang ini, pada sesi ini tidak nampak *Select Committee* langsung. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berikan alasan? Terima kasih.

■1600

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, pertamanya saya menjawab itu kerana pada ketika itu saya telah nampak bahawa kita akan bentuk dua *Select Committee* untuk perkara khusus iaitu PLKN dengan meminda Akta CPC. Jadi kalau sekiranya ada isu-isu yang besar yang kita fikirkan perlu dibentuk *Select Committee*, kita akan buatlah. Jadi bukan bermakna apa yang saya sebut tadi tidak berlaku. Sudah pun berlaku. Dua *Select Committee* telah diadakan. Jadi untuk hendak mengadakan *Select Committee* yang *permanent* seperti yang banyak dicadangkan, saya fikirkan iaitu bahawa adalah lebih baik jawatankuasa itu diadakan di dalam kamar ini kerana untuk mengadakan *Select Committee*, khusus untuk satu-satu kementerian.

Maka segala rang undang-undang yang dibangkit hanya akan diputuskan oleh mereka yang kita pilih duduk di dalam jawatankuasa itu. Jadi, saya lebih suka amalan sekarang di mana jawatankuasa itu dibuka dalam kamar ini supaya semua boleh terlibat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Menteri, ada dua...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak payah *argue* lah, tidak payah *argue*, okey?

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Dua sahaja, dua sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia ada pandangan. Jadi pandangan saya begitu, maka kita laksanakan. Kalau Yang Berhormat yakin bahawa sebelah sana akan memerintah, tunggu masa sahajalah. Selepas itu laksanakan, okey?

Seorang Ahli: *Insyallah.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri, boleh dapat *breakdown*, kalau boleh, sebab soalan ini saya pernah tanya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak jawapan di sini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *So*, boleh saya dapatkan secara bertulis?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh, tidak ada masalah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dan isu...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya harap pegawai ambil maklum ya. Yang Berhormat Batu tanya berapa bayaran dan mahu *detail*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya. Juga isu kontrak sama ada akan ditamatkan pada Ogos ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang itu saya tidak tahu, sebab itu saya tidak boleh komen khabar angin. Khabar angin ini kita kena – dalam Dewan ini kita kena bercakap fakta, mesti fakta. Khabar angin tidak boleh komen, *speculation*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya juga ada satu soalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Berapa lama lagi hendak jawab?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat saya boleh berhenti sekarang kerana kita ada lagi beberapa Menteri yang akan menggulung...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tiga Menteri lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Dan saya akan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Senator.

4.02 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Perbekalan Tambahan Kedua 2009 di peringkat Jawatankuasa yang menyentuh perkara-perkara berkaitan Maksud B.6 dan Maksud P.6 berkaitan dengan JAKIM.

Yang Berhormat Ipoh Timur membangkitkan tentang taklimat yang dilaksanakan oleh JAKIM kepada kakitangan kerajaan yang dikatakan berunsur perkauman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjelasan yang diberikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia kepada kakitangan kerajaan berhubung isu kalimah "Allah" adalah bersifat ilmiah dan tidak mempunyai sebarang unsur perkauman. Ia bertujuan untuk memberi penjelasan dan penerangan kepada kakitangan awam mengenai isu-isu semasa yang timbul dalam negara, khususnya mengenai isu penggunaan kalimah "Allah". Sekiranya ada dan ternyata ucapan tersebut berbentuk hasutan atau menyentuh isu-isu sensitif bagi sesuatu kaum sehingga boleh menggugat ketenteraman awam, tindakan tatatertib akan diambil.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, penjelasan. Adakah tindakan tatatertib diambil oleh kerana bukannya benar bahawa ada penceramah-penceramah daripada JAKIM dan juga perkhidmatan awam, ada kata bahawa ada kaum Kristian yang ekstremis, bahawa mereka ada provokasi Melayu dan juga memberi ancaman kalau ini diteruskan boleh berlaku semula peristiwa 13 Mei. Ada juga seorang penceramah yang kata sama ada mahu peristiwa 13 Februari oleh kerana kursus ini diadakan pada akhir Januari atau sebelum itu. Bukankah ini semua tindak-tanduk pegawai-pegawai kerajaan yang tidak boleh dimaafkan, oleh kerana patutlah memberi satu contoh yang baik. Adakah tindakan diambil terhadap mereka ini?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Yang Berhormat, sebab tidak ada pegawai yang memberi penjelasan yang sedemikian. Kalau ada, mungkin daripada pihak yang lain, tetapi kalau daripada pihak kerajaan, khususnya daripada pihak JAKIM mahupun daripada pihak IKIM yang memberi, kita katakan taklimat yang berunsur perkauman seperti Yang Berhormat sebut, kita akan ambil tindakan, tetapi yang jelas di sini, tidak ada sebarang unsur yang boleh menimbulkan.

Yang ada seperti yang saya sebut, Yang Berhormat, penjelasan sekiranya berlaku dan bagaimana penggunaan Kristian dari segi kalimah "Allah" dan pandangan agama itu sendiri. Itu memang dilaksanakan dalam IKIM dalam bentuk yang begitu harmoni sekali tanpa mengguris mana-mana pihak. Jadi kalau ada pihak-pihak persendirian yang melaksanakannya, itu kita boleh merujuk kepada tindakan, tetapi buat masa sekarang daripada pihak kerajaan, Yang Berhormat, saya memberi jaminan bahawa tidak ada sebarang unsur sedemikian.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat ada baca satu laporan dalam akhbar mengenai apa yang berlaku dan mengandungi semua yang saya ada sebut, oleh kerana ini ada dilaporkan dan tentu Yang Berhormat ada tahu, selain daripada Yang Berhormat tidak baca surat khabar, tidak baca media baru dan adakah tindakan diambil berasas kepada laporan itu. Kalau laporan itu tidak benar, apa tindakan diambil terhadap penulis itu dan kalau laporan itu benar, kenapa sekarang diam, bisu dan tidak mahu ambil tindakan dan pura-pura bahawa tidak ada perkara yang berlaku.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat merujuk kepada tulisan di akhbar, ramai daripada orang swasta sendiri pun membuat tulisan. Akan tetapi Yang Berhormat, kalau daripada soalan Yang Berhormat bahawa ada tulisan daripada pihak JAKIM itu, saya memberi jaminan bahawa tindakan akan diambil dan kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menarik balik pada mana-mana penceramah yang memberi ceramah yang berunsurkan perkauman. Jadi Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat boleh beri maklumat secara *detail* kepada pihak kami untuk kita lihat benarkan seperti tuduhan Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, saya akan menyampaikan laporan *Malaysia Insider* yang ada buat laporan itu.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Kita akan terima laporan itu, Yang Berhormat. Seterusnya saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian yang mengalu-alukan pihak kerajaan untuk menubuhkan satu

jawatankuasa *interfaith* dan mengharapkan JAKIM menjadi *mediator* atau penganjur dengan menampilkan tokoh-tokoh ilmuan yang mampu mendepani isu-isu sebegini seperti isu berkaitan dengan perkahwinan campur yang melibatkan antara agama yang dirasakan perlu ditangani dengan dialog yang kerap.

Yang Berhormat, kerajaan menerusi JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri dan NGO Islam dari semasa ke semasa sentiasa mengambil perhatian serius dan sensitif terhadap isu-isu agama yang ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu. Antara strategi kerajaan untuk memastikan isu agama dan sensitiviti agama tidak diperalatkan sehingga menjejaskan ketenteraman negara, maka dialog yang diadakan ini adalah secara tertutup antara wakil-wakil agama.

Kita dapat merasakan bahawa melalui dialog ini, ia membantu mewujudkan satu persefahaman yang menimbulkan suasana aman dan saling hormat-menghormati antara rakyat majmuk di negara ini. Begitu juga berdasarkan kepada Perkara 11(4), Perlembagaan Persekutuan, beberapa buah negeri telah menggubal undang-undang yang dinamakan sebagai Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Islam. Begitu juga mengadakan sesi penjelasan kepada masyarakat Islam dan bukan Islam berkaitan dengan isu-isu agama seperti pendekatan khutbah Jumaat, laman web, majalah, akhbar dan sebagainya.

Keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan mengenai penggunaan kalimah "Allah" ini cukup jelas juga. Dalam hal ini JAKIM sentiasa bersedia untuk menganjurkan program-program keilmuan yang menampilkan tokoh-tokoh ilmuan dan ulama yang berwibawa untuk mendepani pelbagai isu yang melibatkan antara agama di Malaysia.

Yang Berhormat Pokok Sena membangkitkan tentang TV Al-Hijrah dan juga peruntukan yang telah diberi sebanyak RM10 juta untuk stesen TV. Untuk makluman Yang Berhormat, stesen TV sekarang tidak...

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]: Minta laluan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum Yang Berhormat pergi kepada apa yang ditimbulkan oleh Pokok Sena. Sehubungan dengan yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Kurang Kerian tadi, persoalan kita di Malaysia sekarang bukan sahaja antara Islam dengan bukan Islam dalam persoalan agama, tetapi juga berlaku di kalangan umat Islam sendiri dengan pembawaan-pembawaan fahaman yang berbeza. Walaupun kita tidak mempertikaikan antara fahaman-fahaman dan pegangan-pegangan itu sendiri, tetapi dalam konteks Malaysia atau *waqi'* Malaysia dalam suasana masyarakat Islam yang sebegini kecil berbanding dengan sesetengah negara lain.

■1610

Maka, sejauh mana penekanan pihak JAKIM, penguatkuasaan kita supaya apa yang berlaku di Malaysia ini adalah berlandaskan *Ahlus Sunnah wal Jamaah* supaya apa juga pun kepakaran ahli-ahli agama Islam, ilmuwan-ilmuwan Islam yang ditempatkan dalam mana-mana jawatankuasa mewakili Islam, sebolehnya kita pastikan mereka tidak bawa aliran yang menyimpang daripada *Ahlus Sunnah wal Jamaah*. Ini bukan bererti kita menafikan fahaman-fahaman yang dibawa oleh aliran-aliran *wahabi* dan sebagainya. Itu bukan persoalan-persoalannya di situ tetapi tanggungjawab kita ialah biarlah kita dapat selesaikan ini supaya elemen-elemen yang boleh membawa perpecahan di kalangan umat Islam itu sendiri dapat dihindarkan.

Kita tidak hendak Islam liberal berkembang di Malaysia, kita tidak hendak fahaman-fahaman yang lain. Ini bukan bermaksud saya menekankan salah atau betul tetapi di dalam maksud tadi supaya kita berada dalam satu kekuatan yang sepadu. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Kita membincangkan tentang persoalan antara agama dan Yang Berhormat membangkitkan juga bagaimana mungkin ada juga perpecahan dalam agama Islam itu sendiri. Setakat ini kita mengakui Yang Berhormat bahawa perbezaan aliran mahupun mazhab dan pemikiran tidak sampai lagi kepada peringkat kritikal sehingga boleh membawa kepada perpecahan. Bagaimana pun pihak kerajaan mengalu-alukan dan akan mengambil kira cadangan daripada Yang Berhormat supaya satu aliran iaitu *Ahlul Sunnah wal Jamaah* diambil kira untuk memastikan bahawa pemikiran masyarakat Islam di Malaysia di bawah satu aliran *Ahlul Sunnah wal Jamaah*.

Saya merujuk kepada pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena berkenaan dengan stesen TV dan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan sebanyak RM10 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, stesen TV sekarang tidaklah di bawah kelolaan JAKIM tetapi bertaraf kepada syarikat berhad yang tiada keuntungan di bawah Akta 1965. Pelantikan CEO ini dibuat dengan persetujuan pengerusi dan ahli lembaga pengarah dan dia mungkin tidak banyak pengalaman tetapi pemilihan ketika itu perlu untuk disegerakan, maka nama CEO itu telah dicadangkan. Walaupun begitu, pelantikan adalah tertakluk kepada *probation* ataupun tempoh percubaan, *performance* dan integriti yang mana jika terbukti seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat dia bertindak tanpa merujuk kepada ahli lembaga pengarah atau membuat pelantikan tanpa pengawasan ahli lembaga pengarah mahupun meluluskan

tender tanpa merujuk kepada ahli lembaga pengarah, CEO itu berhak untuk ditamatkan atau dipecat. Kedudukan penasihat buat masa sekarang, Yang Berhormat Menteri mohon untuk memantau sementara. Jadi semua urusan mesyuarat sekarang adalah dipantau oleh Yang Berhormat Menteri sementara menunggu kepada arahan yang terbaru.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama saya hendak minta penjelasan, tadi disebut bahawa syarikat ini bertaraf GLC yang tidak berorientasikan keuntungan. Akan tetapi saya ingin mendapat penjelasan, apa tujuan yang saya difahamkan telah dibuat satu pindaan kepada MNA untuk membolehkan dibuka *membership* ini kepada 1,000 orang? Jadi saya pun tidak faham sedangkan ia *non profit organization* atau syarikat, sedangkan ia hendak dibuka kepada 1,000 orang untuk menjadi *membership* atau pemegang syer sedangkan sebelum ini dari segi atas kertasnya hanya dicatat dua orang pemegang-pemegang syer.

Kemudian berkaitan dengan soal pengerusi tadi. Saya masih mempersoalkan sedangkan saya difahamkan ada dua atau tiga nama yang dikemukakan termasuk Dato' Ali Hashim dari Johor Corp. yang saya kira pengalaman beliau sebagai seorang tokoh korporat yang sangat baik, lebih berkelayakan untuk menjadi pengerusi kepada TV Al-Hijrah ini ataupun Al-Hijrah Corporation. Jadi tiba-tiba dipilih Tan Sri Yusof Noor, saya tidak tahu apa kelebihan pada Tan Sri Yusof Noor berbanding dengan yang kita lihat bahawa suatu yang hebat yang ada pada Tan Sri Ali Hashim itu sendiri.

Kemudiannya dari segi bahawa kedudukan Yang Berhormat sendiri sebagai penasihat. Apabila disebut, tadi saya katakan ada beberapa keputusan yang dibuat yang saya difahamkan tanpa merujuk kepada lembaga pengarah. Jadi soalnya sekarang ini di mana peranan penasihat yang sepatutnya untuk memastikan bahawa proses prosedur pengurusan syarikat itu mesti berjalan dengan baik iaitu sebarang keputusan yang hendak dibuat oleh CEO mesti merujuk kepada lembaga pengarah? Menteri tidak boleh *overrule*, tidak boleh pula Menteri hanya membuat keputusan dengan CEO. Jadi saya hendak minta penjelasan, apakah CEO hanya mendapat *green light* ataupun persetujuan daripada Menteri tanpa merujuk kepada lembaga pengarah?

Jadi saya rasa bila ini berlaku, CEO hanya rujuk kepada Menteri untuk buat apa-apa keputusan dalam pemberian kontrak, dalam pastikan untuk dapatkan apa-apa *equipment* dalam syarikat TV ini, ini satu benda yang saya kata bahawa bercanggah dengan soal prinsip pengurusan sebuah syarikat.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Berkenaan dengan cadangan pindaan MNA daripada Yang Berhormat Menteri supaya dijadikan keahlian seramai 1,000 orang, itu hanyalah baru cadangan daripada Yang Berhormat Menteri. Bagaimanapun, cadangan tersebut adalah tertakluk kepada persetujuan ahli lembaga pengarah keseluruhannya dengan satu notis yang cukup. Jadi ini hanyalah baru cadangan daripada Yang Berhormat Menteri dan belum lagi diterima pindaan kepada MNA tersebut.

Berkenaan dengan pemilihan Tan Sri Yusof Noor sebagai pengerusi, ini adalah pemilihan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan saya yakin ia berdasarkan kepada pengalaman sebagai mantan Menteri yang pernah menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jadi berdasarkan kepada kriteria tersebut saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup arif dengan siapa yang dipilih untuk mengengeruskannya.

Berkenaan dengan prosedur pengurusan, saya bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat Menteri tidak boleh membuat sebarang keputusan dan tidak boleh *overrule* di dalam pengurusan sesebuah syarikat. Sebarang cadangan boleh dibuat. Apa pun, ia adalah tertakluk oleh ahli lembaga pengarah untuk bermesyuarat dan seterusnya bersetuju. Untuk makluman Yang Berhormat, mungkin sebab Al-Hijrah ini baru sahaja berusia lebih kurang dalam enam bulan, jadi ia masih lagi melalui kepada beberapa proses yang perlu dipantau oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya agak pelik bahawa bila Yang Berhormat mengatakan Menteri sendiri pun tidak boleh buat keputusan sendiri dan sebagainya. Akan tetapi persoalannya sekarang saya hendak tahu berapa kali *board*, lembaga pengarah ini bermesyuarat? Sedangkan saya difahamkan bahawa ada perkara-perkara yang telah dibuat keputusan oleh CEO ini dalam memastikan pengurusan perbelanjaan wang dalam untuk pastikan perolehan dan juga perbelanjaan ini tidak pun dirujuk kepada lembaga pengarah. Jadi tidak akan Menteri boleh lulus begitu sahaja? Sebab itu saya katakan tadi adakah ia telah diaudit? Adakah dia diaudit ataupun saya katakan bahawa apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri merasakan bahawa bersetuju dengan cadangan saya, kalau ada unsur-unsur tanpa merujuk kepada *board* untuk meluluskan perbelanjaan-perbelanjaan ini, ini perlu kepada SPRM membuat satu penyiasatan yang teliti? Ini duit kita termasuk duit zakat daripada Bank Rakyat.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Berapa kali lembaga pengarah bermesyuarat itu, saya harus merujuk balik dan saya akan beri jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Saya bersetuju bahawa CEO tidak layak untuk membuat sebarang keputusan tanpa merujuk kepada ahli lembaga pengarah dan sebarang keputusan yang hanya dirujuk kepada Menteri adalah dikira sebagai tidak sah. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kalau ada unsur-unsur seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, kita cukup telus dalam hal ini. Mana-mana pihak sekalipun sama ada CEO, Pengerusi, Menteri, Timbalan Menteri boleh dirujuk kepada SPRM untuk disiasat jika benar seperti mana Yang Berhormat katakan tadi ada salah guna kuasa dalam pelantikan atau apa-apa sahaja penyelewengan yang berlaku.

Yang terakhirnya Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, begini. Saya tidak terus membuat tuduhan mengatakan ada unsur-unsur penyelewengan tetapi saya katakan bahawa bagaimana perbelanjaan itu dibelanjakan tanpa merujuk kepada lembaga pengarah? Jadi sebab itu saya katakan bahawa, bukan hendak bawa Yang Berhormat ataupun Menteri kepada SPRM tetapi SPRM perlu masuk siasat. Bagaimana pelanggaran ini boleh berlaku? Itu satu.

Kedua, untuk memastikan bahawa apakah perbelanjaan-perbelanjaan itu diputus untuk diberikan kepada kepentingan-kepentingan tertentu? Itu maksud saya. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat ataupun Jabatan Perdana Menteri perlu bersetuju supaya satu penyiasatan dibuat untuk Al-Hijrah Corporation ini.

■1620

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya katakan tadi bahawa tidak menjadi masalah kalau sekiranya berlaku sebarang penyelewengan. Akan tetapi buat masa sekarang Yang Berhormat, Al-Hijrah ini baru sahaja berusia enam bulan lebih. Saya rasa mesyuarat yang diadakan pun tidak sampai sepuluh kali pun lagi. Jadi pandangan Yang Berhormat ini akan kita ambil kira dan kita akan semak semuanya. Saya hendak merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat tentang perbelanjaan yang dibelanjakan.

Setakat ini memang kita menerima yang pertamanya RM10 juta dan penerimaan kedua adalah sebanyak RM50 juta tidak termasuk sumbangan daripada Bank Rakyat Yang Berhormat sebutkan sebanyak setengah juta ataupun RM500,000 dan perbelanjaan ini telah dibelanjakan untuk gaji, perubatan, keraian, elaun mesyuarat,

elaun sokongan, lesen multimedia, ubahsuai perabot, peralatan komputer, perbelanjaan iklan dan juga perbelanjaan-perbelanjaan am yang berkaitan dengan Syarikat Al-Hijrah Corporation ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Adakah termasuk dengan pembelian *equipment-equipment* yang diperlukan untuk sebuah stesen TV yang saya rasakan besar sebab tadi tidak disebut tentang *equipments* yang diperlukan untuk sebuah stesen TV.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Difahamkan Yang Berhormat mesyuarat tentang pembelian *equipment* itu baru sahaja dibentangkan pada tengah hari ini jam 12. Jadi saya belum mendapat makluman terkini tentang pembelian tersebut. Segala makluman Yang Berhormat minta itu akan saya beri secara bertulis nanti.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Berapa baki?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jumlah baki duit daripada RM50 juta, campur RM10 juta, campur RM500,000 sama dengan RM60,500 juta. Berapa baki daripada duit yang telah dibelanjakan yang masih tinggal?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: RM59 juta Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ada lagi RM59 juta lagi?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Ikut kepada perbelanjaan daripada sinilah.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Belanja RM59 juta atau baki?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Saya akan bagi kepada Yang Berhormat secara bertulis supaya Yang Berhormat boleh semak nanti.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa kalau adalah dalam laporan tertentu ia jamin akan ambil tindakan dan di sini saya ada laporan ini. *Malaysian Insider* yang sebenar 28 Januari. Antara pensyarah-pensyarah yang ada disebut ialah Zamihan Mat Zin daripada Institut Latihan Islam Malaysia dan di sini dia kata dengan izin, "*Blasted politicians for being vocal only on Malay rights but doing little for Islam...*" Dan akhirnya ialah "*Zamihan had the audacity to suggest that a repeat of the May 13 racial riots was possible if the Christians, which to him practised extremism in the matter, did not back down.*" "*Who knows, there might be a Feb 13?*" said Zamihan.

Itulah 28 Januari dan saya akan serah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu jawapan bahawa apa tindakan yang akan diambil apabila kita membahaskan *supplementary estimate* 2010 di minggu hadapan. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Seperti mana Yang Berhormat Ipoh Timur bacakan tadi, "*Who knows?*" Siapa tahu?" Ia merupakan satu pandangan peribadi yang diberikan oleh Zamihan. Walaupun Zamihan berada di bawah ILIM...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sudah mempertahankan. Belum siasat sudah mempertahankan!

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Saya memberi pandangan saya sebab Yang Berhormat bacakan apa yang telah dituliskan oleh Zamihan sebentar tadi dan kita akan terima laporan daripada Yang Berhormat dan siasatan akan kita buat untuk memastikan bahawa sekiranya benar unsur-unsur perkauman seperti Yang Berhormat nyatakan wujud dalam penulisan tersebut, yang pasti tindakan akan diambil.

Jadi Tuan Pengerusi saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Butiran B.6 dan P.6 berkaitan JAKIM yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat saya jawab akan dicatat dan diambil tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Cameron Highland.

4.25 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' S.K. Devamany]: Tuan Pengerusi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Dengan izin Tuan Pengerusi saya mengambil kesempatan untuk menjelaskan pertanyaan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat yang ingin tahu mengenai *Cyber Troopers*. Adakah merupakan salah sebuah program di bawah *Manage Portal Services* yang digunakan sebagai *warfare*, *cyber warfare* oleh kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dato' S.K. Devamany: Yang Berhormat Ipoh Timur ya. *Sorry*. Minta maaf Yang Berhormat Ipoh Timur. Maka untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Timur. *Cyber Troopers* bukan merupakan salah sebuah program di bawah projek *Manage Portal*

Services. Manage Portal Services adalah sebuah program untuk menambahbaikkan 152 laman web yang melibatkan agensi-agensi kerajaan utama dan 102 PBT, badan-badan kerajaan tempatan untuk menambah baik perkhidmatan secara *mutual* seluruh negara. Maka projeknya bermula pada 2008, January dan akan tamat pada 1 Januari 2014. Terima kasih.

Tuan Pengerusi tidak ada lagi soalan-soalan yang telah dikemukakan mengenai rang undang-undang, maka saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat dan kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga dimaklumkan bahawa tidak ada yang hendak perlu dijawab oleh Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, tidak ada perkara berbangkit di bawah kementerian beliau, maka beliau tidak akan menjawab pada petang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM24,465,000 untuk Maksud B.1; RM5,701,960 untuk Maksud B.4; RM1,691,000 untuk Maksud B.5; RM103,011,000 untuk Maksud B.6; RM366,597,100 untuk Maksud B.7 dan RM6,831,600 untuk Maksud B.9 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat saya mohon untuk belah bahagi.

[Lebih dari 15 orang Ahli bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat. Lebih daripada 15 orang. Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian. Maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Sila bunyikan loceng Setiausaha.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

■1630

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, undian dijalankan sekarang.

[Pengundian dijalankan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, semua perlu dengarlah ya. Hari ini ada elok sedikit Yang Berhormat. Apa yang saya puji, saya puji Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah

keputusannya. Ahli-ahli yang tidak bersetuju berjumlah 38. *[Tepuk][Dewan riuh]* Ahli-ahli yang bersetuju 87. *[Tepuk]*

YANG BERSETUJU

87

YANG TIDAK BERSETUJU

38

[Nama Ahli-ahli yang bersetuju, yang tidak bersetuju akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

[Wang sebanyak RM24,465,000 untuk Maksud B.1; RM5,701,960 untuk Maksud B.4; RM1,691,000 untuk Maksud B.5; RM103,011,000 untuk Maksud B.6; RM366,597,100 untuk Maksud B.7 dan RM6,831,600 untuk Maksud B.9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kami tidak halal duit itu dunia akhirat beri kepada APCO.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kami tidak halal dunia akhirat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita ada lagi proses Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat ada proses lain lagi.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM8,000,090 untuk Maksud P.6 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2009 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM8,000,090 untuk Maksud P.6 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2)2009.

**Maksud B.12 [Jadual]-
Maksud P.10 [Anggaran Pembangunan (Tamb. (Bil. 2)2009] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kepala Bekalan B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

4.36 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: P.11 tidak ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada P.11 juga tadi?.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: B.12 dan P.10.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: B.12.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak ada P.12 Yang Berhormat B.12 dengan P.10 Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: P.10 dan B.12?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: P.10.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Token Yang Berhormat Kepong jadi RM10.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apa masalah? Siapa ada masalah *come here?* Tuan Pengerusi, B.12 - RM60,000,000 untuk Membiayai Tabung Modal Pusingan Jabatan Koperasi bagi tahun 2009 dan juga RM50,000,000 untuk Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara.

■1640

Pertamanya, saya hendak tahu dengan Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi ini, mengapa kita perlu RM60 juta untuk pembangunan koperasi? Memandangkan prestasi koperasi-koperasi perlu dipertingkatkan. Kita tidak mahu koperasi seperti yang berlaku di Pulau Indah – yang terlibat dengan skandal PKFZ, bermula dengan koperasi. Saya berharap dengan wang tambahan ini, kita dapat mempertingkatkan prestasi koperasi di seluruh negara dan saya hendak tahu dengan lebih terperinci mengapakah kita perlukan RM60 juta ini?

Seterusnya melalui Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara, saya memang setuju kita mesti galakkan sukan di negara ini. Saya nampak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pula pergi ke sekolah dan beliau kata beliau memang

mengutamakan sukan. Mengutamakan sukan itu baik, bukan tidak baik. *[Disampuk]* Yang Berhormat Tanjong Karang dia berminat dengan pertanian, nampak sukan tidak minat, berat badan bertambah. *[Ketawa]*

Di sini yang penting sekali itu walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran menunjukkan dalam retoriknya begitu menumpukan perhatian kepada sukan tetapi saya nampak usaha-usaha di sekolah-sekolah itu tidak berubah sangat. Maka tidak ubah. Saya berharap Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran dapat memberitahu kita dengan Yang Berhormat Pagoh yang menerangkan hasratnya untuk mempertingkatkan sukan di sekolah-sekolah. Apakah strateginya? Langkah-langkah yang telah diambil untuk mempertingkatkan sukan ini?

Misalnya saya nampak usaha untuk sukan badminton memang ada. Kita pujilah di sini sebab itu ada prestasi yang baik juga cuma kita haraplah prestasi di *Thomas Cup* kali ini, satu bulan sahaja yang tinggal meningkat sedikit. Kita tidak semestinya boleh mencapai lebih tinggi dari sekarang kerana di dalam beberapa tahun ini, kita nampak negara China merangkul kejohanan *Thomas Cup*. Malaysia setiap kali tidak sampai pun ke *final*. Ini memang kita mesti mempertingkatkan.

Sukan-sukan yang lain, boling memang kita ada prestasi yang lebih baik tetapi kalau kita sebutkan sukan bola sepak - walaupun Yang Berhormat Kemaman itu saya nampak hendak mempertahankan apa yang berlaku dengan bola sepak kerana ada menang sedikit menentang Thailand. Ini memang baik juga kalau kita boleh menang tetapi tangga yang kita ada sekarang itu sangat rendah. *[Disampuk]*

Yang Berhormat Tangga Batu... *[Memandang ke arah tempat Yang Berhormat Tangga Batu]* Mana Yang Berhormat Tangga Batu? Saya tidak ada nampak pun... *[Disampuk]* Apakah masalah sekarang ini? Kita hendak bincang mengenai bola sepak kita ini.

Saya berharap pihak yang berkenaan dapat mengambil perhatian mengenai bola sepak kita ini. Bola sepak itu bagi saya, organisasi itu kurang cekap. Sangat kurang cekap. Mungkin kita boleh mengkaji bagaimana organisasi FAM itu dapat diperbaiki. Setiap kali saya nampak ada pertukaran seorang atau dua orang tetapi organisasi pertubuhan FAM itu kekal. Memang kekal.

Saya pun tidak faham, mungkin Yang Berhormat Kubang Kerian boleh menerangkan mengapa organisasi yang tidak begitu cekap dapat diteruskan dan dikekalkan dengan sebegitu sahaja.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Arau pun tahu.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Kepong. Kenyataan Yang Berhormat Kepong tadi adakah menjurus kepada satu jawatan tertinggi dalam FAM?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Termasuklah, memang termasuk beberapa jawatan itu. Memang beberapa jawatan dalam FAM itu mesti diubah kerana kita mahu orang yang benar-benar faham masalah sukan bola sepak. Mungkin kita dapat satu iktibar daripada sukan badminton - badminton ia sudah tukar kepada orang yang lebih hormat dia dan kemudian kita dapat prestasi yang lebih baik.

Yang Berhormat Arau itu jawatannya sudah berapa jawatan sudah, bukan tersekat kepada yang tertinggi. Memang FAM itu *after* beberapa, kalau tidak silap saya hampir 30 atau 50 jawatan. MCA memang tukar sudah. Rezekilah itu. FAM mesti tukar juga. Mesti tukar juga dan saya berharap Yang Berhormat Arau boleh membantu kita jugalah ke arah untuk memperbaiki FAM supaya prestasi sukan bola sepak ini dapat dipertingkatkan di negara ini.

Seterusnya ada banyak sukan lagi yang perlu kita kaji termasuk *athletic* pun - *athletic* itu Yang Berhormat Putrajaya pun tahu. Di Putrajaya itu saya nampak ada padang-padang yang cantik, gelanggang-gelanggang yang cantik dan moden tetapi prestasi itu kurang termasuk *athletic* di Putrajaya bagaimana sekarang. Tidak mencapai tahap yang tinggi kerana Yang Berhormat kurang berminat dengan sukan. *[Disampuk]* Itu memang betul. Pergi lihat di Putrajaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kepong hanya 10 minit Yang Berhormat. Jadi...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Satu minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi jangan buang masa dalam Dewan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya mematuhi dan memang saya berminat dengan beberapa jenis sukan di negara ini termasuklah sukan bola sepak dan *athletic* dan kita mesti dapat mengkaji semua ini supaya prestasi itu boleh dipertingkatkan. Mungkin KPI, NKRA pun diadakan dalam bidang sukan juga supaya kita boleh melihat prestasi yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak memperingatkan sebelum Yang Berhormat bercakap.

Ada dua perkara yang dibangkitkan di sini - RM60,000 untuk Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi...

Seorang Ahli: RM60 juta.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Itu satu - minta maaf RM60 juta. RM50 juta untuk Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara - itu sahaja, kita berlegar-legar dalam itu sahaja. Yang 'P' itu RM10 juta, jadi kita tidak perlu. Silakan Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, ringkas sahaja. Saya...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bangkitkan berkenaan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *Point of order* - peraturan mesyuarat. Saya hendak bertanya Tuan Pengerusi pada peringkat Jawatankuasa ini boleh atau tidak saya membawa Peraturan Mesyuarat 36(12)?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang mana satu Yang Berhormat?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ini dahulu saya sudah bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada beberapa hari dahulu tetapi terlepas pandang. Sebab saya hendak merujuk perkara ini dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Kewangan kerana saya hendak merujuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jelaskan bilakah perkara itu berlaku Yang Berhormat?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: 23 Mac.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi Yang Berhormat, saya cadangkan ia menggunakan usul bertulis Yang Berhormat. Usul bertulis. Perlu beri notis mengikut Peraturan Mesyuarat 26(1) Yang Berhormat. Jadi, tidak boleh dibangkitkan seperti ini sahaja.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Melalui Peraturan Mesyuarat 26(1)? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Batu Gajah.

4.49 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkitkan berkenaan RM50 juta untuk Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara. Saya hendak tahu apakah niat dan tujuan perbelanjaan atau peruntukan RM50 juta ini?

Tuan Pengerusi, apabila Dato' Lee Chong Wei memenangi *All England* itu, kita membaca dalam laporan akhbar kerajaan memberi sumbangan RM2 juta kepada *Badminton Association of Malaysia (BAM)*. Sejurus itu kita membaca Presiden BAM begitu gembira kerana dapat menyelesaikan semua tunggakan bonus kepada pemain dan jurulatih dan segala tunggakan hutangnya kepada mereka ini.

Jadi, saya hendak tahu bagaimanakah Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara ini dapat membantu mereka kalau kita mahu memajukan sukan negara kita? Tuan Pengerusi, pendapat saya ialah sukan adalah satu saluran yang mana kita boleh menggunakannya untuk mencungkil bakat mereka yang kurang cemerlang dalam bidang akademik.

■1650

Di samping itu satu saluran untuk menyatupadukan rakyat Malaysia. Apabila kita membaca Dato' Lee Chong Wei menang pertandingan badminton *All England*, kita begitu gembira tanpa mengira bangsa dan agama. Jadi bagaimanakah Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara ini boleh membantu agar meringankan persatuan-persatuan sukan ini di dalam pengurusan kewangan mereka ini.

Kerajaan juga sebelum ini ada melancarkan program Cari Juara, pergi ke kawasan-kawasan untuk mencari bakat-bakat sukan di kalangan anak-anak muda kita dan saya hendak tahu perkembangannya. Saya selalu berpendapat Tuan Pengerusi, kalau Kerajaan Barisan Nasional boleh tunjuk teladan yang baik, mulakan dalam Dewan yang mulia ini libatkan semua Ahli Parlimen tanpa mengira daripada pembangkang atau kerajaan, bersama-sama menjayakan segala program atau aktiviti kerajaan akan mencapai sasaran atau objektifnya dengan peruntukan yang dibelanjakan, macam program Cari Juara Tuan Pengerusi. Kalau kerajaan boleh bagi juga peruntukan kepada kami, kami boleh adakan aktiviti untuk penduduk-penduduk di kawasan kami, di kawasan luar bandar Tuan Pengerusi, di kawasan saya Tuan Pengerusi.

Saya pernah mengadakan program tiga orang *basketball - three men basketball* Tuan Pengerusi, pertandingan pingpong untuk pelajar-pelajar dan anak-anak muda yang tiada tempat lain mereka boleh pergi semasa cuti. Akan tetapi kami selalu menghadapi masalah kekurangan kewangan. Kalau kerajaan ada peruntukan kewangan untuk mencari bakat anak-anak muda kita, kita boleh membantu sebab *at the end of this*

yang mendapat faedah, yang akan merasa megah atau *proud* ialah kita semua rakyat Malaysia, apabila anak muda kita berjaya di arena sukan ini di antarabangsa.

Jadi mulakan dalam Dewan yang mulia ini, libatkan semua Ahli Parlimen tanpa mengira latar belakang politik kita. Padahal ini adalah duit - semua pun membayar cukai, pembayar cukai di kawasan Parlimen saya juga. Jadi mengapa kita tidak boleh mengambil satu langkah keluar daripada kotak politik terlalu banyak ini. Mungkin pihak kementerian ini boleh menjadi teladan, mulakan daripada kementerian ini. Saya pohon, saya cakap dengan ikhlas memang benar ada bakat di kawasan luar bandar tetapi kekurangan peruntukan, kekurangan tempat untuk menjalankannya. Ada kelab belia di mana saya langsung tidak boleh adakan akses kerana saya Ahli Parlimen daripada DAP di kawasan Kampung Baru. Jadi mungkin pihak kerajaan dan kementerian boleh memberi penjelasan dalam aspek ini. Sekian, terima kasih.

4.53 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.12 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Saya hendak bertanya terhadap dua jumlah yang melibatkan di bawah Maksud B.12. Pertama, iaitu apabila kita membuat kelulusan kepada peruntukan diluluskan RM2 bilion semasa dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2009, Maksud B.70 yang kita *detail* kan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, yang mana satu?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya dalam...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kita, kita bercerita pasal

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita dalam...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: B.12.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: P...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: B.12.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: B.12 Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Dalam ini ada dua, satu kepada Wang Amanah Sukan, yang kedua Tabung Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi tetapi saya hendak tanya keseluruhan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Akan tetapi sumbernya datang daripada peruntukan Wang kumpulan Terkanun, persoalan ini yang hendak saya tanya kerana mengikut daripada cadangan kita, peruntukan tambahan ini untuk menggantikan ambilan daripada Simpanan Luar Jangka berjumlah RM2 bilion Tuan Pengerusi. Daripada jumlah RM2 bilion ini saya mendapati perbelanjaan yang digunakan hanya sekitar berbaki RM113 juta antara pembangunan dan pengurusan. Saya hendak tanya di mana lebihan RM113 juta ini digunakan ataupun tersimpan.

Kedua, di bawah B.12 juga kita *detailkan* bahawa perbelanjaan tambahan bagi tahun 2009, keseluruhannya bawah B.12 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun berjumlah RM1.682345, maksudnya RM1.682 bilion. Saya hendak bertanya kalau mengikut daripada laporan Anggaran Belanjawan 2010, peruntukan di bawah Kumpulan Wang Terkanun telah mencatat negatif sebanyak RM1.286.30 bilion. Adakah jumlah peruntukan di bawah B.12 ini untuk menampung kedudukan negatif kita di bawah Kumpulan Wang Luar Jangka itu ataupun kita hendak gunakan untuk satu perbelanjaan baru. Sekiranya jumlah ini merujuk kepada angka ataupun peruntukan yang lama, saya rasa jumlah yang dipohon untuk Kumpulan Wang Amanah Sukan dan juga Kumpulan Tabung Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi adalah tidak mencukupi, kerana jumlah kedua-duanya ini berkurang, berkurang daripada peruntukan asal yang telah pun berada dalam kedudukan dalam negatif pada tahun lepas iaitu pada 31 Disember 2009. Di sini tercatat Tuan Pengerusi, jumlah kedudukan negatif dan kita membuat permohonan untuk menambah peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun yang kita bincangkan pada masa ini.

Begitu juga Tuan Pengerusi, apa yang saya sebutkan tadi iaitu pinjaman yang diambil atau digunakan atau peruntukan digunakan daripada Simpanan Luar Jangka yang berjumlah RM2 bilion tadi. Saya juga hendak tahu, sekiranya keseluruhan perbelanjaan ini telah digunakan, adakah peruntukan tambahan yang kita minta atau kita bincangkan ini untuk tujuan menggantikan jumlah Simpanan Luar Jangka yang sepatutnya mencatat kedudukan atau jumlah kosong? Itu sahaja Tuan Pengerusi.

4.58 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja *point* saya mengenai Maksud B.12 yang kedua iaitu sebanyak RM50 juta untuk Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Kepong mengenai prestasi kita. Saya sempat menonton satu rakaman kumpulan dalam televisyen, kumpulan yang sedang menonton TV di suatu pusat awam menonton perlawanan bola di peringkat Eropah. Sambil mereka menonton itu, malam yang sama juga berlaku pertandingan di peringkat lokal kita di antara pasukan Negeri Sembilan. Saya pun tidak ingat piala apa. Apabila ditanya kepada penonton itu - ini disiarkan dalam televisyen, sama ada mereka tahu malam ini juga ada pertandingan di peringkat tempatan kita antara Negeri Sembilan dan Selangor kalau tidak silap, ada yang mengatakan dia tidak tahu langsung, ada yang tahu tetapi tidak berminat untuk mengambil tahu.

Inilah suasana yang begitu malang mengenai sukan bola sepak di dalam negara kita dan saya menyokong penuh supaya apa juga peruntukan yang di peruntukan kalau ada sebahagiannya untuk sukan bola sepak ini difikirkan secara teliti bagaimana untuk memulihkan imej sukan kita supaya mendapat minat di kalangan rakyat kita sendiri.

Saya berkesempatan untuk menonton suatu pertandingan akhir di Stadium Bukit Jalil antara Kelantan dan Negeri Sembilan pada tahun lepas, piala apa ya?.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Malaysia.

■1700

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Piala Malaysia, *final* ya. Saya nampak penuh stadium itu, tiga suku oleh penyokong Kelantan. Semacam ada minat, kalau diuar-uarkan dengan betul walaupun permainan malam itu dalam suasana yang agak tegang, kualiti pun tidak seberapa akan tetapi sokongan itu. Kerana uar-uarnya, kerana maklumat yang disebarkan cukup meriah ditambah pula dengan sokongan kuat daripada penyokong negeri Kelantan, itu. Akan tetapi kebelakangan ini sudah mula reda balik bola sepak dalam negara kita.

Yang keduanya Tuan Pengerusi, baru-baru ini diumumkan pula selepas kita mengadakan sukan *F1* di Sepang diadakan satu seminar mengenai permotoran ini. Diputuskan dalam satu seminar tersebut bahawa kerajaan akan mengambil isu bidang kejuruteraan permotoran sukan ini.

Ertinya, ilmu mekanik untuk permotoran sukan, bukan permotoran biasa tetapi permotoran sukan ini akan berikan suatu input yang baru, satu sokongan yang baru

sampai dikatakan bahawa suatu Institut Kemahiran Belia Negara khusus untuk mekanik sukan permotoran akan dibina. Cuba bayangkan bukannya ini suatu refleks, *knee jerk reflect* kepada suatu isu terus mencadangkan suatu IKBN untuk tujuan ini. Berapa banyakkah kita ada sukan permotoran kalau setakat permotoran kapcai, saya rasa tidak memerlukan suatu IKBN dibina untuk tujuan tersebut.

Jadi saya berharap kejutan-kejutan begini ataupun keputusan-keputusan yang tidak diperhalusi ini tidak disebut sebegitu rupa sehingga mungkin akan menimbulkan persoalan sama ada kita ini serius ataupun tidak dalam membelanjakan wang kita untuk tujuan tersebut. Kalau betul pun hendak diadakan kursus mekanik sukan permotoran ini saya rasa mana-mana IKBN yang sedia ada boleh mengisi ataupun melaksanakan keperluan tersebut. Jadi saya harap difikirkan, Tuan Pengerusi itu sahaja. Terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: *[Bangun]*

5.02 ptg.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini Maksud B.12 – Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun, menarik perhatian saya sebanyak RM50 juta telah dibelanjakan untuk Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara. Saya sebenarnya memang menyokong sukan ini dan hendak kalau boleh kita mempunyai satu *pool* pemain-pemain sukan yang akhirnya dapat menyertai pertandingan-pertandingan yang berkaliber. Cuma pengamatan saya kemudahan-kemudahan sukan di peringkat akar umbi kepada orang ramai, anak-anak kita, belia-belia kita amat mengecewakan.

Saya ingin bertanya sebenarnya apa sudah jadi kepada saya ingat semasa Dato' Sri Azalina menjadi Menteri Belia dan Sukan dahulu, wawasan kerajaan satu stadium dalam satu-satu kawasan Parlimen, satu stadium. Jadi kalau boleh saya hendak tahu masih kah lagi pelan ini ada dalam wawasan kerajaan ataupun kalau tidak, apa gantinya. Mengenai pelaksanaan kemudahan seperti padang bola ataupun lain-lain prasarana, saya dapati padang-padang bola di mana ianya terletak di bawah KPKT amat tidak sempurna penyenggaraan padang.

Bila diminta padang-padang ini diratakan, misalnya kalau padang-padang itu sudah ada, cuma kadang-kadang berlopak-lopak, berair, berbatu maknanya penyenggaraannya itu tidak sampai kepada satu tahap dan tidak menarik perhatian belia dan anak-anak untuk main secara konsisten. Jadi jawapannya adalah selalu tidak

kecukupan kewangan untuk menyenggara padang bola ini - semua padang futsal dan sebagainya. Jadi apa salahnya sekiranya Kementerian Belia dan Sukan, saya kira kewangan ini telah dan akan di masa hadapan diagihkan kepada tujuan ini diagihkan juga melalui KPKT-KPKT supaya prasarana, kemudahan untuk anak-anak kita ini menjadi lebih sempurna. Ini akan menarik mereka untuk bermain.

Ketiga adalah saya dapati bahawa pertandingan-pertandingan di peringkat akar umbi itu sendiri untuk menarik anak-anak, belia-belia remaja untuk bermain ini sangat berkurangan. Selain daripada sekolah-sekolah mungkin, tetapi di peringkat belia itu sendiri sangat berkurangan. Jadi ini lagi satu perkara di mana apabila kita tidak berusaha untuk menarik bakat-bakat yang ada pada anak-anak kecil ini dan remaja ini kemudian mereka ini dipilih untuk kemudian dilatih. Seterusnya untuk sukan kompetitif di peringkat *competition* atau pertandingan maka kita tidak akan mempunyai satu *base* ataupun satu dasar *potential players*, dengan izin, untuk negara.

Perkara kedua ialah mengenai Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi. Saya ingin bertanya, sebenarnya memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah tujuan Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi? Kefahaman saya modal pusingan ini biasanya sama ada dijadikan mungkin di sini untuk dipinjamkan kepada koperasi-koperasi yang memerlukannya. Mungkin untuk pengurusan dan juga mungkin digunakan untuk membeli *supply* yang dijual di kedai-kedai koperasi dan sebagainya.

Jadi untuk perniagaan saya kira sekiranya kita sentiasa mengharapkan tabung modal tanpa koperasi itu menguatkan *capability* ataupun keupayaannya untuk mencari dana. Seterusnya sampai bilakah tabung modal pusingan ini perlu kita perkasakan – sehingga bila? Terima kasih.

5.07 ptg.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang sebagai yang terakhir untuk membahaskan perkara Maksud B.12 ini. Saya juga ingin khusus merujuk kepada RM60 juta yang disebut di sini untuk membiayai Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi. Tuan Pengerusi, mengikut apa yang saya perhatikan dan soalan saya seperti saya dengar Yang Berhormat Kepong dan sebentar tadi Yang Berhormat Kota Raja ialah apakah tujuannya RM60 juta. Bagaimanakah ia hendak dibahagi-bahagikan dan apakah maksudnya Tabung Modal Pusingan JPK ini?

Tuan Pengerusi, saya perhatikan bahawa dalam negara Malaysia ini secara umumnya bidang koperasi tidaklah dianggap berjaya sebagaimana, misalnya berjayanya negara-negara di Eropah ataupun mungkin dalam benua yang lain. Akan tetapi dalam pada itu pun kita tidak dapat menafikan kejayaannya juga. Dan sebagai pembangkang yang adil kita melihat dan menilai kedua-duanya yang baik ataupun yang tidak baik, yang APCO ataupun yang tidak APCO.

Tuan Pengerusi, misalnya yang paling berjaya dari segi koperasi dalam negara kita ini saya anggap ialah Bank Rakyat. Bank Rakyat amat berjaya, keuntungannya tahun-tahun akhir ini melebihi RM1.5 bilion. Syarikat-syarikat awam pun tidak banyak yang mencapai keuntungan yang setinggi itu. Saya mungkin tidak tahu rahsia-rahsia hebat bagaimana Bank Rakyat ini dapat mencapai keuntungan yang sehebat itu. Saya mungkin mendapat maklumat tidak rasmi misalnya bahawa Bank Rakyat pinjamannya kepada pegawai-pegawai kerajaan dibolehkan potongan terus daripada gaji pegawai kerajaan itu terus dimasukkan ke dalam akaun pinjamannya dengan Bank Rakyat tersebut yang menjadikan pinjaman-pinjaman Bank Rakyat ini amat selamat berbanding dengan pinjaman yang dilakukan oleh bank-bank yang lain.

Walau apa pun dan saya kaji juga bahawa Bank Rakyat ini mempunyai anggota individunya seramai 792,798 orang, anggota koperasinya 1,401 buah koperasi. Saya hendak mencadangkan kalaulah mengikut perkiraan kementerian dan perkiraan saya, Bank Rakyat adalah contoh koperasi yang amat berjaya. Apakah tidak mungkin kerajaan, kementerian khususnya, merangka untuk mewujudkan satu lagi bank koperasi. Kalaulah yang bank koperasi ini boleh mencapai keuntungan sebesar itu sudah tentu dengan dividennya saya kira lebih kurang RM400 juta dalam tahun-tahun yang terkini ini kalau diwujudkan satu lagi bank koperasi.

■1710

Kalau Bank Rakyat yang ada ini boleh saya kata, tidak silap mengatakan sebahagian besar anggotanya adalah orang-orang Melayu. Apa tidaknya kalau bank koperasi yang kedua ini kita buka kepada semua kaum selaras dengan semangat yang ada di kalangan parti-parti Pakatan Rakyat, kalau tidak pun parti-parti Barisan Nasional. Jadi ini yang kita rasa kalau ini yang baik dan kalau kita kira Tuan Pengerusi bahawa cabaran utama negara kita bagi rakyat yang saya rasa dialami ialah untuk menanggung kos-kos pendidikan yang tinggi, kos perubatan yang tinggi, dan sebagainya.

Adakah tidak mungkin dirancang oleh kementerian ini supaya koperasi sama ada bank koperasi yang kedua atau pun koperasi-koperasi baru yang ingin ditubuhkan ini memberi sedikit atau pun tumpuan yang lebih sedikit kepada membantu anggota dan ahli-ahlinya dalam bidang pembiayaan pendidikan dan pembiayaan kos perubatan. Jadi, ini cadangan-cadangan saya kepada kementerian ini. Akhirnya, sebagai Ahli-ahli dan anggota-anggota Parlimen, mungkin yang dipihak pembangkang ini kurang kemampuan dan keupayaan.

Adakah tidak kementerian memikirkan untuk mewujudkan suatu koperasi untuk Ahli-ahli Parlimen, yang mana kita peroleh manfaat-manfaat bukan secara subsidi daripada kerajaan. Akan tetapi melalui sumbangan dan usaha-usaha yang kita lakukan sebagaimana juga koperasi-koperasi lakukan, supaya ada semangat di kalangan kita dengan pimpinan Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Benar-benar *cooperative movement*, bukan sahaja dalam perbahasan tetapi dalam aktiviti-aktiviti lain di luar Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

5.12 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Wira Chor Chee Heung]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat, yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Kewangan di peringkat Jawatankuasa. Mereka adalah terdiri daripada Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kota Raja, dan Yang Berhormat Tumpat. Biar saya menjawab sedikit soalan yang telah pun dibangkit oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang tadi saya sebut. Pertama adalah mengenai Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong membawa atau membangkit dua isu iaitu RM60 juta pada koperasi, kedua adalah RM50 juta pada Majlis Sukan Negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, harus kita mengambil tahu iaitu Tabung Amanah Sukan Negara ini tidak termasuk memajukan sukan di sekolah. Sukan di sekolah itu diserahkan kepada Kementerian Pelajaran. Maka, di sekolah ini adalah di bawah Kementerian Pelajaran sendiri. Walau bagaimanapun kita rasa amat gembira bahawa baru-baru ini kita dapat melihat pemain-pemain atau pun ahli-ahli sukan kita telah pun menjadi juara dalam beberapa bidang sukan, khususnya badminton, skuasy, *bowling*, dan juga renang. Akan tetapi kalau kita hendak banding dengan negara China

mungkin kita tidak dapat menyediakan atau pun menggalakkan ahli-ahli sukan kita untuk menjadi juara seperti di negara China sebab sistem kita dan negara China berlainan.

Negara China ini adalah sebuah negara yang mempunyai sistem pentadbiran yang lain. Maka di situlah kemungkinan dapat mencungkil bakat supaya mereka ini diberikan tekanan dan segala tumpuan. Kita di sini pun galakkan tetapi kita tidak boleh seperti negara China di mana mereka ini diwajibkan. Ini adalah sesuatu yang berlainan. Walau bagaimanapun, kerajaan menyediakan peruntukan yang besar bagi memajukan sukan. Sukan atlet pun kita beri iaitu RM45 juta untuk penyediaan atlet oleh Majlis Sukan Negara. Sukan OKU pun kita memberikan peruntukan sebanyak RM3 juta, dan juga pembangunan sukan MSSM, sebanyak RM34 juta pun kita beri. Majlis Sukan Negara juga memberikan geran bantuan sebanyak RM300 setahun untuk latihan skuad senior bola sepak.

Semua ini peruntukan ini diberikan melalui FAM untuk membantu senior skuad untuk memajukan skuad bola sepak di kalangan senior. Yang Berhormat Batu Gajah telah pun meminta supaya kerajaan lebih prihatin terhadap pembangunan sukan di kalangan akar umbi, di mana pun tidak kira. Saya rasa beliau amat ikhlas dan benar-benar menunjukkan bahawa betapa pentingnya jika kerajaan dapat memainkan peranan untuk membantu anak-anak kita di desa mahupun di bandar dalam bidang sukan. Supaya mereka ini kalau tidak boleh mencapai keputusan yang cemerlang di sekolah, mungkin mereka ini dapat menjadi juara di bidang sukan.

Ini adalah satu cadangan yang baik dan kita juga melalui Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, dan termasuk juga Majlis Sukan Negara. Ketiga-tiga institusi yang besar ini memang memainkan peranan. Memanglah kita harap dapat melihat supaya kerajaan dapat memperuntukkan lebih banyak lagi peruntukan supaya ia dapat pergi sampai ke akar umbi. Yang Berhormat Batu Gajah juga bertanyakan apakah niat dan tujuan peruntukan RM2 juta kepada Persatuan Badminton? Untuk makluman Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebelum itu boleh saya tanya berkenaan... Yang Berhormat Menteri terima kasih kerana bersetuju dengan pandangan saya berkenaan kepentingan sukan dan juga mencari pakar di desa. Apakah Yang Berhormat sudi memberi peruntukan kepada setiap Ahli Parlimen dalam Dewan ini tanpa mengira parti politik? Adakah ini boleh menjalankan aktiviti-aktiviti di setiap pelosok kawasan kami? Tanpa mengira parti politik, peruntukan tahunan, *one-off* lah kalau boleh, mulakan dengan *one-off*. [Disampuk] [Ketawa] Jadi kami boleh adakan aktiviti apabila kita

mendapati pertandingan diadakan yang mana menjadi juara kita boleh beri pemenang itu kepada Majlis Sukan atau kementerian tertentu yang boleh berterusan mencungkil bakatnya. Jadi, saya haraplah kita boleh memainkan peranan bersama memajukan sukan. Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Ini cadangan yang bernas juga. Akan tetapi kita haruslah lebih rajin supaya kita dapat membangkitkan isu ini dengan sama keikhlasan seperti sekarang ini kepada Kementerian Belia Sukan dan Kementerian Pelajaran sebab Kementerian Kewangan akan sudi memberikan peruntukan jika diminta oleh kementerian-kementerian berkenaan. Jika ia memenuhi maksud yang kita minta, untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, sukan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Yang Berhormat, bukannya dalam peruntukan tambahan ini, maaf ya.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Tidak ada, tidak ada.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta kita untuk luluskan Yang Berhormat kata bagi Majlis Sukan Negara, Kementerian Pelajaran, dan semua tetapi kita secara terus. *We are asking in direct* daripada Kementerian Kewangan. Jadi tidak mungkin... Apakah maksud lebih rajin untuk bangkitkan...

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Perkara ini.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Mungkin.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *We are very sincere about it.*

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *You know?*

Dato' Wira Chor Chee Heung: Mungkin betul juga. Saya akan ambil maklum mengenai permintaan itu, ya. Akan tetapi bukan sahaja saya yang boleh memberi kelulusan. Harus ianya saya bawa balik dan kita lihat bagaimana kita boleh membantu cadangan Yang Berhormat. Selain daripada itu, saya ingin beralih kepada pertanyaan Yang Berhormat Indera Mahkota. Pertama...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf ya. Yang Berhormat kata tadi BAM belum habis.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Mana?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: BAM RM2 juta. *You are about RM2...*

Dato' Wira Chor Chee Heung: Oh! Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih.

■1720

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ini kerana Yang Berhormat selalu berdiri, saya pun sudah lupa. [*Ketawa*] Jumlah RM2 juta ini kepada persatuan badminton. Seperti kita semua maklum, badminton ataupun bulu tangkis sudah menjadi satu-satunya sukan di mana pemain-pemain kita ini sentiasa menjadi juara. Kalau tidak sampai *Thomas Cup* lagi, kita haraplah dengan galakan dan sokongan yang akan ditunjuk oleh semua Ahli Yang Berhormat daripada barisan pembangkang, kita kali ini akan menjadi juara di *Thomas Cup*.

Sukan badminton ini adalah di antara salah satu empat jenis sukan dalam *Road to London 2012 Programme*, iaitu sukan yang mampu kita mendapat pingat emas di sukan Olimpik. Kita akan memberi perhatian, segala tumpuan supaya badminton ini - kita sudah berjalan begitu jauh, kita harus mendapat pingat emas dengan sedaya upaya, kita akan cuba. Ini adalah satu nota yang saya hendak beritahu Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya bangkitkan ialah apabila kita mahu menjayakan sukan contohnya badminton, persatuan yang mewakili sukan tersebut haruslah diberi sokongan yang sepenuhnya oleh kerajaan dalam pelbagai bentuk, contohnya kewangan.

Kita membaca laporan tadi, saya kata BAM begitu gembira apabila Datuk Lee Chong Wei menang, kerajaan memberi sumbangan RM2 juta. Dia kata boleh membayar jurulatihnya bonus tunggakan pelbagai kewangan dan ia akan *debt free*. Jadi, yang saya tekankan ialah kalau kita mahu sukan berjaya persatuannya itu ialah boleh sepenuh masa *concentrate* dalam memajukan sukan tanpa perlu risau berkenaan masalah kewangan.

Jadi, bagaimana BAM boleh berlaku sedemikian? Mahu melatih, pada masa yang sama perlu risau berkenaan kedudukan kewangan. Bayaran kepada pelatihnya, bayaran kepada jurulatihnya. Jadi, saya pohon penjelasan aspek ini.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Itulah Yang Berhormat. Kerajaan memang menyediakan pembayaran ataupun jumlah wang yang mencukupi. Kadangkala ia boleh lambat sedikit. Seperti dikatakan Yang Berhormat, selepas Lee Chong Wei menjadi juara dalam pertandingan badminton baru-baru ini, kerajaan dengan serta-merta pun bila dia balik ke negara kita, dia pun diberikan hadiah sebagai sumbangan atas kemenangan itu.

Kerajaan tidak akan teragak-agak dari segi menyediakan bayaran dan jumlah wang yang mencukupi kepada pemain-pemain, atlet-atlet kita ini. Itu saya percaya boleh terima Yang Berhormat bukan. Walau bagaimanapun, ini satu komitmen yang telah pun ditunjukkan oleh kerajaan selama ini. Yang Berhormat Indera Mahkota telah bertanya iaitu mengenai simpanan luar jangka jumlahnya RM2 bilion. Sebelum saya beralih kepada simpanan luar jangka RM2 bilion itu, biar bagi saya memberi penjelasan sedikit atas...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Lagi panjangkah jawapan Yang Berhormat itu?

Dato' Wira Chor Chee Heung: Tidak berapa panjang. Dekat hendak habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sebab masa itu Yang Berhormat. Hari ini tidak ada sambung.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Saya percaya 15 minit boleh habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bagi jawapan yang relevan Yang Berhormat. Yang di luar jangka ini koperasi dan sukan.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Akan tetapi di luar jangka itu Yang Berhormat, dia mesti hendak tanya itu. Dia memang tidak puas hati. Tidak pun *Monday?*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jawablah Yang Berhormat. Lagi ada enam minit.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Okey. Sebelum saya pergi Yang Berhormat Indera Mahkota, biar saya jawab dahulu yang lain itu. Yang Berhormat Kota Raja juga bertanya penglibatan belia di bidang sukan, apakah inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan. Ingin saya memberitahu iaitu bagi menggalakkan supaya sukan di kalangan belia-belia ini, KBS telah pun membina 1,178 buah gelanggang pelbagai di seluruh negara selain daripada yang telah pun dibangunkan oleh pihak swasta.

Soalan sama ada satu gelanggang satu kawasan itu, mula-mula memang giat berjalan, tetapi oleh kerana masalah tanah di mana gelanggang tidak dapat dibina sebab di sesetengah kawasan seperti di kawasan / ini memang tidak ada tanah yang sesuai untuk membina gelanggang itu. Sebab itulah sampai hari ini saya pun tidak dapat hendak mencari satu tapak yang sesuai untuk maksud itu.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ada sesetengah kawasan yang telah mempunyai tapak yang sesuai, sudah mula dengan pembinaan gelanggang. Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya. Terima kasih Timbalan Menteri. Sebenarnya saya faham pembinaan gelanggang itu mungkin sukar kerana tanah. Akan tetapi, sekarang ini apa yang saya hendak katakan adalah kita ada banyak padang-padang, kawasan-kawasan yang telah diperuntukkan oleh PBT dan mungkin kadang-kadang padang sekolah dan sebagainya.

Akan tetapi, masalahnya ialah penyelenggaraan. Kita tidak perlu membina gelanggang-gelanggang baru tetapi menyelenggarakan yang sedia ada dan *upgrade*, menaiktarafkan yang sedia ada. Inilah yang rasa saya perlu daripada Kementerian Belia dan Sukan untuk membuat satu *survey* di semua kawasan dan mengenal pasti tempat-tempat yang sesuai yang boleh kita naiktarafkan untuk para remaja dan belia.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ya, Yang Berhormat. Saya setuju dengan itu dan saya akan sampaikan permintaan Yang Berhormat kepada Kementerian Belia dan Sukan. Kita hendak melihat pada tahun depan sama ada peruntukan yang mencukupi dapat disediakan bagi maksud tersebut.

Akan tetapi, ini bukan satu perkara yang mudah untuk dicapai sebab kalau kita hendak memajukan semua kawasan di seluruh negara ini memang akan melibatkan kos yang begitu tinggi sekali. Walau bagaimanapun, buat masa ini selain daripada apa yang disediakan oleh – macam gelanggang-gelanggang yang disediakan kerajaan, pihak swasta pun sudah mula untuk memainkan peranan. Walaupun kita perlu bayar lebih tetapi gelanggang masih ada di kota-kota besar dan mungkin ini boleh membantu kita.

Selain daripada itu juga, apakah peruntukan kumpulan wang ini juga kepada – Melibatkan perbelanjaan politik dan bukan – Selain daripada itu, Yang Berhormat Kuala Krai telah bertanya mengenai, adakah akan dibina satu institut untuk mewujudkan kursus kemahiran bagi sukan permotoran antarabangsa. Yang Berhormat Kuala Krai sudah pun memberi cadangan supaya IKBN juga boleh memainkan peranan jika kita tidak mempunyai lain-lain yang boleh ataupun sesuai untuk mengambil alih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Bukan saya hendak mencadangkan IKBN. Maklumat yang kita dapat daripada media, suatu IKBN khusus akan dibina untuk program melatih bidang teknikal sukan permotoran. Saya cadangkan, tidak perlulah buat satu IKBN yang khusus untuk tujuan ini, yang sukannya pun bukan berapa besar di Malaysia. Akan tetapi mana-mana IKBN yang ada, di Langkat ada, di mana-mana. Satu bahagian boleh dimulakan di IKBN yang sedia ada. Saya rasa cadangan itu *simple* dan lebih munasabah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa minit boleh habis? Beritahu saya Yang Berhormat.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Satu tidak boleh habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ha?

Dato' Wira Chor Chee Heung: Tidak boleh habis satu. 15 minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: 15 minit?

Dato' Wira Chor Chee Heung: 20 minit? Esok, esok.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *[Ketawa]* Hari Khamis ini kadang-kadang 15 minit orang tidak boleh tunggu Yang Berhormat. Baiklah Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat akan jawab Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Kuala Krai belum habis lagi, selepas itu...

Dato' Wira Chor Chee Heung: Yang Berhormat Tumpat lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tumpat. Jadi, kalau 15 minit itu mungkin...

Dato' Wira Chor Chee Heung: Tidak boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Lebih daripada 15 minit soal jawab, oleh kerana soalan-soalan tambahan yang akan dibuat. Jadi dengan itu Yang Berhormat, kita sambunglah pada hari Isnin.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguh sehingga pukul 10.00 pagi hari Isnin, 12 April 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.